

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Rabu, 22 Mac 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) yang masih belum dituntut setakat ini dan adakah Jabatan Pendaftaran Negara di Sarawak bercadang memberi senarai-senarai nama pemohon-pemohon (KPT) itu melalui wakil rakyat atau ketua masyarakat masing-masing terutamanya kepada penduduk luar bandar Sabah dan Sarawak sebelum tarikh (KPT) mereka dimusnahkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kad pengenalan bermutu tinggi yang telah siap dan tidak dituntut bagi negeri Sarawak setakat ini ialah sebanyak 18,851 kad. Sehingga kini kerajaan berpendapat pemberitahuan menggunakan pos dan hebahan melalui siaran radio daerah adalah memadai bagi memaklumkan kepada penduduk di pedalaman di Sabah dan Sarawak supaya mereka mengambil kad pengenalan mereka. Oleh yang demikian, kerajaan tidak bercadang untuk memberi senarai nama kepada mana-mana wakil rakyat atau ketua kampung kerana ianya akan melibatkan soal-soal keselamatan.

Waku bagaimanapun, jika Ahli-ahli Yang Berhormat serta ketua masyarakat masing-masing ingin membantu penduduk tersebut, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mendapat bantuan daripada pegawai pendaftaran di peringkat daerah dan negeri.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Memandangkan kad pengenalan bermutu tinggi ini dokumen yang terpenting sekali untuk semua rakyat Malaysia dan kad ini kita akan bawa ke mana-mana sahaja kita pergi. Jadi, untuk memudahkan segala urusan selain daripada menyimpan alamat tempat tinggal di kad ini, adakah kerajaan bercadang membuat kad pengenalan yang baru yang dikatakan kad pintar (smart kad) dan kad ini dapat

digunakan serba boleh untuk segala urusan. Misalnya, dalam kad ini kita dapat menyimpan nombor bank akaun, nombor fail peribadi, nombor fail kesihatan, no fail cukai tahunan, kelayakan akademik, pekerjaan seseorang itu dan juga dapat dipakai sebagai kredit kad supaya kad ini dapat digunakan serba boleh dan tidak usah membawa dokumen-dokumen yang lain.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi pandangan supaya menjadikan kad pengenalan ini bukan sahaja kad pengenalan diri tetapi kad pengenalan peribadi. Ia akan menimbulkan masalah kepada pemegang kad pengenalan sekiranya kad pengenalan ini hilang. Perkara seperti ini memang diberi pertimbangan oleh Kementerian Dalam Negeri khasnya Jabatan Pendaftaran Negara supaya kad pengenalan kita adalah khusus untuk peribadi ataupun personality orang yang berkenaan. Ia tidak melibatkan akaun dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, saranan dan pandangan Yang Berhormat ini kita akan pertimbangkan dalam satu jangka masa yang sesuai. Pada ketika ini kita tetap dengan apa yang kita ada sekarang.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada maklumat difahamkan bahawa kad-kad pengenalan bermutu tinggi ini sekiranya tidak dituntut akan dibakar. Dan kita ketahui tadi bahawa di Sarawak dan Sabah terdapat 18,851 kad. Bagaimana kedudukan di Semenanjung Malaysia, dan adakah kementerian dapat mengetahui atau mengenal pasti sebab mengapa kad-kad ini tidak dituntut, kerana kalau kad-kad ini tidak dituntut bahawa kerajaan telah menanggung kos yang begitu tinggi untuk menyediakan kad-kad ini, dan tidakkah kerajaan mengenakan apa-apa denda kepada pemohon-pemohon yang tidak mengambil kad-kad tersebut.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, bagi Sabah dan Sarawak soalan awal ini kita telah maklum bahawa terdapat 18,851 kad yang tidak dituntut. Saya yakin bagi seluruh Semenanjung Malaysia ianya adalah lebih banyak. Walau bagaimanapun, soalan yang dibangkitkan apakah tindakan kita terhadap kad-kad yang tidak dituntut. Mengikut peraturan-peraturan yang tertentu ada dalam jangka masa yang tertentu kad-kad yang tidak dituntut ini akan dimusnahkan. Sebahagian besar daripada kad-kad yang tidak dituntut ini oleh sebab penempah ataupun orang-orang

yang telah buat kad pengenalan itu sendiri dalam jangka yang telah ditetapkan tidak datang menuntut di Pejabat Pendaftar di tempat masing-masing. Yang keduanya, ada juga yang telah membuat kad pengenalan ini kemudian telah meninggal dunia. Walaupun, pihak pendaftar yang mengeluarkan kad pengenalan ini memaklumkan kepada pihak yang berkenaan tetapi terdapat kadangkala pihak yang berkenaan telah bertukar tempat dan alamat. Oleh sebab itu, terdapat satu communication gap. Tetapi dalam jangka masa yang tertentu dan Kementerian Dalam Negeri sentiasa memaklumkan kepada rakyat supaya mengambil kad pengenalan mereka seperti yang telah ditetapkan dalam surat apabila mereka merempah kad pengenalan ini. Kerugian kita boleh mengelak kerana kecuaiannya rakyat menjadikan kerajaan menanggung beban.

2. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) kedudukan cadangan kerajaan memajukan Lebuhraya Pantai Timur daripada Kuala Lumpur ke Pantai Timur; dan
- (b) persetujuan kerajaan-kerajaan negeri untuk mengenakan tol lebuhraya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) pembinaan Lebuhraya Pantai Timur adalah dari Karak di negeri Pahang sehingga Cenering di negeri Terengganu sejauh 338 kilometer. Walau bagaimanapun, projek ini akan dilaksanakan di bahagian negeri Pahang terlebih dahulu iaitu dari Karak ke Kuantan sejauh 169 kilometer. Dokumen kontrak sedang dimuktamadkan dan kerja-kerja dijangka bermula setelah perjanjian ditandatangani.
- (b) di negeri Terengganu projek akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan apabila kerajaan negeri memberi persetujuan terhadap lebuhraya itu dan juga terhadap pengenaan tol.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa akan dilaksanakan juga bahagian di Terengganu, dan baru-baru ini kita dengar dalam akhbar kerajaan baru Terengganu mengatakan ia tidak ada halangan untuk melaksanakan projek itu, kata

dia, pada mulut. Tetapi saya hendak bertanya bagaimana kedudukan sekarang ini sebab depa ini hanya mengatakan setuju tetapi pada dasarnya dia akan melengahkan dan cuba menghalang projek ini takutkan mileage ataupun nama baik itu takut kerajaan mendapat nama baik oleh rakyat dan sanjungan daripada rakyat dan secara senyap-senyap cuba menghalang terutamanya isu pengambilan tanah. Bagaimana pandangan dan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Kerajaan Persekutuan memang sedar bahawa pihak pembangkang memang sering membuat penafian akan segala tindakan ataupun kenyataan mereka. Maka sebab itu, walaupun Kerajaan Negeri Terengganu telah menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai halangan, tetapi Kerajaan Persekutuan mahukan supaya persetujuan bertulis diberikan oleh Kerajaan Negeri Terengganu, bukan sahaja menerima lebuh raya itu tetapi juga menerima supaya lebuh raya itu dikenakan tol ataupun jika tidak menerima bayaran tol, Kerajaan Negeri Terengganu bersetuju untuk membayar pampasan sebanyak menggantikan bayaran tol. Ini dibuat kerana apabila Kerajaan Negeri Terengganu diambil alih oleh parti PAS, mereka telah mengambil tindakan memansuhkan tol di Jalan Sultan Mahmud, Kuala Terengganu dan haruslah kita sedar bahawa pembinaan jalan tersebut juga adalah sumbangan pemberian daripada Kerajaan Pusat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih. Soalan tambahan. Bersetujukan pihak Yang Berhormat dikatakan dalam memajukan projek-projek kepentingan awam seperti lebuh raya seumpama ini, isu-isu politik perlu diketepikan. Oleh kerana itu, tidak disebutkan oleh pihak Yang Berhormat tadi pakej kepada pembinaan Lebuhraya Pantai Timur ini yang melibatkan negeri Kelantan. Saya ingin penjelasan supaya adakah benar negeri Kelantan dikebelakangkan dalam usaha untuk membina Lebuhraya Pantai Timur kerana kita yakin Pantai Timur itu terangkum sama negeri Kelantan dan dalam peruntukan Kerajaan Pusat sendiri pun tidak kurang daripada RM240 juta diperuntukkan untuk pembinaan lebuh raya yang melibatkan Simpang Pulai-Loging, Gua Musang ke Kuala Brang. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya percaya kita perlu selesaikan rundingan kita dengan Kerajaan Negeri Terengganu dahulu. Kalau itu tidak selesai, macam mana lebuh raya itu hendak sampai ke negeri Kelantan. *[Tepuk]*

[Soalan No.3 - Y.B. Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) tidak hadir]

4. **Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bahawa adakah pihak kementerian bercadang mewujudkan satu jawatankuasa seperti NEAC yang dianggotai oleh pemimpin-pemimpin pemuda dan wakil-wakil pertubuhan belia yang lebih memahami serta membincangkan masalah dan cara-cara menyelesaikannya masalah sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh belia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan dari Yang Berhormat bagi Teluk Intan sukalah saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa NEAC itu sebenarnya berbeza daripada NECC. Apa yang dimaksudkan dalam soalan Yang Berhormat itu lebih mirip kepada NECC yang membawa maksud National Economic Consultative Council dan bukannya National Economic Action Committee.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah pun menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara atau MPBM yang berfungsi sebagai badan tertinggi 'parlimen belia' yang akan membincangkan pelbagai isu ke arah pembangunan belia dan negara. Majlis Perundingan Belia Negara mengadakan persidangan sekurang-kurangnya dua kali setahun dengan menekankan kepada perbincangan isu-isu utama yang menyentuh pembangunan belia dan kerajaan dalam melaksanakan agenda pembangunan belia. Ahli Majlis Perundingan Belia Negara adalah seramai 120 orang yang mewakili pelbagai bidang dan kepakaran. Antara lain termasuk pemimpin-pemimpin kanan belia dan NGO, ahli-ahli korporat, tokoh-tokoh tempatan, aktivis masyarakat, ahli-ahli politik, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan swasta dan tokoh-tokoh agama. Segala keputusan daripada persidangan ini akan diperbincangkan di peringkat tertinggi kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Perundingan Belia Negara ada berfungsi di peringkat negeri bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan belia dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi negeri yang berkenaan.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian bercadang mengadakan lebih banyak aktiviti yang melibatkan belia dari semua kaum untuk mengeratkan perhubungan di antara organisasi dan kelab-kelab dari semua kaum. Wawasan kami adalah mewujudkan satu

bangsa Malaysia, dan untuk bangsa Malaysia menjadi satu kenyataan kita mesti terlebih dahulu memupuk satu konsep anak Malaysia. Apakah langkah yang diambil supaya belia dari semua kaum akan berasa bangga dan bekerjasama sebagai anak Malaysia dan tidak mengira kaum.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Teluk Intan itu tadi sememangnya merupakan strategi-strategi yang dirangkakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Selama ini pelaksanaan segala program Rakan Muda dan juga program-program lain untuk pembangunan belia sememangnya tidak meletakkan had batas dari segi agama ataupun etnik. Dalam hubungan ini, sukalah saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa dalam pelaksanaan program-program untuk pembangunan belia perlu juga kita mengambil kira tentang wujudnya perbezaan dari segi agama, budaya dan sebagainya di kalangan belia kita yang berbilang kaum. Itulah sebabnya penekanan itu mungkin berbeza-beza bila kita menangani sesuatu kumpulan sasaran yang disasarkan.

5. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kedudukan rakyat Malaysia yang tidak dibenarkan keluar negeri setakat ini dengan memberikan butir-butir seperti bilangan, pekerjaan dan jenis-jenis kesalahan mereka.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini seramai ini 79,618 orang warganegara Malaysia yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat termasuk ahli perniagaan, golongan profesional dan pekerja swasta dilarang keluar negeri atas sebab-sebab seperti telah diisytiharkan umpamanya muflis dan tidak menjelaskan cukai pendapatan, gagal menjelas cukai yang dikenakan oleh pihak kastam, setelah dihukum sama ada di dalam atau di luar negeri atas kesalahan jenayah berat dan terlibat dengan kes dadah serta kegiatan yang boleh menjejaskan keselamatan dan nama baik negara.

Tuan Tan Kok Wai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah kedudukan ahli-ahli politik khususnya pemimpin-pemimpin kerajaan, ahli-ahli Parlimen, ahli-ahli dewan undangan negeri dan sebagainya yang diharam keluar negeri ataupun pas mereka ditahankan kerana pelbagai tuduhan seperti rasuah. Soalan saya timbulkan kerana terdapat ramai lagi pemimpin kerajaan terutamanya terdapat juga menteri-menteri, timbalan-timbalan

menteri, setiausaha-setiausaha parlimen, ketua-ketua menteri, menteri-menteri besar, ahli-ahli exco dan sebagainya yang masih disiasat oleh BPR.

Adakah kod khas yang dicatat dalam pasport mana-mana rakyat jika mereka disiasat oleh apa-apa jabatan-jabatan kerajaan dan akan dihalang di kaunter imigresen baikpun di Lapangan Terbang atau di mana-mana immigration point. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini membayangkan satu prasangka yang tidak baik terhadap kerajaan. *[Tepuk]* *[Sorak]* Saya hendak maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat kalau Kerajaan Barisan Nasional ini berasaskan kepada tuduhan kepada orang-orang yang tertentu, di luar Dewan yang mulia ini nanti saya juga boleh menuduh Yang Berhormat rasuah. Maka Yang Berhormat tidak boleh keluar daripada negara ini tetapi kerajaan tidak mengambil sikap menggunakan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas untuk menyekat kebebasan rakyat di dalam negara kita.

Semua tuduhan-tuduhan yang berasas hendaklah dibawa kepada pengadilan dalam negara ini dan mereka yang terlibat dalam kesalahan-kesalahan yang tertentu seperti yang telah saya sebutkan tidak dibenarkan keluar daripada negara ini dan pasport mereka ditahan. Saya yakin Yang Berhormat juga mempunyai pasport antarabangsa Malaysia dan di dalam pasport Yang Berhormat itu tidak menulis bahawa Yang Berhormat adalah DAP dan akan menjejaskan Kerajaan Barisan Nasional, maka dengan itu Yang Berhormat tidak boleh keluar daripada negara ini.

Saya yakin Yang Berhormat telah membaca mungkin Yang Berhormat tidak faham. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan.

Tuan Tan Kok Wai: *[Bercakap tetapi pembesar suara tidak dihidupkan]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kita sudah kata bahawa kebebasan ada pada semua, kalau ada special code, mungkin special code daripada pembangkang kepada kerajaan. Tidak ada special code daripada kerajaan kepada pembangkang. *[Tepuk]*

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Pada suatu ketika ramai rakyat Malaysia pergi bekerja di negara asing dan apabila mereka balik ke tanah air kita sendiri, maka pasport mereka ditahan atau mahupun dipulangkan balik tetapi dicatat supaya mereka tidak dibenarkan keluar dari negara kita ke negara asing buat satu tempoh yang dihadkan. Adakah praktis ini

masih dijalankan pada masa sekarang kerana rakyat Malaysia pergi ke rantau orang bekerja bukan kerana mereka pergi seronok-seronok tetapi pergi mencari duit dan membawa pertukaran asing balik ke Malaysia.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya akui bahawa apa Yang Berhormat katakan itu adalah benar bahawa ramai rakyat Malaysia yang keluar daripada negara ini untuk mencari nafkah hidup bekerja dan sebahagian daripada mereka 'berseronok-berseronok'. *[Ketawa]* Kalau 'berseronok-berseronok' balik kita tidak akan meletakkan pelbagai syarat kepada mereka ini ataupun merampas passport mereka.

Dalam jawapan awal saya tadi semua rakyat Malaysia sama ada dalam negeri ataupun yang telah pergi ke luar negeri, kita awasi dan kita ada hubungan dengan negara-negara yang berkenaan. Mungkin mereka ini telah melakukan kesalahan-kesalahan yang tertentu ataupun menjalankan dakyah memburukkan kerajaan negara ini di negara asing, maka berita-berita ini sampai kepada kita dan bagi menentukan supaya perkara ini tidak terus berlaku, maka tindakan seperti ini kita ambil.

Ini bukan bermakna menyekat terus mereka keluar dan mereka boleh memohon untuk mendapat kelulusan dalam jangka masa yang terdekat ataupun dalam jangka masa yang tertentu. Saya yakin keadilan akan kita praktiskan dalam kerajaan hari ini.

6. **Tuan Haji Amihanzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jenis buah-buahan, sayur-sayuran dan bahan-bahan makanan yang dimport yang diawet dengan bahan-bahan kimia mungkin memudaratkan pengguna. Daripada jumlah ujian yang dijalankan oleh kementerian mengikut Peraturan-peraturan Makanan 1985, apakah kandungan bahan kimia yang digunakan berada pada paras selamat dan halal dimakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. R. Anpalagan]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan ke atas makanan import pada tahun lepas iaitu bagi tempoh Januari sampai Oktober 1999, hanya enam sample mengandungi residue racun perosak melebihi paras maksimum yang dibenarkan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985. Walau bagaimanapun, kadar pelanggaran adalah rendah dan secara keseluruhan boleh dinyatakan bahawa bahan makanan yang dipasarkan di negara ini termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran yang diimport adalah selamat dimakan.

Persoalan mengenai halal atau haram racun perosak yang digunakan pada buah-buahan dan sayur-sayuran yang diimport tidak timbul. Ini adalah kerana semua racun perosak yang digunakan adalah halal.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan di atas keprihatinan dari segi keselamatan [*Disampuk*] selamat dari segi consumption untuk makanan ataupun dari segi halal haramnya.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi dimaklumkan bahawa enam sampel telah didapati melanggar Peraturan Akta Makanan 1985. Oleh itu, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan butiran-butiran terperinci mengenai pelanggaran peraturan-peraturan ini. Terima kasih.

Tuan S. R. Anpalagan: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Lipis. Tuan Yang di-Pertua, daripada enam sampel yang telah diperiksa, ianya terdiri daripada dua sampel buah-buahan iaitu oren dari Cina dan longan dari Thailand serta empat sampel sayur-sayuran iaitu sawi, daun salad, lobak Jepun dan bawang merah dari Thailand. Enam sampel ini merupakan hanya 0.5% daripada jumlah sampel yang diperiksa iaitu daripada 1,529 sampel kesemuanya:

- daun sawi yang sepatutnya mempunyai paras sisa maksimum sebanyak 0.2 milligram, didapati mengandungi 0.25 milligram;
- daun salad yang sepatutnya mengandungi 5 milligram, didapati 6.13 milligram;
- lobak Jepun yang sepatutnya mengandungi 5 milligram iaitu paras yang dibenarkan, didapati 5.57 milligram;
- bawang merah yang sepatutnya 0.2 milligram, didapati 0.44 milligram;
- buah longan yang sepatutnya 0.01 milligram, didapati 0.15 milligram; dan
- mandarin oren yang sepatutnya 0.2 milligram, didapati 0.41 milligram.

Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan untuk Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Saya ingin penjelasan selain daripada ujian-ujian yang dijalankan ke atas buah-buahan dan sayur-sayuran yang diimport, apakah langkah-langkah lain yang dijalankan oleh kementerian untuk memastikan makanan-makanan yang diimport ini selamat untuk dimakan. Terima kasih.

Tuan S. R. Anpalagan: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ujian-ujian makmal mengenai buah-buahan dan sayur-sayuran ini, Kementerian Kesihatan juga mengambil langkah untuk memastikan makanan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran ini selamat dimakan. Antaranya ialah mengetatkan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk dan mengadakan operasi khas di musim-musim perayaan dan juga mengadakan pemeriksaan mengejut terhadap pusat-pusat yang menjual dan membeli bahan-bahan makanan ini. Kementerian juga sedang berusaha untuk memperkenalkan kaedah metodologi analisis yang lebih canggih untuk mendapat keputusan yang lebih halus mengenai paras sisa maksimum buah-buahan dan sayur-sayuran ini. Sekian, terima kasih.

7. **Tuan Mohd. Amar bin Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kerajaan bercadang untuk menilai 'semua' perjanjian konsesi kutipan tol di Jalan Pahang dan Jalan Kuching secara khususnya dan lain-lain tempat secara amnya.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit pembetulan ke atas soalan. Baris yang ketiga 'menilai semula' bukan 'menilai semua' seperti yang tertulis. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor tujuh.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menilai semula kadar tol di Jalan Pahang dan di Jalan Kuching. Bagi lebuh raya-lebuh raya bertol lain, penstrukturan semula kadar tol dan perjanjian konsesi telah, sedang dan akan dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan telah pun menstrukturkan semula kadar tol bagi Lebuh Raya-Lebuh Raya Utara Selatan, Lebuh Raya Sungai Besi dan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak. Kerajaan juga sedang merundingkan penstrukturan kadar tol bagi Lebuh Raya Utara Selatan Hubungan Tengah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat berikhtiar untuk memberi jawapan yang setepatnya tetapi malangnya penjelasan itu kurang jelas ‘Seperti tebusan di dalam tukirnya’ *[Disampuk]* dan kalau Yang Berhormat bagi Sungai Siput ada di sini mungkin kita dapat jawapan yang lebih detail

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong tidak payah sebut itu. Bukan, bukan soalan tambahan. Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan, akan – soalan banyak Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Soalan sangatlah banyak mengenai tol-tol di Jalan Pahang dan juga Jalan Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bila beri peluang kepada Yang Berhormat Dewan yang mulia ini bisinglah.

Dr. Tan Seng Giaw: Bisingskah? Bukan saya bising, orang lain yang bising. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih elok jangan beri peluang kepada Keponglah. *[Ketawa]* Sila kemukakan soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak boleh, beri peluang dengan banyak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:dan boleh menyerikan Dewan yang mulia ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan banyak. Adakah Yang Berhormat sedar – ini soalan. Ini soalan, bahawa tol yang dikenakan di Jalan Pahang dan juga di Jalan Kuching ini walaupun distruktur tetapi masih menimbulkan syak wasangka terutamanya dengan penstrukturan ini rakyat diberitahu bahawa ada konsesi yang lain, yang lanjut daripada konsesi kepada Kamunting sekarang, ada konsesi yang lain, yang mengambil masa lebih 20 tahun lagi ataupun 30 tahun lagi dan kerja untuk mengutip tol ini kerja-kerja akan dibuat itu bukan di Jalan Kuching tetapi di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Damansara Heights dengan terowong dan sebagainya. Buat

terowong di tempat lain, hendak kutip tol di Jalan Kuching. Itulah masalah Kementerian Kerja Raya [Disampuk] dan dengan EPULah itu,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalan itu? [Disampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah dia sedar bahawa ini ada konsesi yang dilanjutkan dan juga dengan demikian ada kadar tol yang ditetapkan dari masa ke semasa dalam konsesi itu yang lebih tinggi daripada mampu dibayar oleh pihak pengguna jalan. [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup faham.

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak lagi.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya pendek kepada soalan ini kerana perkara ini sudah banyak kali diulang. Hanya masalahnya pihak pembangkang tidak faham-faham akan setiap penjelasan yang diberi. [Tepuk] [Disampuk]

Jadi, untuk perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, saya ingin menyatakan sekali lagi mengenai Jalan Pahang, ia merupakan jalan dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang telah diswastakan oleh Dewan Bandaraya kepada syarikat konsesi Tetuan Metramac Corporation Sdn. Bhd. Kutipan tol di Jalan Pahang dimulakan pada 1 Ogos 1995 dan perjanjian akan tamat pada 31 Mac 2004.

Kutipan tol hanya dikenakan sehala iaitu jalan masuk ke pusat bandar dengan kadar 50 sen sahaja. Itu untuk Jalan Pahang. Untuk Jalan Kuching, tempoh kutipan tol akan berakhir 2003, projek ini telah diswastakan pada 15 April 1985. Tempoh konsesi asal bagi projek penswastakan Jalan Tol Kuching sepatutnya tamat pada 7 Januari 1996.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah memutuskan untuk melanjutkan tempoh konsesi dengan mengarahkan syarikat konsesi iaitu Kamunting Corporation Berhad melaksanakan kerja-kerja tambahan di luar skop asal konsesi. Kerja-kerja tambahan yang dilaksanakan ialah memperbaiki dan mempertingkatkan Jalan Kuching dan pembinaan Persimpangan Bertingkat di Bulatan Kepong.

Kos-kos kerja tambahan ini ialah sebanyak RM14,591,914.19 sen. Tempoh konsesi telah dilanjutkan selama tujuh tahun bagi membolehkan syarikat konsesi

mendapat kembali perbelanjaan melaksanakan kerja-kerja tambahan. Ini bermakna tempoh konsesi akan tamat pada 7 Januari 2003.

Kadar tol yang sedang dikutip oleh Kamunting ialah secara kadar tetap di sepanjang tempoh konsesi iaitu 50 sen itu kenderaan ringan dan RM1 untuk kenderaan berat.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan tambahan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak ada, tak ada.
[Disampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Kena tidak 2003 akan dilanjutkan lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Kemaman.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya henda k tanya Kementerian Kerja Raya mengenai Kerajaan Negeri Terengganu tidak bersetuju mengutip tol daripada lebuhraya yang dicadangkan dibina di antara Cendering hingga ke Kuantan. Adakah ini benar ataupun pembohongan yang dibuat oleh 'Setiausaha Parlimen' di Dewan yang mulia ini dan juga halangan-halangan yang kononnya yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk menghalang pembinaan jalan raya ini, adakah ianya merupakan halangan yang diadakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu ataupun halangan-halangan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat untuk melengah-lengahkan projek ini.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Walaupun soalan itu luar daripada tajuk tetapi saya ingin nyatakan iaitu sebenarnya Yang Berhormat tidak faham apa yang saya jawab mengenai soalan yang dikemukakan oleh Rompin tadi.

Saya kata kita minta Kerajaan Negeri Terengganu menulis, memaklumkan secara bertulis persetujuan mereka, tidak mahu cakap melalui akhbar tetapi secara bertulis, maka barulah *[Tepuk]* kita akan meneruskan perundingan untuk projek ini.

[Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut] tidak hadir]

9. **Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kerajaan bercadang hendak meminta maaf kepada para peserta APCET yang ditangkap beberapa tahun lalu memandangkan kerajaan kini dijangka akan mengiktiraf kemerdekaan Timor Timur malah dijangka akan menerima lawatan Xanana Gusmao yang perjuangannya disokong oleh para peserta APCET itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, pada 30 Ogos 1999, satu referendum di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah diadakan bagi menentukan sama ada Timor Timur akan menjadi sebagai sebahagian daripada Wilayah Republik Indonesia atau mendapatkan kemerdekaan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum majoriti penduduk Timor Timur telah memilih untuk mendapat kemerdekaan sepenuhnya daripada Indonesia dan keputusan tersebut direstui dan diiktiraf oleh Kerajaan Indonesia dan juga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Jadi, selaras dengan keputusan tersebut Kerajaan Malaysia telah menerima kunjungan Encik Xanana Gusmao, Presiden Majlis Kebangsaan Penentangan Rakyat Timor Timur atau CNRT ke Malaysia pada 7 dan 9 Februari yang lalu. Kerajaan Malaysia juga akan mengiktirafkan Wilayah Timor Timur sebaik sahaja wilayah tersebut diisytiharkan merdeka sepenuhnya oleh PBB dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi.

Jadi, sehubungan dengan perkembangan seperti di atas soal untuk meminta maaf kepada mereka yang terlibat dalam aktiviti yang dilakukan tanpa kebenaran untuk menyokong perjuangan Timor Timur sewaktu Wilayah tersebut berada di bawah pemerintahan Kerajaan Indonesia adalah tidak timbul.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Pemuda UMNO pada waktu itu Saifuddin Nasution baru-baru ini telah membuat minta maaf secara terbuka kepada Timor Timur di atas sikap mereka pada waktu itu yang mencerooboh Sidang APCET ini.

Persoalan saya apakah pihak kerajaan berjanji bahawa lain kali jika ada persidangan-persidangan yang berbentuk aman, tidak bersifat violent dan menghasut rakyat Malaysia, memberontak terhadap rakyat Kerajaan Malaysia diizinkan. Misalnya, Persidangan Pejuang-pejuang Aceh, kalau ingin buat persidangan di sini

mereka diizinkan sebab kalau kita menentang sekarang sedangkan mereka membuat sesuatu ataupun lain-lain pertubuhan dengan secara aman, maka imej kerajaan kita agak terjejas dengan negara yang baru merdeka nanti.

Jadi, apakah sikap kerajaan bila satu persidangan yang tidak violent diizinkan sekarang dan pada masa yang akan datang, walaupun pihak kerajaan tidak setuju dengan perjuangan mereka tetapi mereka datang bersidang dengan aman, tenteram, tidak menghasut rakyat. Bolehkah diizinkan pada masa yang akan datang?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat perlu diingatkan bahawa tanggapan mereka dalam APCET yang diadakan adalah kerana mereka mengadakan perhimpunan tanpa permit dan tidak ada kena mengena dengan isu-isu yang telah ditimbulkan. Walaupun dikatakan masa itu kedudukan Kerajaan Negara Malaysia kita masih tidak menyokong kedudukan penglibatan Timor Timur dan mengenai Indonesia pada masa itu. Pada masa itu kita masih anggapkan perkara ini adalah perkara dalaman Republik Indonesia.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang saya tahu persidangan APCET itu sebenarnya adalah atas jemputan sahaja iaitu close door sahaja dan ini satu function close door yang dijalankan secara tutup pintu, ia seharusnya dibenarkan kerana ia close door, tetapi ia masih dicerobohkan oleh ahli-ahli UMNO yang bersubahat dengan pasukan polis yang mana ini diiktirafkan secara terbuka dan disiarkan di media antarabangsa oleh Nasution, bekas Setiausaha Pemuda UMNO yang mana beliau juga menuduh bahawa tokoh-tokoh kerajaan termasuk bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri juga bersubahat bersama dengan polis.

Jadi, apakah penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap confession beliau dan juga saya menyokong cadangan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah bahawa ini tidak harus diadakan lagi supaya sekiranya sesebuah negara itu merdeka

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...ini akan merosakkan perhubungan dua hala.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa saya masih menafikan di sini tidak

ada subahat apa-apa di antara pihak kerajaan dan pihak-pihak Pemuda yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, kita ingin menjelaskan sekali lagi di sini bahawa perhimpunan itu, walaupun dari segi jemputan dan close door, adalah diadakan di negara kita, di mana kedudukan Malaysia masa itu adalah tidak ingin campur tangan dengan isu Timor Timur dengan Indonesia, yang kita anggapkah perkara dalaman, dan kita telah cukup yakin bahawa Kerajaan Indonesia akan mengikut masa (in time, dengan izin,) akan menyelesaikan masalah ini dan kita nampak pada hari ini perkara ini pun telah mencapai satu-satu persetujuan yang kita harapkan baik dan kita berusaha menerusi multilateral dan juga bilateral akan terus mewujudkan apa yang kita hargai ialah kedamaian, kestabilan politik di wilayah ini. Terima kasih.

10. Tuan Ronald Kiandee [Beluran] minta Perdana Menteri menyatakan kesan pelaksanaan cuti umum Sabtu pertama setiap bulan ke atas pentadbiran kerajaan. Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan sistem lima hari bekerja untuk kakitangan awam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan yang di-Pertua, Kerajaan barisan Nasional belum bercadang melaksanakan sistem lima hari bekerja seminggu untuk kakitangan awam. Kesan pelaksanaan hari rehat Sabtu pertama setiap bulan amatlah positif. Atas kesedaran inilah kerajaan Barisan Nasional pada bulan Februari lepas menambahkan satu lagi hari rehat Sabtu iaitu pada hari Sabtu minggu ketiga.

Selain membolehkan anggota kerajaan bersama anggota keluarga, ianya telah juga dapat menggalakkan pelancongan dalam negeri, sekali gus meningkatkan kuasa beli dan membantu dalam pemulihan ekonomi negara.

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih dengan jawapan yang diberi dan saya kira sekiranya kerajaan bercadang untuk melaksanakan cuti hari Sabtu sepanjang bulan, ianya tentu sekali bukan atas cadangan daripada PAS.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, telah sekian lama cuti Sabtu pertama ini diadakan dan sekarang ini cuti Sabtu kedua pula diadakan juga, saya ingin tahu bagaimana pula respon orang awam terhadap sistem pentadbiran Sabtu yang tidak ada ini terhadap soal urusan dengan pejabat-pejabat kerajaan. Sekian.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak ada mendapat aduan negatif dari orang awam kerana sebenarnya waktu bekerja pada hari Sabtu yang dibuat sebagai hari Sabtu rehat telah diganti kepada hari-hari bekerja yang lain maka waktu-waktu bekerja di pejabat telah pun diubah, jadi sebenarnya waktu bekerja tidak dikurangkan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti mana yang dinyatakan tadi, kesan daripada cuti minggu pertama hari Sabtu menyebabkan pembelian, kuasa membeli bertambah, ditambah pula dengan minggu ketiga makin bertambah kuasa membeli. Jadi, yang sebenarnya bukan sahaja 'pa-alif-sin' (PAS), P-A-S yang memulakan cuti Sabtu ini bahkan semua negara-negara maju telah lama dan lebih maju dari Malaysia, telah lama mengamalkan lima hari seminggu.

Jadi, kalau dengan alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dengan adanya cuti Sabtu ini, kuasa membeli bertambah, apakah kerajaan masih tidak bercadang – tidak timbul masalah ikut PAS atau tidak PAS, itu kita tidak kisah – apakah kerajaan masih tidak bercadang demi kepentingan sahabat-sahabat kita di belakang-belakang itu, untuk menambahkan lagi kuasa membeli di samping merapatkan hubungan kekeluargaan terutama bila bersama keluarga ini manusia tidak menjadi terlalu robotik. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Jeli. Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya pendek – tidak!

11. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa orang disalah tembak mati oleh polis dan atas alasan apakah mereka ditembak dalam tahun 1999. Berapa orang pegawai polis didakwa di mahkamah atas tuduhan salah tembak dalam tahun tersebut.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1999 hanya ada dua kes salah tembak mati oleh polis dilaporkan. Dalam kes yang pertama, ia melibatkan sesama anggota polis sendiri apabila tertembak rakan sebiliknya yang berlaku disebabkan oleh kecuai. Anggota yang terlibat telah dituduh di bawah Seksyen 304A Kanun Keseksaan. Bagi kes yang kedua pula, ia melibatkan orang awam apabila seorang doktor, Dr. Tai Eng Teik telah ditembak mati oleh Konstabel Toni anak kepada Beliang.

Anggota polis yang terlibat telah dihadapkan ke mahkamah dan didakwa di bawah seksyen yang sama, Kanun Keseksaan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya apakah tindakan dan siasatan terhadap pegawai polis yang telah menembak mati wanita India N. Sivamala yang hamil lapan bulan, yang mana dituduh bersama-sama dengan mereka yang mencolek anak Menteri Besar Selangor dan saya juga ingin bertanya kenapakah laporan post-mortemnya tidak dikeluarkan oleh pihak polis sehingga hari ini, apakah sebabnya dan apakah tindakan diambil terhadap pegawai polis yang menembak matinya?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Teresa yang peka dengan kejadian dan saya telah memberi pengakuan, kerajaan mengambil tindakan kepada semua kejadian yang berlaku dan bagi kes yang telah disebutkan tadi ialah seorang wanita Tamil yang telah ditembak mati oleh polis, ini dalam siasatan dan oleh sebab siasatan berjalan dan kes itu belum dikemukakan kepada mahkamah, semua perkara yang terlibat termasuk post mortem tidak boleh dikemukakan kepada umum.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya merujuk kepada Dr. Tai Eng Teik yang telah ditembak mati itu, mengapa pihak kerajaan ataupun pihak pendakwa raya tidak menuduh anggota polis yang menembak Dr. Tai Eng Teik ini dengan niat menembak, tetapi dituduh di bawah Kanun Keseksaan sahaja kerana Dr. Tai Eng Teik ini bukan ditembak satu das. Beliau ditembak tiga das di kepalanya, bukankah ini adalah satu tujuan ada niat untuk membunuh Dr. Tai Eng Teik dan mengapa tuduhan terhadap anggota polis ini begitu ringan sahaja.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, sebarang tembakan yang dilepaskan sama ada sengaja ataupun tidak sengaja dan terkena kepada sasaran yang tertentu, sudah tentu mangsa ini akan mati dan tembakan seperti yang saya katakan tadi, sama ada berniat ataupun tidak berniat, kejadian ini berlaku adalah dengan tidak sengaja, seperti yang telah saya jawabkan tadi. Kita telah mengambil tindakan kepada anggota polis yang berkenaan dan kita telah tetapkan bahawa Seksyen 304A Kanun Keseksaan adalah wajar dan sekiranya ada pihak yang tidak bersetuju dengan tindakan yang telah kita ambil tentang Seksyen 304 ini, boleh membuat tuntutan yang lain.

12. **Tuan A. Bakar bin Othman [Jerlun]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah pemaju perumahan disyaratkan untuk menyediakan kawasan lapang bagi tujuan rekreasi dan peribadatan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, pemaju-pemaju perumahan yang mengemukakan pelan-pelan susun atur untuk kelulusan pihak berkuasa tempatan disyaratkan untuk menyediakan rizab tanah lapang. Keluasan rizab tanah lapang yang diperlukan ialah 10% daripada jumlah tapak pembangunan yang terlibat. Tanah lapang ditakrif oleh Akta Perancangan Bandar dan Desa adalah mana-mana tanah sama ada yang dikepong atau tidak, yang dikhas atau dirizabkan untuk dikhaskan keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam.

Berdasarkan takrifan itu, tanah lapang adalah khusus untuk tujuan rekreasi, aktiviti sukan dan tidaklah untuk tujuan peribadatan. Rizab untuk tempat peribadatan, dari segi lokasi dan luas ditentukan mengikut merit dan keadaan fizikal tapak serta sosio budaya tempatan berkaitan. Panduan bagi mengenal pasti jumlah luas dan lokasi ada disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Sekian.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan bahawa sama ada kementerian sedar bahawa kementerian ada menerima aduan bahawa sesetengah pemaju dan juga pihak agensi kerajaan telah menyalahgunakan kawasan lapang yang sepatutnya diiktirafkan sebagai kawasan lapang menyambungkan lain-lain pembangunan fizikal perumahan dan lain-lain atas kawasan lapang itu dan apakah tindakan telah dan akan diambil untuk memastikan syarat kawasan lapang ini dapat dipatuhi oleh semua pihak?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah sebutkan tadi, di mana tanah itu sudah dirizabkan, tanah tersebut tidak boleh digunakan untuk maksud yang lain dan ini ditentukan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa dan pihak berkuasa tempatan atau pihak negeri perlulah menggezetkan kawasan-kawasan tersebut supaya cara kegunaan itu tidak boleh ditukar kepada cara yang lain. Kalau ada kes-kes seperti itu, maka kita boleh siasat

tetapi sekarang kita nampak kes tanah itu telah dirizab dan kemudian ia ditukarkan kepada kegunaan yang lain.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sehubungan dengan soalan yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Tanjong, apakah kementerian sedar bahawa kebanyakan kawasan-kawasan perumahan sama ada Taman Sri Gombak, Melawati, tanah-tanah lapang telah disalahgunakan oleh parti tonggak kerajaan UMNO untuk membina tapak-tapak yang haram di tanah-tanah untuk orang ramai, berapa banyak dah kalau hendak dibilang, di Taman Sri Gombak, Melawati di Selayang dan kalau dibenarkan kepada UMNO, boleh atau tidak kalau PAS hendak buka sama di sebelah pada itu supaya ada keadilan, fasal kita bercakap masalah keadilan sekarang. Sekian, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang Akta Perancangan Bandar dan Desa tidak berbeza UMNO atau PAS, mana-mana pihak pun tidak boleh menggunakan tapak itu untuk maksud yang ditetapkan dan saya rasa kalau ada berlaku begini, memang adalah tanah itu bukan dirizabkan atau digazet untuk tujuan yang tersebut.

13. Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok] minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-

- (a) sama ada sistem telekomunikasi adalah salah satu indeks kualiti hidup rakyat di Malaysia; dan
- (b) jika benar, nyatakan jumlah pelanggan telekomunikasi bagi tahun 1999 berbanding 1990 berdasarkan jumlah pelanggan telefon (Telekom Malaysia), jumlah pelanggan Internet (MIMOS dan TMNet) dan jumlah pelanggan telefaks (Telekom Malaysia).

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pengangkutan dan tele komunikasi bukanlah bidang yang digunakan dalam pengiraan indeks kualiti hidup rakyat di Malaysia. Petunjuk-petunjuk yang digunakan dalam pengiraan indeks kualiti hidup rakyat di Malaysia adalah motokar dan motosikal persendirian bagi setiap 1,000 penduduk, kenderaan perdagangan bagi setiap 1,000

penduduk, indeks pembangunan jalan raya, telefon bagi setiap 1,000 penduduk serta edaran purata akhbar harian. Sekian, terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Melalui Internet, selain dari kita dapat memperoleh ilmu atau maklumat yang lebih luas ialah kita dapat menjalankan perniagaan tanpa sempadan melalui perdagangan elektrok ataupun e-commerce. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri maklumkan kepada Dewan yang mulia ini kalau ada angka jumlah perniagaan yang telah pun dijalankan selama ini dan adakah aduan yang dilaporkan kepada kementerian, di antara perniagaan ini ada timbul penipuan ataupun tidak?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka yang tepat di mana jumlah perniagaan yang telah dijalankan melalui e-commerce atau perdagangan elektronik, tetapi kementerian ini menggalakkan peniaga-peniaga atau pengilang-pengilang menjalankan urusan atau perniagaan melalui e-commerce dan setakat ini kementerian ini tidak pun menerima aduan mengenai masalah e-commerce.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Berhubung dengan indeks kualiti hidup rakyat di Malaysia tadi, pihak Yang Berhormat ada menjelaskan bahawa salah satu yang diambil kira ialah pemilikan telefon – apa yang saya dengar tadi. Jadi, telefon ini salah satu daripada rangkaian telekomunikasi kita. Soalannya ialah adakah pihak kementerian sedar pelaksanaan pemasangan telefon yang dikendalikan oleh Telekom Malaysia yang melibatkan penggunaan ramai rakyat Malaysia hari ini tertangguh dalam menyelesaikan permohonan-permohonan pemasangan dan ada kalanya melibatkan sampai enam bulan ke atas yang saya rasa dari sudut tindakan pihak Telekom Malaysia seharusnya boleh menyelesaikan permohonan-permohonan di mana yang mempunyai talian yang cukup seharusnya boleh disegerakan. Sedarkah pihak Yang Berhormat dalam perkara ini?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa kawasan pedalaman atau kawasan mana yang jauh dari bandar-bandar utama di mana kemudahan pemasangan telefon menghadapi masalah. Walau bagaimanapun, Telekom Malaysia akan mengadakan rancangan yang baru di mana satu cara atau satu sistem iaitu wireless akan dilaksanakan di kawasan pedalaman. Dalam Budget 2000 yang baru diumumkan peruntukan sebanyak RM318 juta telah diperuntukkan untuk

melaksanakan infrastruktur pemasangan telefon di kawasan pedalaman. Dengan ini seramai 120,000 penduduk di kawasan pedalaman akan dapat kemudahan telefon.

14. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan peratusan program-program hiburan, berita, rencana, agama dan sukan yang disiarkan di televisyen iaitu RTM, RTM2, TV3 dan ntv7.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratusan program yang disiarkan oleh TV1, TV2, TV3 dan ntv7 adalah seperti berikut:

PROGRAM	TV1 %	TV2 %	TV3 %	ntv7 %
Hiburan	35	64	52	85
Berita	27	13	30	9
Rencana	17	16	12	3
Agama	8	2	2	-
Sukan	5	1	4	3
Lain-lain	8	4	-	-

Sekianlah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.3, 8 dan 15 hingga 23 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Usul Anggaran Pembangunan 2000 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis” [*Hari Ketiga*]

[**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa**]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.17 [Jadual] –

Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan 2000] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.17 dan Kepala Pembangunan P.17 Kementerian Belia dan Sukan. Di minta Yang Berhormat bagi Tambun menyambung ucapan.

11.05 pagi

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Petang semalam saya menyatakan sukar untuk saya reconcile antara anggaran Belanjawan dengan prestasi Program Rakan Muda dan Rakan Industri yang melibatkan bilangan peserta pada tahun 1999 seramai 970,000 dan jika dibagi secara purata di peringkat Parlimen seramai 5,000 dan penglibatan 5,000 orang dari segi mobilisasinya mudah dikesan tetapi dari segi maklumat yang diperolehi daripada ramai rakan Parlimen bahawa tidak ramai orang da pat melihat adanya program begitu.

Oleh itu saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri serta Timbalan Menteri menyiasat dan mengenal pasti *missing link* tersebut di peringkat negeri dan

daerah dan pagi ini saya ingin mencadangkan jika boleh pihak Menteri dan Timbalan Menteri memberi authority kepada Ahli Parlimen juga untuk membantu.

Saya ingin meneruskan ucapan dengan membangkitkan isu mengenai dengan bagaimanakah Program Rakan Muda ini dicetuskan. Dari segi buku prestasi Anggaran Belanjawan saya mendapati bahawa tujuan Program Rakan Muda adalah untuk mengurangkan amalan lepak.

Saya ingin bertanya lepak bagaimanakah yang dianggap sebagai negatif dan bagaimana seriuskah lepak tersebut kepada negara kita ini kerana pada pengamatan saya budaya lepak ini menjadi satu budaya universal. Ia berada di New York, juga di Jepun, di negara kita, melibatkan hampir semua orang dalam bentuk yang berbeza. Ahli Parlimen lepaknya cara Ahli Parlimen, pegawai kerajaan cara pegawai kerajaan dan jika saya mengambil dari segi lepak, katalah di Jepun, orang yang melepak ramai tetapi dari segi produktiviti negara Jepun salah satu daripada negara yang produktiviti tinggi.

Jadi, di samping itu juga saya lihat dari segi pelaksanaan mengapa perlu kepada satu program. Jikalau lepak yang negatif ini dikaitkan dengan gejala sosial, tidak adakah ada cara lain, kaunseling dan sebagainya. Malah, semasa Rakan Muda ini diperkenalkan, semasa itu saya belum menjadi Ahli Parlimen, saya dengan Perbadanan Ekonomi Islam negeri Perak. Saya bertanya kepada penguatkuasa Jabatan Agama Islam kerana aktiviti lepak yang negatif ini banyak dikaitkan dengan orang Melayu, sejauh mana seriusnya dan mengikut makluman yang saya perolehi bahawa aktiviti lepak yang berbentuk negatif ini terdapat di disko dan sebagainya.

Apabila saya melihat dari segi statistik, sebenarnya di negeri Perak tidak banyak disko. Saya ingat keseluruhan negeri Perak tinggi-tinggi pun ada 10 atau 20 disko. Jikalau ada remaja Melayu di disko, mungkin dalam 5 hingga 10 orang, kahu dikalikan dengan 20 baru 200 orang dan apabila saya bandingkan dengan bilangan masjid dan surau di negeri Perak ada 3,500 masjid dan surau. Jikalau setiap sembahyang maghrib ada 50 orang, sekurang-kurangnya 200,000 orang yang sembahyang pada satu waktu. Jadi, bermakna bahawa masalah yang dikatakan masalah ini tidak sebesar sangat sehingga perlu kepada satu Program Rakan Muda.

Pada pandangan saya, masalah ini mesti dilihat daripada, dengan izin, bigger picture dan bigger issues dari segi memperkukuhkan institusi keluarga, institusi

masyarakat, institusi pendidikan, institusi pekerjaan dari sudut untuk menyediakan peluang pekerjaan, peluang pendidikan, latihan dan sebagainya yang akhirnya melahirkan *by-product* individu-individu yang tidak lepak. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa program ini perlu dikaji semula. Jika didapati tidak perlu kita boleh berhentikan program ini dan kita tumpu kepada program lain atau aktiviti lain yang saya rasa boleh memberi keberkesanan yang lebih baik.

Kedua, saya ingin menyentuh mengenai dengan Pembangunan Ekonomi Belia. Saya dapati jumlah peruntukan adalah sebanyak RM1.9 juta dan bila dikaji dalam buku prestasi, tujuannya adalah untuk memberi pinjaman dan kursus keusahawanan. Dari segi pinjaman pada tahun 1999 melibatkan 123 peminjam, pada tahun 2000 dianggarkan 200 peminjam, manakala dari segi kursus keusahawanan melibatkan 3,650 orang pada tahun 1999 dan pada tahun 2000 dijangka 3,650 orang.

Dengan jumlah pinjaman yang kecil itu saya dapat membuat satu kesimpulan bahawa program ini adalah program sampingan kepada kementerian. Saya bersetuju dengan pandangan Bagan Datoh supaya kementerian ini sebenarnya menumpu kepada *core business* kerana saya menyatakan, kita ambil dari segi pinjaman, tinggi-tinggi seorang peminjam akan dapat di bawah RM5,000 dan latihan kursus keusahawanan mungkin satu atau dua hari, ini tidak berkesan. Kita perlu mengambil sikap bahawa hendak melahirkan usahawan bukan mudah terutama saya percaya ini melibatkan individu atau belia bumiputera – hendak transform menjadi usahawan bukan mudah fasal kita membudayakan sesuatu di dalam budaya individu tersebut iaitu membudayakan perniagaan.

Saya cuba ingin bayangkan dari segi budaya niaga ini bukan ada pada semua orang. Saya semasa berumur 12 tahun semasa di sekolah, saya bertemu dengan orang yang menjual kacang putih. Sekarang umur saya sudah 47 tahun – 35 tahun dia masih jual kacang putih dan dia tidak kaya dan mampukah beliau menghadapi hidup yang begitu? Berterusan selama 35 tahun jual kacang putih tidak kaya tetapi menjadi budaya hidup dan darah daging kepada individu tersebut.

Begitu juga orang jual cendol, jual rojak saya lihat. Penjual rojak ini keuntungan tidak banyak, dia dah meninggal dunia ada tiga anak perempuan yang dia ada. Anak perempuan walaupun dihidupkan dalam perniagaan jual rojak tetapi anaknya tidak mampu untuk menjalankan kerana tidak ada glamour, keuntungannya

kecil, jadi anak memilih untuk pergi bekerja dan tidak meneruskan usaha menjual rojak. Jadi, saya cuba gambarkan bahawa bukan mudah untuk melahirkan usahawan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sikit, sikit. Sistem yang sophisticated macam Kementerian Pembangunan Usahawan pun tidak mampu untuk melahirkan usahawan. Jadi, pada pandangan saya daripada kementerian sendiri mengadakan program tersebut – yang kecil peruntukan berjumlah RM1.9 juta mengapa tidak kementerian hanya menyelia program tersebut. Belia-belie yang berminat untuk berniaga, menghadiri kursus dan mendapatkan pinjaman diselaraskan oleh kementerian ini dan disalurkan kepada kementerian yang memang diberi tanggungjawab untuk menjalankan program tersebut macam Kementerian Pembangunan Usahawan.

Bermakna, saya mencadangkan supaya janganlah program ini menjadi satu program Kementerian Belia dan Sukan yang menjadi hanya sampingan tetapi menjadi penyelia ataupun menyelaras program-program tersebut yang disalurkan kepada kementerian yang lebih utama lagi.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lumut.

11.15. pagi.

Tuan Kong Cho Ha [Lumut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak membangkitkan beberapa perkara dalam Belanjawan Kementerian Belia dan Sukan khususnya di bawah Butiran 020000, 030000, 050000 dan pembangunan 00100 dan 02000.

Tuan Pengerusi, belia merupakan pemimpin negara kita yang akan datang. Keadaan masa hadapan negara kita akan ditentukan oleh belia dan anak-anak kita yang ada sekarang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, perbelanjaan yang kita belanjakan sekarang merupakan satu pelaburan untuk masa hadapan belia sekarang yang akan menentukan nasib masa hadapan negara kita. Untuk satu tujuan yang begitu penting, perbelanjaan yang dicadangkan itu amat tidak mencukupi. Walaupun kita bangga kerana negara kita dapat

menganjurkan temasya sukan antarabangsa dengan berjayanya seperti SUKOM, Formula One, Le Tour De Langkawi dan lain-lain. Kita juga akan bersaing dengan negara-negara yang lain untuk menganjur Sukan Asia 2006 dan Sukan Olimpik 2008. Anjuran sukan-sukan bertaraf antarabangsa akan mengenalkan negara kita di arena antarabangsa. Syabas diucapkan kepada Kementerian Belia dan Sukan atas usahanya.

Tetapi dengan demikian juga Kementerian Belia dan Sukan telah terlalu mementingkan sukan-sukan bertaraf antarabangsa. Sasaran dan arah pembangunan sukan semuanya menuju ke pertandingan dan penganjuran sukan-sukan bertaraf antarabangsa. Malangnya, sukan untuk rakyat jelata, sukan untuk rekreasi, rekreasi untuk warga tua, sukan untuk kanak-kanak diketepikan.

Yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat sebelum ini bahawa terdapat tanah lapang, tanah rekreasi, padang bola dibangunkan dengan, dengan izin, *concrete jungle*, semuanya adalah benar. Di Lumut, pa da bola sepak dibangunkan rumah kedai dan kompleks sukan yang dijanjikan oleh pemaju itu tidak ditunaikan. Pekan Lumut pada masa sekarang tidak mempunyai sebarang kemudahan sukan.

Kita amat kekurangan kemudahan-kemudahan sukan untuk rakyat jelata. Anak-anak muda, remaja dan belia amat memerlukan kemudahan sukan untuk membentuk badan dan otak yang rohani dan cergas. Oleh kerana kekurangan kemudahan sukan, remaja dan belia melepak di pasar raya dan kompleks membeli-belah. Mereka juga akan terlibat dalam gejala-gejala sosial yang buruk oleh sebab-sebab yang sama.

Pada saya, kemudahan-kemudahan sukan yang tidak mencukupi adalah antara satu punca kenaikan kadar jenayah di negara kita. Hanya sekumpulan yang kecil sahaja yang boleh menjadi jaguh dunia d arena sukan tetapi semua rakyat tidak kira muda atau berusia tinggi, lelaki atau perempuan, memerlukan tanah rekreasi, jogging track dan kemudahan sukan untuk kehidupan yang sihat dan rohani dan seimbang.

Tuan Pengerusi, di Pekan Sitiawan, taman kanak-kanak di tepi balai bomba diswastakan dan sekarang sedang dibina kedai-kedai komersial. Penduduk seramai 60,000 orang di Pekan Sitiawan hanya mempunyai satu padang bola di padang astaka Sitiawan, itupun selalu dibanjiri air bila hujan. Sekarang ada pula cadangan yang hendak menswastakan padang astaka itu untuk projek komersial. Jadi, ke manakah remaja-remaja dan belia akan pergi selepas itu.

Tuan Pengerusi, dahulu semua kegiatan rekreasi tidak memerlukan bayaran seperti memancing di sungai, main bola di padang dan lain-lain. Tetapi sekarang semua aktiviti itu memerlukan bayaran. Memancing di kolam swasta, main bola di kelab swasta, *aerobic dancing* dan sebagainya. Pemuda-pemuda, belia dan remaja tidak ada wang yang mencukupi untuk aktiviti yang tersebut. Oleh kerana itu mereka cari kegiatan yang nampaknya percuma dan selesa iaitu melepak dan meluangkan masa di kompleks beli-belah yang berhawa dingin.

Atas pandangan-pandangan yang tersebut, saya harap Kementerian Belia dan Sukan mengambil berat keperluan dan kepentingan kegiatan belia demi masa hadapan negara kita. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tanjong.

11.21 pagi

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh tentang Maksud B.17, Butiran 050200 – Penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara, 050300 – Promosi dan Publisiti Kompleks Sukan Negara.

Tuan Pengerusi, Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil, begitu canggih dan mempunyai kemudahan yang sungguh baik dan juga digunakan semasa Sukan Komanwel 1998. Dan juga mengikut Laporan Tahunan 1998, Majlis Sukan Negara yang bertanggungjawab berusaha dan menyelenggara kompleks sukan itu melaporkan bahawa penggunaan kemudahan-kemudahan sukan amatlah menggalakkan. Saya rasa, penggunaan pada masa itu menggalakkan kemungkinan besar adalah kerana pada tahun 1998 itu ada banyak persiapan oleh pertubuhan-pertubuhan sukan untuk menghadapi Sukan Komanwel. Tetapi saya ingin tahu, apakah terjadi selepas negara kita menganjurkan Sukan Komanwel, sama ada penggunaan kompleks sukan ini pada tahap yang memuaskan. Saya rasa, mengikut laporan-laporan akhbar baru-baru ini telah menimbulkan satu soalan yang besar terhadap penggunaan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil bahawa tidak memuaskan iaitu *under utilised* dan mungkin menjadi satu *white elephant*, dengan izin.

Satu aduan yang timbul mengenai kompleks ini adalah kadar sewa penggunaan yang terlalu tinggi, yang di luar kemampuan pertubuhan sukan dan lain-lain pertubuhan sosial budaya. Satu lagi aduan yang ditujukan ialah bahawa terdapat

terlalu banyak 'redtape' dalam proses permohonan untuk menyewa kompleks sukan ini untuk tujuan-tujuan tertentu.

Tuan Pengerusi, masalah penggunaan kompleks sukan, saya rasa bukan terhadap kepada Bukit Jalil sahaja, juga masalah ini berlaku di lain-lain tempat. Misalnya di Penang International Sport Arena (PISA), satu kompleks sukan yang juga boleh dikatakan canggih dan menelan perbelanjaan berpuluhan juta ringgit untuk dibina, tetapi penggunaannya sungguh tidak memuaskan. Boleh dikatakan dalam satu tahun tidak sampai 10 kali Dewan PISA ini digunakan kerana kadar sewanya satu malam kena bayar sehingga RM25 ribu untuk menyewa PISA ini. Dan, penggunaan 10 kali dalam satu tahun ini pun bukan untuk tujuan sukan tetapi digunakan oleh syarikat-syarikat besar yang mampu untuk menganjur majlis jamuan makan malam, konsert ataupun pertunjukan budaya. Jadi, tidak mampu pertumbuhan-pertumbuhan sukan untuk menyewa arena sukan ini untuk menganjurkan acara-acara sukan. Kalau tidak mencapai tahap penggunaan yang memuaskan maka viability sesuatu kompleks sukan akan menjadi tanda tanya.

Jadi, saya ingin kementerian berkenaan memaklumkan kepada Dewan ini sama ada kementerian akan bercadang untuk buat kaji semula atas kadar sewa untuk menggunakan kompleks sukan di Bukit Jalil dan lain-lain kemudahan sukan di negara ini. Dan sama ada kementerian akan bercadang untuk memberi subsidi ataupun *concessionary rate*, dengan izin, untuk menggalakkan lebih ramai pertumbuhan sukan, pertumbuhan sosial budaya ataupun sektor swasta untuk menggunakan kemudahan-kemudahan sukan ini.

Baru kelmarin, Encik Seah Kok Chi dari *Olympic Council of Malaysia* pun buat satu aduan yang sama. Beliau menimbulkan masalah kadar yuran yang terlalu tinggi di Kompleks Sukan Bukit Jalil, jadi saya ingin tahu bagaimana kerajaan akan menggunakan peruntukan RM2.6 juta ini untuk *promote* dan *publicise* Kompleks Sukan Negara. Sama ada dalam usaha untuk promosi dan menggalakkan lebih ramai orang ataupun sektor swasta pertumbuhan untuk menggunakan *facility* ini termasuk satu kajian semula, seperti saya katakan tadi tentang kadar sewa untuk menjadikan kadar sewa lebih mampu dan lebih *competitive* untuk disewakan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Program 040200 - Penyelidikan Keberkesanan Program Belia dan Sukan. Saya rasa menjadi

tanggungjawablah kementerian ini untuk membuat penyelidikan tentang sama ada program-program sukan yang selama ini ataupun program belia yang dilancarkan sama ada oleh kementerian ataupun pertubuhan sukan dan belia adalah berkesan ataupun tidak. Lebih-lebih lagi selepas *fiasco millennium jump* ini, adalah perlunya kementerian membuat kaji semula sama ada sesuatu program yang dianjurkan itu mendapat mencapai matlamat yang ditetapkan. Jadi, saya sangat mengalukanlah pendirian Menteri Belia dan Sukan bahawa pada masa-masa depan semua *expedition* yang dianjurkan haruslah di *scrutinise* dengan mendalamnya sebab beliau berkata pada masa ini sejajar dengan semangat 'Malaysia Boleh', dengan izin, *everybody seems to be proposing the best, the first, the largest, the biggest, the smallest, the highest* dan lain-lain. Jadi, beliau berkata perlulah satu *scrutiny* yang lebih ketat, sama ada ekspedisi ataupun program-program belia dan sukan ini dapat mencapai matlamat yang ditentukan. Lebih-lebih lagi dengan komen-komen di majalah-majalah asing bahawa, *the millennium jump is the cumulation of our Malaysian stupidity in going after all these useless records*, dengan izin.

Jadi, saya berharap kementerian dapatlah sejajar dengan tujuan untuk mengkaji keberkesanan program ini untuk berhati-hati supaya tidak timbul satu acara seperti *millennium jump* yang tidak mencapai matlamat atau menimbul *fiasco*. Dan saya juga ingin tahu bagaimana kementerian akan dapat balik pinjaman sebanyak RM780 ribu yang diberikan kepada pihak penganjur untuk menganjurkan *millennium jump* ini.

Akhirnya saya ingin kementerian menjelaskan di bawah Maksud Pembangunan 17, Butiran 00615 iaitu Stadium Tertutup Pulau Pinang di mana satu anggaran RM7.89 juta diperuntukkan. Saya ingin dapat penjelasan apakah tujuan yang dimaksudkan, bagaimana wang ini akan digunakan terhadap Stadium Tertutup Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih.
Larut.

Tuan Pengerusi: Di mana tu, Wangsa Maju ke itu?

Seorang ahli: Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi: Apa dia itu?

Ramai ahli: Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi: Kuala Selangor, sila.

11.30 pagi

Tuan Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, diberikan kesempatan untuk turut sama membahaskan belanjawan di bawah Kementerian Belia dan Sukan B.17 dengan peruntukan RM300,339,030, Butiran 020300 - Penyelarasan Rakan Muda, 030300 - Pembangunan Ekonomi Belia, 02000 - Program Rakan Muda.

Tuan Pengerusi, belia merupakan satu aset negara di masa akan datang selaku bakal pendukung kepimpinan, pewaris di suatu masa nanti. Program Rakan Muda yang telah diperkenalkan sejak tahun 1974 oleh kerajaan dengan perancangan dan aktiviti yang dilaksanakan setiap tahun, namun apa yang kita lihat ialah gejala-gejala sosial di kalangan remaja hari ini sudah sampai ke tahap meruncingkan dan mencemaskan, apatah lagi kalau ini sudah merebak di luar bandar.

Usaha-usaha kerajaan dengan mempelbagaikan penarikan belia diterapkan ke dalam agensi-agensi kerajaan, kepimpinan terutama di peringkat *grass root*, dengan izin, di akar umbi umpamanya menjadi ahli jawatankuasa masjid dan ahli jawatankuasa JKKK di sebuah kampung untuk memberi ruang menerima maklumat, menimba ilmu dan memberi ruang untuk memberi pendapat dengan tujuan untuk disampaikan kepada ahli-ahli belia setempat. Namun segala usaha-usaha kerajaan untuk mengharap para belia menjadi penyumbang dan pemangkin kepimpinan setempat dalam penglibatan terhadap masyarakat belum sampai ke matlamat yang diharapkan.

Tuan Pengerusi, pelbagai pertubuhan telah diwujudkan di negara ini seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Parlimen...

Seorang ahli: Tambun ya?

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: ...Bagan Datoh dan Tambun seperti 4B dengan Gerak 21nya, MOIC, 'Thamilbel' yang berdaftar dan banyak lagi pertubuhan-pertubuhan belia yang ditaja dan ditubuhkan namun kejayaannya masih di tahap minimum. Saya mencadangkan setiap kampung, taman-taman atau perumahan, mengadakan pertubuhan-pertubuhan belia dan sentiasa dipantau oleh kerajaan. Matlamat kerajaan dengan Wawasan 2020 dapat terlaksana yang memerlukan

keseimbangan pembangunan fizikal dan pembangunan insan, dapat diterapkan selari dan sejajar dan bersepadu. Apa yang kita khawatirkan ialah pembangunan rohani di tahap yang lama walaupun ada peningkatan.

Tuan Pengerusi, namun selaku pemimpin dan kerajaan yang sentiasa mencari jalan dan formula untuk keluar daripada kemelut kemerosotan nilai-nilai murni, moral akhlak yang dilaungkan berterusan, namun kesan yang menyeluruh belum dapat para belia menerima dengan hati yang terbuka. Jatidiri para belia perlu kerajaan mengambil langkah yang positif untuk menanganinya. Langkah-langkah perlu kerajaan lakukan ialah saya mencadangkan segala maklumat perancangan aktiviti belia daripada pihak kerajaan disalurkan terus melalui JKKK selaku badan induk yang terunggul dan tertinggi di sebuah kampung dapat dipanjangkan kepada para pemimpin dan para belia setempat di samping dapat memantau segala aktiviti dan pergerakan belia berterusan.

Penglibatan para belia kurang berminat untuk memakmurkan masjid dewasa ini, saya mencadangkan kerajaan mengadakan aktiviti khusus kepada belia setiap minggu dengan program dan aktiviti yang memberi tarikan belia untuk berminat dan menghampiri masjid disalurkan terus kepada pihak nazir masjid selaku ketua pentadbir. Apa yang sering berlaku dikala ini ialah program Rakan Muda Masjid anjuran Kementerian Belia dan Sukan hanya pada bulan puasa sahaja yakni Tadarus. Penerapan nilai-nilai Islam yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, saya mohon supaya kerajaan menyerapkan secara langsung kepada belia-belia.

Tuan Pengerusi, saranan utama ialah para remaja yang baru sahaja menamatkan pelajaran di tingkatan 5, menunggu keputusan SPM sama ada dia meneruskan dalam pengajian ke IPT atau menunggu mencari kerja. Yang perlu dibuat ialah dengan memberikan suntikan semangat waja diri dengan mengadakan kursus, seminar dan gerak kerja sama ada peringkat daerah, mukim ataupun kampung.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mencadangkan supaya kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan memberikan peruntukan yang lebih besar untuk menangani masalah gejala sosial belia di hari ini bagi mewujudkan belia jatidiri dan berwawasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tumpat

11.35 pagi

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya hanya ingin memohon beberapa minit untuk turut membincangkan perbincangan berkaitan dengan Maksud B.17 - Kementerian Belia dan Sukan dengan rujukan khusus kepada butiran 020000 Pembangunan Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita dengar ucapan daripada ahli-ahli Yang Berhormat, banyak menandakan perasaan tidak begitu puas hati tentang apa yang telah dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan setakat ini. Saya amat kagum dengan ucapan sahabat saya bagi Bagan Datoh yang pada hari semalam dengan bahasa yang amat saya faham memuji menteri dan timbalan menteri, selepas itu mengkritik dengan agak teruk apa yang sedang dilakukan oleh kementerian selama ini, suatu bahasa dalam sebuah parti politik yang pernah saya sertai dan saya amat faham gaya bahasa beliau itu.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita semua tahu pergolakan yang berlaku di dalam Kementerian Belia dan Sukan yang melibatkan aspek-aspek belia dan sukan adalah amat penting khususnya untuk masa depan negara. Kita melihat kepada belia sebagai suatu komponen penduduk yang amat besar dan amat penting untuk masa depan negara. Kita menganggarkan lebih kurang 60% penduduk Malaysia malah lebih daripada itu adalah daripada kalangan belia-belia, pemuda-pemuda. Oleh itu saya bersetuju dengan cadangan-cadangan yang menekankan supaya Kementerian Belia dan Sukan memberi lebih lagi perhatian dan tumpuan ke arah pembentukan pembangunan para belia dalam negara kita.

Yang amat menyedihkan kita ialah dalam masa dua tahun akhir-akhir ini, nampaknya sebagaimana yang sebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena, persatuan-persatuan belia tidak memainkan peranan yang sepatutnya mereka mainkan. Sebagai salah seorang yang pernah terlibat secara aktif dalam pergerakan belia beberapa tahun yang lalu pandangan kita ialah bahawasanya pergerakan-pergerakan dan persatuan-persatuan belia ini sepatutnya diberikan galakan untuk mempunyai suatu mentality yang kukuh, yang sanggup mempunyai sikap yang kritikal terhadap isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat dan negara. Sebaliknya kita mengharapkan supaya persatuan-persatuan belia jangan sebegitu besar sangat dipengaruhi oleh pergolakan politik semasa khususnya parti-parti politik semasa dalam gerakan tindakan dan ucapan-ucapan dan pendirian-pendirian yang dibuat oleh

pemimpin-pemimpin belia. Tetapi malangnya pemimpin-pemimpin belia sekarang ini selain daripada apa yang diberi contoh oleh Pokok Sena semalam, saya lebih khusus lagi ingin menegur khususnya persatuan induk belia, badan induk belia, Majlis Belia Malaysia yang setahun dua ini tidak langsung memainkan peranan untuk memimpin para belia ke arah suatu generasi yang baik, yang kukuh yang dapat membawa negara kita ke tahap yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang.

Majlis Belia Malaysia, presidennya terutama sekali hanya merupakan penyokong kuat UMNO Barisan Nasional dan menyokong seolah-olah membuta tuli apa yang dilakukan oleh kerajaan. Ini amat menyedihkan sekali. Akhir-akhir ini tindakan Majlis Belia Malaysia untuk menunjukkan penglibatan mereka dalam isu-isu masyarakat menjadi salah seorang jaguh dalam kempen boycott ayam dalam masa hari raya yang lalu, begitu memalukan Majlis Belia Malaysia. Kalaupun ada masalah berkaitan dengan harga ayam itu pun dari segi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri tidak menyalahi sebab ia di bawah harga maksimum yang dibenarkan.

Tetapi kalaupun Majlis Belia Malaysia ingin melibatkan diri dalam masalah harga ayam ini tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh Majlis Belia Malaysia ialah menggalakkan golongan belia menjadi penternak-penternak ayam yang produktif dan sebagainya supaya harga ayam dapat diturunkan lagi dan supaya manfaat kepada belia dapat diperolehi. Ini tidak, mereka bersama-sama dengan badan-badan lain turut kempen untuk memboycott makan ayam. Ini Tuan Pengerusi menunjukkan penyelewengan yang amat besar yang memerlukan pemerhatian yang serius oleh Kementerian dalam hal arah tuju persatuan belia terutamanya Majlis Belia Malaysia kita ini. Oleh sebab itu saya ingin membuat dua syor dan cadangan untuk Kementerian Belia.

Pertamanya saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Menteri yang diumumkan baru-baru ini ingin mengubahsuai dan mengatur semula apa yang dipanggil badan perunding belia negara. Saya ingin mencadangkan supaya badan ini digiatkan semula supaya keanggotaannya ditukar dan dipinda. Misalnya saya ingin mencadangkan bahawa sayap-sayap pemuda, parti-parti politik dalam negara ini tak kira parti Barisan Nasional ataupun Barisan Alternatif dijemput sama untuk hadir dalam Badan Perundingan Belia Negara ini.

Keduanya saya ingin mencadangkan bahawa belia-belia, pelajar-pelajar kita di luar negara turut dijemput untuk menjadi anggota badan ini. Ketiganya saya ingin mencadangkan supaya golongan profesional muda turut juga dijemput untuk menjadi ahli badan ini.

Keempatnya kalau boleh kalau dapat diusahakan daripada sebab ini dibangkitkan juga kalangan-kalangan belia yang menganggur dan sebagainya, yang lepak yang sebagaimana Tambun sebutkan tadi turut dijemput untuk menyertai badan ini.

Keduanya saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Belia ini untuk memperuntukkan suatu jumlah wang bagi menubuhkan kalau boleh diwujudkan oleh kerajaan sebuah suruhanjaya untuk mengkaji masa depan belia negara kita ini. Kita dalam alaf yang baru ini Tuan Pengerusi kita mengakui banyak masalah yang dihadapi oleh belia. Kita dengar kepada jawapan saya tadi bahawa radio dan televisyen negara, 80% menumpukan kepada program-program hiburan, saya fikir perkara-perkara ini perlu dipandang serius. Oleh itu saya mencadangkan sebuah suruhanjaya untuk mengkaji peranan dan masa depan belia ditubuhkan oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya Lumut. Lepas itu Yang Berhormat, Timbalan Menteri menjawab.

11.44 pagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengemukakan pandangan mengenai Maksud Bekalan B.17 Kementerian Belia dan Sukan dan dianggarkan lebih 7 juta rakyat Malaysia berusia 25 tahun ke bawah dan kalau ambil yang berusia 40 tahun ke bawah lebih besar jumlahnya. Sebahagian mereka tergolong di kalangan pelajar, sebahagian lagi pekerja dan sebahagian kecil lagi pula tidak bekerja. Inilah hakikat di negara kita hari ini. Ini memberikan kesedaran kepada kita bahawa soal belia perlu ditangani dengan serius. Secara khusus saya mahu menyentuh berkaitan butiran 040000 Dasar Baru yang berkait rapat dengan butiran 030000 Pembangunan Sumber Manusia.

Berhubung dengan patriotisme, belia perlu dipupuk semangat sedemikian dan tidak hanya menghentam membuta tuli atau terpengaruh dengan pujukan pihak-pihak tertentu supaya tidak pandai bersyukur, mencaci pemimpin dan menjadi membenci

kerajaan. Bagi pergerakan belia di Malaysia, idea patriotisme sudah pun diterapkan di dalam Dasar Pembangunan Belia Negara iaitu sebelum 1997 Dasar Belia Negara. Dalam Dasar ini dinyatakan bahawa peningkatan patriotisme dan semangat kesukarelaan perlu dilakukan melalui kerja-kerja amal, kebajikan dan kemasyarakatan. Namun dengan kedudukan di mana persatuan belia semakin lesu, apakah semangat dan fahaman ini boleh dijayakan. Saya mencadangkan supaya patriotisme dijadikan asas fahaman, latihan dan kerja kebajikan belia di seluruh negara. Jabatan belia dan persatuan belia boleh menggerakkan strategi ini.

Generasi muda adalah sasaran penting kepada industri dan pengeluar barangan. Pelbagai bentuk tarikan, nilai dan selera baru dicipta untuk mempengaruhi dan memperdaya belia remaja supaya membeli atau berbelanja. Saya mencadangkan supaya pendidikan kepenggunaan menjadi nadi kepada program belia bagi membantu dan mengekalkan kemerdekaan ekonomi dan politik kita. Belia perlu digerakkan supaya kembali ke dalam program Tanah Hijau atau dulunya Buku Hijau. Sehubungan dengan itu Kementerian Belia dan Sukan perlu bekerjasama dengan Kementerian Pertanian serta yang berkaitan mencari jalan bagi menggalakkan kegiatan-kegiatan pertanian dan penternakan secara tersusun dan berterusan di kalangan pertubuhan-pertubuhan belia desa.

Program ekologi dan alam sekitar, salah – proses pendidikan dan penghayatan nilai murni yang berjangka panjang perlu diperkenalkan segera. Kegiatan-kegiatan membabitkan penerangan dan pendidikan tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar, mendaki bukit umpamanya, kempen cintakan rimba dan flora fauna, berkelah di sungai, laut atau padang lapang – bukan kebun bunga selain menanam pokok, melawan penghakisan dan pencemaran hendaklah disebar kepada semua belia.

Satu lagi Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh supaya belia yang belum memenuhi potensi mereka sebagai rakan pembangunan dalam MSC. Mereka tidak seharusnya bertindak hanya sebagai penerima, pemerhati atau pengikut gelombang IT di Malaysia. Belia perlulah juga melibatkan diri dalam agenda IT negara dengan tujuan supaya dapat menghasilkan individu yang bijak dan pekerja yang berilmu. Satu usaha hendaklah dibuat untuk pembentukan kumpulan khas berdasarkan minat yang sama termasuk agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaan MSC serta pertubuhan-pertubuhan belia. Kementerian Belia dan Sukan perlu memikirkan cara

memujuk belia menjadikan IT sebagai amalan dalam kehidupan harian mereka supaya mereka mahir dan bijak menyesuaikan IT dengan kehidupan.

Tuan Pengerusi, jika diizinkan, saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai pergerakan belia yang lesu. Kita tidak jelas bagaimana kira-kira 772 persatuan belia yang dikatakan menjadi tidak aktif sejak tahun 1996 hingga ke tahun 1999 yang membawa kepada pembatalan pendaftarannya. Dalam hubungan ini saya mencadangkan supaya kajian terperinci dijalankan. Sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan untuk mengelakkan persatuan-persatuan tersebut terus terbatal. Maka adalah baik persatuan belia ini pendaftarannya diletakkan terus di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan tidak lagi di bawah Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang berlaku pada masa ini.

Ini adalah didapati lebih baik sebagaimana badan-badan sukan yang lain yang pada masa ini telah diletakkan terus di bawah Kementerian Belia dan Sukan supaya kementerian dapat mengikuti perjalanan, perkembangan, pengurusan serta pentadbiran badan-badan sukan yang ada dalam negara kita ini.

Buat akhirnya saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan program pembangunan sukan terutamanya Sekolah Latihan Atlit di Bukit Jalil. Saya mohon supaya pihak kementerian dapat mengkaji semula berhubung dengan beberapa kelemahan yang terdapat di sekolah tersebut.

Saya juga ingin mencadangkan supaya pusat latihan seperti ini diperkembangkan lagi ke negeri-negeri lain selain menyediakan satu modul yang bersesuaian dengan matlamat untuk menang dan mengharumkan nama negara. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri ya.

11.50 tgh.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkanlah saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberikan pandangan, cadangan dan juga kritikan terhadap pelbagai program yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan selama ini.

Tuan Pengerusi, bersabit dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kinabatangan tentang peranan kementerian ini dalam usaha membanteraskan

najis dadah. Ini memang terkeluar dari perangkuman bidang kuasa dan bidang tugas kementerian ini sepertimana dinyatakan tempoh hari. Selain daripada itu, beliau juga membangkitkan kemelut dalam beberapa badan-badan sukan di mana orang politik didapati mempolitikkan sukan. Ini memang merupakan dakwaan beliau. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menegaskan bahawa selama ini, kebelakangan ini Kementerian Belia dan Sukan telahpun berjaya menangani beberapa isu pertelagahan dalaman yang berlaku dalam badan-badan sukan umpamanya MTBC iaitu Malaysian Ten Pin Bowling Congress dan KOAM dengan menerusi cara musyawarah. Walaupun Yang Berhormat Menteri sendiri dibe ri kuasa di bawah Akta Pembangunan Sukan untuk membuat keputusan muktamad dalam sebarang pertelagahan. Walaupun demikian, Yang Berhormat Menteri tetap bersikap terbuka dan sanggup berunding dengan pelbagai pihak yang terlibat untuk mencari jalan keluar dan bagi kementerian ini, setiap kemelut, setiap karenah yang dihadapi tetap ada penawarnya.

Berhubung dengan orang politik yang menerajui badan-badan sukan. Sukalah saya menyatakan bahawa politiking ataupun mempolitikkan badan-badan sukan itu tidak semestinya berpunca dari orang politik sahaja malahan orang yang tidak berparti juga kemungkinan berpolitik dalam badan-badan sukan sepertimana yang telah kita memperlihatkan kebelakangan ini dan setakat ini masih belum ada lagi mana-mana peruntukan dalam Akta Pembangunan Sukan yang menegah orang politik daripada menyandang jawatan dalam badan-badan sukan. Walaupun demikian Tuan Pengerusi, saya tetap sependapat dengan Yang Berhormat berkenaan bahawa badan-badan sukan tidak seharusnya dijadikan satu medan pertarungan kuasa di kalangan pemimpin-pemimpin yang berkenaan.

Tuan pengerusi, Yang Berhormat dari Bagan Datoh dan Yang Berhormat dari Jeli juga menyentuh program Khidmat Sosial Negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini program Khidmat Sosial Negara merupakan program perintis yang berbentuk program Khidmat Nasional yang disasarkan kepada pelajar-pelajar yang menunggu keputusan SPM dan matlamatnya adalah untuk membina generasi muda yang menghadapi cabaran sosial masa kini dengan memperkasa ketahanan diri mereka dengan semangat patriotisma, kejelasan identiti, jatidiri dan penghayatan perpaduan dan modul-modul yang terlibat juga mencakupi modul kecemerlangan diri, modul pengkayaan bakat khususnya dari segi sukan dan seni, modul perkhemahan

dan rekreasi, modul kemasyarakatan, modul pengembangan kerjaya dan tempoh untuk setiap kursus itu adalah selama 25 hari. Kaedahnya mencakupi 20% di dalam bilik darjah dan 80% melibatkan aktiviti luar dan kosnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, kosnya setakat ini buat peringkat permulaan adalah berjumlah RM46.80 sehari untuk setiap orang. Memandangkan kos yang sebegini rupa, sedia maklum Dewan yang mulia ini bahawa ianya akan memakan belanja yang agak besar. Walaupun demikian sebagai satu projek perintis, buat permulaannya peruntukan yang diberikan memang tidaklah lumayan dan ianya saya juga menghargai saranan-saranan dari beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang menyarankan bahawa ada perlunya peruntukan ini ditambahkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini maklum balas yang diperolehi oleh pihak kementerian adalah amat menggalakkan dan kami difahamkan bahawa tidak ada seorang peserta pun yang meninggalkan kursus sepanjang tempoh kursus dan sokongan dari kalangan ibu bapa juga amat menggalakkan.

Beralih kepada Program Rakan Muda terdapat beberapa orang Ahli Parlimen termasuk Yang Berhormat bagi Bagan Datoh, Tambun dan Sipitang yang membangkitkan keberkesanan Program Rakan Muda. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penilaian keberkesanan Program Rakan Muda tetap dijalankan dari masa ke semasa. Sebenarnya pada tahun ini ianya juga akan dinilai secara *total*, secara menyeluruh dengan kerjasama salah sebuah institusi pengajian tinggi dalam tanah air untuk menilai semula setakat mana kesannya, *impaknya* kaum remaja yang disasarkan. Adalah.....

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dulu, Tuan Pengerusi. Biar saya habiskan ini.

Sejak bermulanya Program Rakan Muda ini pada tahun 1994, pada peringkat awal memang beratus juta ringgit telah diperuntukkan untuk menjayakan Program Rakan Muda ini. Untuk tahun 1994 dan 1995 ianya memang merupakan peringkat *conceptual* untuk membangkitkan kesedaran di segala lapisan masyarakat kita khususnya kaum remaja kita. Berikutnya pada 1996, terdapat pengisian kod amalan Rakan Muda dan rukun Rakan Muda. Tahun berikutnya, tahun 1997 fokus Program Rakan Muda ini dialihkan kepada belia yang berpotensi bermasalah dan kumpulan

sasarannya adalah ditumpukan kepada mereka yang ada di dalam lingkungan umur 18 hingga 25 tahun.

Tuan Pengerusi, adalah tidak tepat kiranya pelaksanaan Rakan Muda ini disifatkan sebagai satu penawar untuk menyelesaikan semua gejala sosial secara total sepertimana yang saya pernah bangkitkan dalam Dewan ini, Program Rakan Muda yang mencakupi sembilan cara gaya hidup yang positif itu semata-mata berbentuk *preventive* atau penghindaran untuk mencegah kaum remaja daripada terjebak kepada pengaruh-pengaruh negatif yang tidak membina dan tidak juga tepat kiranya alaf baru ini disifatkan sebagai peringkat penghujung bagi pelaksanaan Program Rakan Muda. Sebaliknya Program Rakan Muda selain daripada diberi penilaian dari masa ke semasa ianya juga diberi nafas baru dengan mengikut selera kaum remaja yang disasarkan dan juga untuk menampung keperluan semasa yang semakin meningkat.

[Timbalan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dalam hubungan ini Tuan Pengerusi, pelaksanaan Program Rakan Muda khususnya di peringkat akar umbi biasanya didapati disepadukan dengan usaha Pejabat EO ataupun Pegawai Daerah. Kementerian ini mengaku bahawa sejak adanya Program Rakan Muda ini walaupun konsepnya disambut baik dan juga dilaksanakan dengan penuh kegigihan namun kekangan itu tetap ada. Kekangan yang saya maksudkan itu mencakupi penyediaan tempat-tempat ataupun tapak-tapak rekreasi misalnya yang seringkali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh soal kurangnya keberkesanan Rakan Muda di peringkat *grass root* ataupun akar umbi. Kekangan ini adalah berpunca daripada letaknya kuasa pemberian hakmilik tanah di tangan kerajaan negeri dan bukannya Kerajaan Pusat. Dan segala pelan pembinaan itu juga perlu ditapis dan diluluskan oleh pihak majlis tempatan.

Selain daripada itu, dari segi kerahan guna tenaga kementerian ini di peringkat akar umbi, memang kementerian ini menghadapi masalah kekurangan. Ini pun disebabkan oleh tidak memadainya peruntukan yang diberikan kepada kementerian ini.

Beralih kepada badan-badan belia, ya.....

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi,.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya Bagan Datoh, sila.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya bagi masa Tuan Pengerusi, *concentrate* tulis.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, sila. Maaf ya. Silakan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan penjelasan sahabat karib saya Timbalan Menteri Belia dan Sukan yang menyebutkan nafas baru, semangat baru telah diberikan di dalam menterjemahkan Program Rakan Muda ini dan sembilan gaya hidup positif yang dilontarkan oleh beliau tadi memang telah digarap oleh semua pemimpin belia. Tetapi kita lihat yang terhasil daripada Program Rakan Muda, rakan masjid, sebenarnya bukan nilai-nilai gaya hidup yang positif. Yang berlaku 'rakan lepak', 'rakan race motor', 'rakan bertukar pasangan', 'rakan bohsia' dan 'rakan bohjan', tanya dengan Pasir Salak. Setiap hari Sabtu malam minggu, berapa ramai di kawasan saya di Bagan Datoh, di kawasan Pasir Salak, kawasan Teluk Intan, budak-budak motor – 'Mat Motor' ini race motor dan hadiahnya adalah gadis-gadis remaja. Saya tidak berpengalaman [*ketawa*] tetapi saya sebagai wakil rakyat kampung yang prihatin seperti Yang Berhormat Larut, melihat sendiri permasalahan ini. Saya tidak menyalahkan Menteri dan Timbalan Menteri, saya tidak juga menyalahkan Kementerian Belia dan Sukan tetapi tentulah Program Rakan Muda ini tidak bertukar apabila menteri bertukar. Dulu Menteri Belia dan Sukan yang datang dari Johor kini jadi Menteri Besar Johor cukup canggih melontarkan dengan belanja yang banyak Program Rakan Muda ini. Tetapi apabila bertukar, orang lain daripada Kelantan ambil alih, *priority* nya (keutamaannya) bertukar. Kemudian tokoh dari Johor ambil alih pula, tukar lagi. Saya harap kawan saya daripada Johor kali ini akan memberikan fokus yang baik tambah pula Ketua Pemuda MCA yang juga canggih, hidupkan semula semangat Rakan Muda ini, terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya hendak ucapkan terima kasihlah atas teguran yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datoh yang kebetulan kawan baik saya. Tetapi saya ingin ambil kesempatan ini untuk memahamkan beliau sekali lagi bahawa Program Rakan Muda [*ketawa*] bukannya satu penawar untuk

membanteraskan segala gejala sosial sepertimana saya sebutkan tadi. Sebaliknya ia cuba dengan sedaya upayanya, cuba berikhtiar dengan sedaya upayanya untuk mencegah kaum remaja kita terjebak kepada pengaruh-pengaruh negatif.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bagan Datoh, berlakunya bohjan, bohsia dan sebagainya, itu memang wujud sebelum adanya Program Rakan Muda. Saya bukan hendak berdolak-dalik di sini tetapi saya hanya hendak ingat Yang Berhormat berkenaan bahawa bagaimana pula Yang Berhormat hendak cadangkan untuk menyukat keberkesanan sesuatu program kemasyarakatan, sesuatu program pembangunan belia seperti Rakan Muda ini. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk menyukatnya dari segi bilangan kes yang berlaku ataupun ada cara yang lain? Saya tidak percaya bahawa setakat ini kita boleh menyukat keberkesanan sesuatu program seperti Rakan Muda ini secara total. Tidaklah adil sekiranya kita hanya menjurus kepada berlakunya kes-kes yang disebutkan tadi. Itupun kalau hendak persalahkan kementerian ini tidak juga sebab terdapat juga kementerian lain yang selama ini mencurahkan, mengemblengkan tenaga kita, usaha kita untuk mengatasinya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dulu, saya akan bagi peluang....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Timbalan Menteri minta tunggu dulu.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dulu, belum puas lagi saya cakap. *[Ketawa]* Dan sama ada orang baru akan bergaya baru ataupun mempunyai pendekatan baru saya rasa masih awal lagi Yang Berhormat hendak buat kesimpulan sebab baru sahaja beberapa bulan sejak Kabinet baru ditubuhkan, sejak Yang Berhormat Menteri dan Timbalannya iaitu saya sendiri yang mengambil alih jawatan ini. Tunggulah Yang Berhormat, tak akan Yang Berhormat tidak sabar! Walaupun sekarang ini saya tahu mungkin ada*[disampuk]*

Datuk Yong Teck Lee: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dulu. Ayat saya tergantung lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat minta tunggu sekejap, ya.

Datuk Ong Tee Keat: Saya akan beri peluang satu demi satu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, satu demi satu.

Datuk Ong Tee Keat: Saya akan cuba jawab.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia akan beri peluang ya. Sila duduk, Yang Berhormat.

Datuk Yong Teck Lee: Saya berdiri supaya dia tahulah. Nanti dia akan beri peluang.

Datuk Ong Tee Keat: Ya.

Datuk Yong Teck Lee: Boleh, boleh.

Datuk Ong Tee Keat: Nampak tu.

Datuk Yong Teck Lee: Saya nampak.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau dia bagi, saya bagilah.

Datuk Ong Tee Keat: Program Rakan Muda ini sebenarnya tidak pandang pada benteng perkauman, agama ataupun pemimpinnya berasal dari mana, yang penting konsep itu adalah konsep yang telah dirangka, cuma pengisiannya dan pendekatannya, itu mungkin berbeza. Berbeza bukan kerana tukarnya orang. Berbeza kerana ianya kena menampung keperluan semasa. Takkan Yang Berhormat tidak erti bahawa pada tahun 1994, masa IT belum popular la gi. Tetapi sekarang ini dengan adanya IT yang begitu rancak, pembangunan IT yang begitu rancak, kenalah kita mengambil kira perkara-perkara yang baru berbangkit, peredaran zaman dan sebagainya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya ada banyak lagi hendak jawab. Nanti saya akan beri peluang kepada - ya,

Datuk Yong Teck Lee: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gaya.

Datuk Yong Teck Lee: Pasal ini Rakan Muda.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, bagi Gaya. Sila.

Datuk Yong Teck Lee: Saya, mengambil perhatian apa yang disebut oleh Timbalan Menteri dan juga apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bagan Datoh. Memang apabila Program Rakan Muda ini bermula, kita diberikan taklimat oleh Menteri sendiri datang, beri taklimat sepuluh komponen. Jadi, ada pelancaran sesuatu komponen dalam Program Rakan Muda. Tiba-tiba tidak ada lagi bunyi. Radio tidak ada, TV tidak ada, minta kementerian dan cawangannya di Kota Kinabalu, maklumat selanjutnya tidak ada, tidak lagi dengar. Kemudian ada bohsia semua ini keluar, timbul lagi Rakan Muda. Sebenarnya apa yang kita diberitahu dari dulu, Rakan Muda ini adalah program yang menyeluruh. Tidaklah 100% masalah diselesaikan tetapi ia patut membawa kesan yang positif dan baik. Maka pertukaran menteri kemungkinan membawa masalah, pertukaran tidak ada tukar dasar tetapi perubahan dari segi fokus memang ada. Bukan kami bilang satu kegagalan kementerian ataupun seseorang cuma dibiarkan fokus tiba-tiba boleh hilanglah macam ini *handphone* kadang-kadang you cakap putus dah. [Ketawa] Tiba-tiba putus jadi, mungkin *out of range* kah, apakah. Dan saya setuju kerana apabila kami diberikan taklimat, kita juga menggalakkan badan-badan pemuda, belia-belia. Kita yang menjadi jambatan perhubungan di antara kementerian dan program ini dengan badan-badan belia. Tiba-tiba tidak ada lagi bunyi. Jadi orang tanya sama kita, apa yang berlaku? Jadi peluang hari ini untuk menteri memberikan penjelasan, jangan terlalu rancaklah dalam apa yang telah dikatakan backbencher.

Datuk Ong Tee Keat: Ya, Yang Berhormat bagi Gaya memanglah menyentuh, bukan dia bergaya tidak, itu tidak penting yang penting itu apa yang dibangkitkan. Kalau kena pada tempatnya memanglah pihak kementerian menyambut baik apa yang dicadangkan, apa yang ditegur. Dan sebenarnya program Rakan Muda tidak pernah terhenti perlaksanaannya sejak bermulanya pada tahun 1994. Hanya pada peringkat yang tertentu seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gaya, rupa-rupanya ianya tidak diberikan liputan yang begitu luas melalui media massa yang sedia ada. Itu juga saya pernah amati. Itu benar.

Dan itulah sebabnya bagi kementerian, ini adalah satu usaha, satu program yang perlu kesinambungan yang perlu diberi perhatian sepanjang masa dan bukannya hanya pada ketika di mana berleluasanya gejala-gejala sosial. Itu saya terima baik Yang Berhormat bagi Gaya. Dan kelembapan pegawai di peringkat tempatan

sekiranya terdapat kes-kes yang disebutkan tadi, memanglah saya mengalu-alukan Yang Berhormat maklumkan pihak kementerian tentang butiran ataupun kekurangan, kelembapannya. Ini memang diterima.

Datuk Yong Teck Lee: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Datuk Yong Teck Lee: Saya tidak mahu disalah faham bahawa saya menuduh pegawai ataupun pengarah kementerian di peringkat negeri itu tidak cekap. Sebenarnya dia cukup komited tetapi dia tidak boleh buat apa-apa apabila di peringkat kementerian tidak ada bantuan dan tidak ada lagi fokus kerana pegawai di peringkat negeri pegawai persekutuanlah, public service tetapi dia bertugas di peringkat negeri dia hanya menunggu arahan, menunggu juga bantuan dan fokus diberikan oleh kementerian baru dia boleh buat kerja. Kalau dia nampak tidak ada apa lagi, tidak ada lagi fokus, tidak ada lagi pelancaran, tidak ada lagi peruntukan, walaupun dia mahu bantu dia tidak boleh buat. Jadi saya ingin menjelaskan bahawa saya bukan menuduh pegawai di peringkat negeri tidak cekap. Sebenarnya dia cukup komited cuma kita saya sendiri saya lihat keadaan berubah. Masa kini nampak balik Rakan Muda. Saya sokong penuh Rakan Muda dikembalikan, diaktifkan semula. Saya sokong penuh dan saya dengar apa yang dicakap dan saya bawa balik ke kawasan.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih. Sebenarnya kalaulah punca masalah itu adalah berkisar pada arahan dari pihak atasan itu, saya rasa itu tidak timbul sebab apa yang dirangkakan itu tetap ada dan kena diikuti sepanjang masa. Tetapi kalaulah ianya diakibatkan oleh kekurangan peruntukan itu lain soal.

Berbalik pada soal ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan Datok.

Datuk Ong Tee Keat: Ada lagi.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Penjelasan Tuan Pengerusi. Saya tidak mahu rakan saya juga salah faham macam mana apabila Gaya sebut tadi. Kita ini Barisan Nasional kita sokong program dia. Kita hendak bagi faham juga apa yang kita maksudkan, bukan kita hendak mengecam sebenarnya, bukan kita tidak sabar tapi kita minta seperti yang saya cakap semalam itu kita hendak naikkan taraf Kementerian Belia dan Sukan, tambah peruntukan, jawatan hakiki, KSU, Ketua

Pengarah naik, barulah Timbalan Menteri akan naik pangkat selepas ini. Menteri naik pangkat, supayalah tidak terpinggir macam saya ini.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sokongan sedemikian rupa memanglah dialu-alukan. Tetapi biasanya sama ada seorang Menteri atau Timbalan Menteri naik pangkat atau tidak, itu tidak penting, yang penting itu sama ada program yang dirangkakan itu dapat disasarkan kepada kumpulan sasaran. Dan kalaulah apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datoh kelmarin itu dapat dilaksanakan alangkah baiknya.

Beralih kepada soal badan-badan belia yang tidak mempunyai had umur yang seragam untuk pucuk pimpinan, sukalah saya memaklumkan Yang Berhormat bagi Pokok Sena dan juga beberapa orang ahli Yang Berhormat yang lain bahawa seperti mana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Larut, pendaftaran badan-badan belia setakat ini adalah di dalam bidang kuasa ROS ataupun Pendaftar, Registrar of Society. Dan perlembagaan bagi badan belia juga tidak diseragamkan. Ini memang merupakan satu-satunya cadangan yang pernah dibangkitkan oleh berbagai pihak supaya dapat menyeragamkan perlembagaan ataupun asas perlembagaan bagi badan-badan belia di mana had umur bagi pucuk pimpinan ataupun pemimpin tertinggi bagi sesuatu badan belia itu dapat diseragamkan. Itu memang satu kelemahan ataupun satu masalah yang masih wujud.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena berdiri.

Datuk Ong Tee Keat: Sekejap, ada lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada sikit lagi.

Datuk Ong Tee Keat: Bersabit dengan kelesuan badan-badan belia yang pernah saya bangkitkan dalam Dewan ini seperti mana yang kita sedia maklum bahawa setakat ini hanya 39% daripada badan-badan belia yang berdaftar, yang dianggap masih aktif dari segi penganjuran aktivitinya. Dalam hubungan ini, inginlah saya menegaskan bahawa peranan Kementerian Belia dan Sukan untuk mengupayakan ataupun memperkasakan badan-badan belia yang lesu, yang kurang aktif itu adalah berterusan. Tetapi pemberian peruntukan sahaja tidak akan dapat menyelesaikan segala masalah yang sedia ada. Di samping itu apa yang lebih

penting adalah kualiti dan kaliber pemimpin yang dipilih dan juga kualiti ahli-ahli yang menyertai badan-badan belia yang berkenaan. Itu yang penting.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Berkenaan dengan soal had umur khususnya kepada kepimpinan persatuan-persatuan belia. Walaupun tadi disebut tentang penyelarasan perlembagaan persatuan-persatuan belia itu belum ada penyelarasan dan ia di bawah tanggungjawab pendaftar pertubuhan, tetapi saya kira bahawa apakah tidak ada satu usaha daripada pihak kementerian untuk memanggil semua badan belia, kepimpinan-kepimpinan belia-belia induk ini untuk memberikan pandangan-pandangan ke arah mewujudkan satu penyelarasan khususnya bagi memastikan wujudnya had umur kepada kepimpinan-kepimpinan persatuan belia di peringkat induk ini. Saya kira bahawa bila sampai sudah lebih daripada 60 tahun jadi presiden persatuan belia ini, saya rasa satu gap yang terlalu jauh dengan generasi belia masa kini. Itu yang saya rasa keperluan kepada peranan, kementerian harus mengambil tindakan dalam urusan ini.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi dari pengamatan saya sendiri dan juga dari maklum balas yang saya perolehi selama ini bila saya berunding, berbincang dengan pucuk pimpinan, badan-badan belia bukan siasah ini adalah didapati bahawa pucuk pimpinan bagi sesebuah badan belia itu kenalah serasi dengan keperluan semasa, keperluan ahlinya yang dianggotai oleh kaum remaja. Dan apa yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena itu bolehlah dibangkitkan melalui Majlis Perundingan Belia Negara seperti mana yang saya sebutkan tadi dalam sesi soal jawab. Ini merupakan satu-satunya soal pokok yang membabitkan kepentingan badan-badan belia bersama dan bukannya untuk mana-mana pihak sahaja.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada Rakan Muda, Program Rakan Muda, sukalah saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa penyertaan yang direkodkan bagi peserta yang menyertai Program Rakan Muda setakat ini adalah seramai 1.64 juta orang. Ini adalah salah satu soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun kelmarin. Dan kesan program ini adalah dari membudayakan gaya hidup

yang memerlukan sekurang-kurangnya 10 kali penyertaan dalam masa setahun. Tetapi malangnya mengikut keadaan sekarang kementerian hanya mampu...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Gading berdiri Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dulu saya belum habis ayat ini lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak habiskan ayat dulu Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Kementerian setakat ini hanya mampu memberikan ruang sebanyak satu hingga dua kali sahaja. Inilah satu kekurangan yang ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun itu saya rasa mengulang laporan yang diterima daripada kementerian kerana sebenarnya walaupun tujuan Rakan Muda itu sangat baik bilangan itu seperti tidak wujud. Seperti kawasan saya, Yang Berhormat bagi Tambun mengatakan kalau dibahagi-bahagi kepada 193 kawasan Parlimen hampir 4,000 jumlahnya bagi satu Parlimen. Tetapi di Parlimen saya hendak dapat 400 orang pun tidak ada. Jadi soalnya yang harus agaknya diberikan perhatian kerana saya pun berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri memandang perkara ini dengan serius kerana kita tidak mahu hanya laporan untuk menyedapkan Menteri atau kementerian tetapi kesan daripada tujuan asal perkara ini diadakan tidak terdapat kepada masyarakat.

Jadi saya harap kalau boleh benar-benarlah..., objektif, tujuan dan peranan Rakan Muda yang telah pun begitu baik digariskan oleh kementerian itu benar-benar wujud di kawasan Parlimen dan ia benar-benar akan sampai kepada matlamat. Jadi kita berharap kementerian dapat memandang perkara ini dengan serius kerana anak muda ialah generasi yang kita harapkan untuk membentuk negara kita pada masa yang akan datang. Baik generasi belia yang ada pada hari ini, akan menjamin kebaikan masa depan negara. Jadi program Rakan Muda ini satu program yang amat baik dan kementerian kena tentukan bahawa ianya benar-benar wujud, berkesan dan benar-benar berlaku di peringkat akar umbi. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, ini saranan Yang Berhormat bagi Sri Gading dan juga teguran dari Yang Berhormat bagi Tambun kelmarin itu sebenarnya

diambil serius, diambil berat oleh pihak kementerian. Dan saya sendiri selaku wakil rakyat juga mengalu-alukan sebarang langkah untuk melibatkan wakil rakyat untuk menggerakkan Program Rakan Muda di peringkat akar umbi. Ini satu-satunya saranan yang baik, saranan yang membina dan bernas.

Selain daripada itu ingin juga saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa penyertaan-penyertaan orang ramai khususnya kaum remaja dalam program Rakan Muda ini, bukan sahaja terhad kepada acara-acara yang dianjurkan oleh pihak berkuasa semata-mata ataupun dianjurkan oleh badan-badan belia yang tertentu sahaja. Malahan ianya juga mencakupi penganjuran program-program oleh pihak swasta misalnya, pengilang-pengilang untuk pekerja-pekerjanya, keluarga pekerja-pekerjanya dan sebagainya.

Jadi berbalik kepada perhitungan bilangan penyertaan itu, itu memang adalah satu usaha yang agak rumit tetapi apa yang disarankan tadi oleh Yang Berhormat tetap akan diambil kira supaya ianya bukan sahaja sekadar untuk tatapan Ahli-ahli Yang Berhormat sahaja tetapi ianya benar-benar mencerminkan keberkesananannya di peringkat akar umbi.

Tuan Pengerusi, kelmarin juga terdapat beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang menyentuh soal penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara kini adalah dikelolakan oleh Perbadanan Stadium Merdeka dan perbadanan ini merupakan satu badan berkanun yang tidak dapat sebarang peruntukan bagi menjalankan operasi hariannya daripada kerajaan dan bukannya sepertimana yang dijangka ataupun disarankan oleh Yang Berhormat bagi Jeli, kalau tidak silap saya kelmarin.

Sejak bermulanya operasi di Kompleks Sukan Negara oleh Perbadanan Stadium Merdeka ini pada 1 Julai 1998, setiap tahun bebanan kewangan perbadanan ini adalah ditanggung oleh perbadanan sendiri, di samping diberikan RM12.5 juta setahun oleh kerajaan. Jadi jangan campur aduk Yang Berhormat, sebab yang RM12.5 juta ini adalah untuk 'maintenance' biasa dan ianya tidak mencakupi, tidak merangkumi publisiti dan promosi sepertimana yang disediakan dalam Budget ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Minta maaf, ia ada tulis di situ publisiti, minta maaf Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak penjelasan ya?

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dahulu Yang Berhormat, saya belum habis lagi, ada lagi, sabar. Banyak lagi Yang Berhormat yang bangkitkan itu saya akan jawab.

Berhubung dengan soal kebocoran yang berlaku di Stadium Putra semasa Kejohanan Ping Pong ke pasukan dunia diadakan, untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong yang tidak hadir pada ketika ini, sukalah saya memaklumkan bahawa kebocoran di Stadium Putra sebenarnya berbangkit daripada kerja-kerja yang kurang kemas oleh pihak kontraktor. Stadium ini masih di bawah tempoh kecacatan ataupun '*defect liability*', dengan izin, dan dengan sedemikian pihak kontraktor telah membaiki kebocoran yang berlaku dengan serta-merta. Sungguhpun demikian, kementerian telah meminta pihak kontraktor mengkaji keseluruhannya masalah ini untuk memastikan perkara ini tidak akan berlaku lagi. Bagi tujuan ini, pihak kontraktor akan juga membawa pakar dari Jerman yang terlibat dalam kerja reka bentuk bumbung bagi stadium yang berkenaan.

Yang Berhormat bagi Kepong juga membangkitkan kerosakan komputer yang berlaku pada hari yang pertama semasa kejohanan ping pong yang berkenaan berlangsung. Untuk makluman Yang Berhormat yang berkenaan, kerosakan komputer itu memang wujud dan ianya telah pun dapat diatasi dengan serta-merta dan pada hari keesokannya segala perjalanan komputer ini dapatlah ditangani dengan selicin mungkin. Walaupun demikian, kita tetap kena ambil iktibar daripada kekurangan ataupun permasalahan yang berlaku semasa sesuatu temasya sukan yang berperingkat antarabangsa seperti Kejohanan Ping Pong ini berlangsung di negara kita.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan butiran mengenai Pembangunan Ekonomi Belia, Yang Berhormat bagi Jeli menyarankan agar peruntukan untuk Pembangunan Ekonomi Belia ini dapat ditambahkan. Pada hakikatnya peruntukan Pembangunan Ekonomi Belia ini memang kelihatan kecil jika dilihat daripada perbelanjaan mengurus kerana setakat ini ianya hanya melibatkan perbelanjaan pentadbiran dan kursus-kursus jangka pendek sahaja. Peruntukan yang lebih besar disediakan kepada golongan belia melalui program Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia yang berbentuk pinjaman kepada belia yang terlibat dalam bidang

keusahawanan dan perniagaan. Di bawah program ini adalah disediakan RM20 juta setahun untuk membolehkan belia membuat pinjaman.

Kementerian Belia dan Sukan dalam hubungan ini juga menyediakan pelbagai program untuk menjayakan matlamat Pembangunan Ekonomi Belia. Antara lain termasuk pelbagai khusus yang berkaitan dengan asas-asas perniagaan yang dilaksanakan di Institut Keusahawanan Belia Negara (IKBN) Ipoh, Perak. Ini adalah satu.

Yang keduanya, pihak kementerian juga membolehkan belia mengikuti kursus-kursus komputer melalui Pusat Latihan Komputer Belia (IT Base) yang telah diwujudkan di setiap negeri.

Yang ketiga, pihak kementerian memberi tumpuan untuk membantu belia melibatkan diri dalam bidang perniagaan khususnya perniagaan kecil.

Dalam hubungan ini Yang Berhormat bagi Bagan Datoh juga menyentuh soal belia niaga dan belia tani. Sukalah saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Belia dan Sukan dengan melalui cawangan pembangunan ekonomi belia telah pun memberikan tumpuan kepada golongan belia niaga dan belia tani di luar bandar dengan pendekatan seperti berikut:-

- (i) memberikan pendedahan yang wajar kepada kaum remaja yang disasarkan tentang asas perniagaan;
- (ii) memberikan khidmat nasihat kepada belia yang terlibat supaya mereka lebih berdaya maju dalam bidang yang berkenaan;
- (iii) membimbing dan memberi pinjaman kepada belia-belia yang terlibat dalam kedua-dua bidang perniagaan dan pertanian.

Tuan Pengerusi, kelmarin juga terdapat beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang menyentuh kemajuan dan kelemahan yang ada pada pembangunan sukan negara, antara lain termasuk Yang Berhormat bagi Jeli, Kinabatangan, Kepong dan Pokok Sena.

Tuan Pengerusi, walaupun kemerosotan prestasi pasukan kita dalam bidang bola sepak dan sepak takraw seringkali disebut-sebut dan ianya memang adalah satu fakta yang mendukacitakan dan walaupun demikian selain daripada peri pentingnya

ataupun ada perlunya pihak badan sukan yang berkenaan mengemaskinikan strateginya untuk menggerakkan lagi kedua-dua acara sukan yang berkenaan, sukalah saya mengingatkan Yang Berhormat bagi Pokok Sena khususnya bahawa kemerosotan prestasi bola sepak dan sepak takraw tidaklah menjustifikasikan prestasi sukan negara secara total dipersoal atau dipersendakan.

Kelemahan itu memang ada dan kelemahan itu tetap ditangani dengan sikap yang serius, bukan hanya kementerian melepaskan tanggungjawabnya kepada badan-badan sukan yang berkenaan sahaja malahan untuk bola sepak umpamanya, kementerian juga berikhtiar supaya dapat menggerakkan ataupun mempopularkan acara sukan bola sepak ini di kalangan sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan semoga bakat-bakat ataupun tunas-tunas baru dapat dikenalpastikan dalam acara sukan bola sepak.

Di sini sukalah saya memaklumkan Yang Berhormat bagi Pokok Sena bahawa kalau kita menyingkap kembali kepada sejarah, tetapi bukan sejarah lama sangat, sejarah kebelakangan ini sahaja, sejarah pencapaian kita dalam beberapa temasya sukan yang berprestij ataupun peringkat serantau dan antarabangsa, umpamanya di Sukan SEA pada tahun 1995 di Chiangmai misalnya, pasukan Malaysia menduduki tempat yang keempat dari segi pungutan pingatnya dan diikuti pula dengan tahun 1997 di Jakarta, prestasinya telah pun meningkat menduduki tempat yang ketiga dan sedemikian juga pada tahun 1999 di Brunei, pasukan Malaysia buat kali yang pertama mendapat tempat yang kedua. Ini merupakan satu pencapaian yang terbaik sejak penyertaan kita dalam Sukan SEA pada tahun 1977.

Demikian juga dalam Sukan Komanwel (SUKOM) tahun 1998 di mana kita telah pun meraih 36 pingat yang menyamai jumlah keseluruhan pingat yang kita pungut sepanjang penyertaan kita sejak tahun 1950. Maksudnya, dalam tempoh tahun 1950 hingga 1994 bilangan pingat yang dipungut oleh pasukan Malaysia adalah sama dengan apa yang kita perolehi dalam Sukan Komanwel tahun 1998 dan kita dapat kedudukan yang keempat dari kalangan 70 buah negara Komanwel yang menyertai sukan yang berkenaan.

Sedemikian juga dalam Sukan Asia tahun 1998 di Bangkok, Malaysia telah pun berjaya memperolehi lima pingat Emas, sepuluh Perak dan empat belas Gangsa. Ini juga mengatasi pencapaian kita pada masa yang lampau. Walaupun statistik

ataupun perangkaan yang saya sebutkan tadi itu rupa-rupanya tidak membangkitkan minat Yang Berhormat bagi Pokok Sena sebab saya difahamkan bahawa Yang Berhormat pernah mempertikaikan sama ada pendekatan kementerian ini untuk memajukan, untuk membangunkan sukan negara itu lebih cenderung kepada sukan rakyat ataupun lebih cenderung kepada acara sukan yang berprestasi tinggi (*high performance sports*).

Tetapi untuk makluman Yang Berhormat bagi Pokok Sena, dari apa yang disarankan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari kalangan PAS, rupa-rupanya ada yang mempersoalkan bahkan mempersendakan prestasi acara sukan pasukan kita khususnya dalam bola sepak, sepak takraw dan sebagainya tetapi Yang Berhormat pula yang mempertikaikan tumpuan kerajaan, tumpuan kementerian dalam prestasi kita dalam temasya sukan antarabangsa yang saya sebutkan tadi. Itu adalah satu percanggahan yang agak ketara yang saya rasa kadangkala, kalaulah Yang Berhormat misal kata hendak majukan sukan rakyat, takkanlah kerajaan tidak boleh memberi tumpuan yang sama kepada acara-acara sukan yang berprestasi tinggi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi, dan terima kasih Yang Berhormat. Maksud apa yang saya sebutkan tempoh hari kepentingan kepada sukan rakyat ini bukan bermakna bahawa penafian kepada kepentingan keperluan untuk memajukan sukan negara dalam sukan-sukan yang *high performance* untuk kita menjadi juara dan sebagainya tetapi maksud saya ialah bahawa kayu pengukur kita kepada pencapaian mutu sukan negara kita itu tidak hanya boleh dilihat kepada pencapaian pingat. Sebab pencapaian pingat mungkin hanya untuk beberapa orang tetapi dari sudut kualiti sukan secara keseluruhannya melahirkan ahli-ahli sukan, atlet-atlet yang baik – bukan hanya untuk melahirkan beberapa kerat atau beberapa orang sahaja tetapi harus digemblengkan secara yang lebih menyeluruh. Itu maksud saya.

Kalau kita hanya mengukur kepada pencapaian pingat kita di satu-satu sukan, jadi sudah tentulah hanya beberapa orang sahaja yang kita dapat melahirkan, sedangkan yang saya maksudkan di sini ialah kita hendak membina supaya duit yang kita laburkan itu, orang Kedah kata “biaq berbaloi”, maknanya berbaloi dengan pengeluaran wang yang begitu banyak dengan kita melahirkan ahli-ahli sukan di

dalam negara kita. Umpamanya, saya lihat contoh di sini. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kerjasama dengan Kementerian Pendidikan.

Di sini pun kita melihat bahawa dalam soal Kementerian Pendidikan, umpamanya di sekolah, bila mari waktu latihan jasmani. Kadang-kadang kita lihat bahawa tumpuan kepada pembinaan bukan hanya dari sudut kesihatan, di samping kesihatan itu sesuatu yang baik. Kadang-kadang dia bagi hanya main bola – dia bagi bola, cikgu, mainlah ikut ‘dan’, tanpa mengarahkan, memberikan latihan yang lebih baik. Sebab itu harus ada bermula daripada akar umbi sama ada daripada masyarakat kampung ataupun di sekolah lagi, kita memberikan latihan kesukanan yang lebih baik tanpa menjejaskan pencapaian akademi. Itu maksud saya untuk mencapai satu pencapaian mutu sukan yang lebih baik. Bukan hanya diukur kepada pencapaian pingat.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, terima kasih atas penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena tetapi pada hemat saya apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tempoh hari tidak lain daripada tumpuan kerajaan kepada pengejaran pingat semata-mata. Ini yang saya dapat tanggapan itu berasas kepada apa yang dipertikaikan oleh Yang Berhormat. Bila saya sebut prestasi ataupun pencapaian pasukan kita dalam beberapa temasya sukan antarabangsa seperti yang saya sebutkan tadi. Itulah sebabnya saya buat kesimpulan sedemikian.

Walaupun demikian, berasaskan kepada apa yang dijelaskan tadi Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena, sukaiah saya mengingatkan Yang Berhormat bahawa bakat-bakat ataupun atlet-atlet negara yang kebelakangan ini berjaya mengharumkan nama negara itu, takkanlah datang tak semena-mena. Mereka juga merupakan pada satu ketika dulu mereka juga merupakan bakat yang terpendam, bakat yang perlu dicungkil dari akar umbi dan bukan mereka ini dibawa tak semena-mena kepada pihak pengurusan, MSN. Ini memang Yang Berhormat kena mengakui bahawa usaha kementerian untuk memajukan sukan bukan sahaja di peringkat elit semata-mata. Ianya juga merangkumi penglibatan rakyat di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga mempertikaikan kesan rakan sukan yang kononnya tidak sampai ke akar umbi. Saya mengeluh bahawa apa yang dibentangkan di sini, lain dibentang, lain juga yang direti oleh Yang Berhormat....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi laluan ini. Ini soal sukan ini. Memang kita memberikan ucapan tahniah dan rasa bangga juga dengan pencapaian kita dalam beberapa siri temasya sukan di peringkat antarabangsa dan wilayah dan juga peringkat kebangsaan. Tetapi yang ingin hendak saya sampaikan ialah sekarang ini bercakap tentang mutu. Orang ramai sudah tidak suka sangat tengok bola sepak ini. Menyepak pun kadang-kadang saya pun ingat naik, saya pun pemain bola juga dulu.... *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peringkat mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dan saya pun ada sijil jurulatih sepak takraw peringkat kebangsaan.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Walaupun pemain bola – ini hendak menceritakan tentang mutu. Kelepet bola depan gol pun tak masuk. *[Ketawa]* Ini pemain peringkat kebangsaan yang dibawa keluar main di peringkat antarabangsa. Nampak sangat 'pengkar', kata orang Melayu. Saya tidak menyalahkan pihak kementerian tetapi saya hendak menyedarkan kepada persatuan-persatuan sukan macam FAM, BAM, sepak takraw dan sebagainya dan juga peranan MSN. Kadang-kadang pencapaian kita tidak dapat dijangka.

Sebagai contoh, ada satu ketika dulu kita bergantung kepada pemain badminton keluarga Haji Sidek, minta maaf, saya mengeluarkan nama ini. Kita amat bangga. Tetapi kadang-kadang kita fikir pasukan kita akan menang, tiba-tiba kalah. *[Ketawa]* Kita congak memang boleh menang Thomas Cup ini, kalah. Betapa hampanya kita. Kemudian ada satu perkara pula kita sudah *fed-up*, tak boleh menang tetapi menang pula dia. *[Ketawa]* Maknanya, mutunya tenggelam timbul. Dia tidak konsisten, berterusan terus naik, naik, naik. Sebagai bola sepak umpamanya, dulu Korea belajar dengan kita. Kita kalah dengan orang yang lebih banyak menanam padi, Cambodia itu. *[Ketawa]* Padang pun tidak berapa banyak negeri dia. Kita kalah.

So, yang saya sedih ini ataupun kadang-kadang naik marah juga, kalau tayangan langsung TV bola sepak. Yang 'pengkar' itu pun bagi siaran langsung. Minta maaf kawan saya, Yang Berhormat bagi Larut di belakang ini. *[Ketawa]* Yang penontonnya pun tidak berapa suka sangat. Betullah ini *disponsor* ataupun ditaja oleh syarikat rokok dan sebagainya. Dia taja ini kerana hendak lari daripada cukai pendapatan kerana dipotong. Saya harap kalau sukan seperti ini sudah tidak sampai kelayakan yang memuaskan hati penonton dari segi mutu, jangan disiarkan langsung, buang masa. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Tak usah tajalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak usah tajalah. Taja orang main layang-layang lagi baik. *[Ketawa]* Saya ingat syarikat-syarikat besar ini, kadang-kadang persatuan sukan yang kaya ditaja, sukan yang miskin macam sepak takraw *[Disampuk]* tidak ditaja. Ini soal mutu ini. Jadi, saya berharap persekutuan-persekutuan sukan tolong ambil tanggungjawab dan tolong rasa keprihatinan rakyat yang kadang-kadang suka dan kadang-kadang jemu dan jelak dengan mutu sukan yang mereka pimpin. Kalau boleh berhenti, berhentilah, tukar orang lain. *[Ketawa]* Tiada masalah.

Jangan buat dosa pada rakyat Malaysialah. *[Ketawa]* Dan jangan kerana peranan mereka, Kementerian Belia dan Sukan pula mendapat kecemaran nama ini. Ini hendak jaga. Puak sana *[menunjuk ke arah pihak pembangkang]* tunggu masa sahaja hendak kebas ini. *[Ketawa]* Saya ini macam kebas tetapi mempertahankan. *[Ketawa]* Kadang-kadang macam Pokok Sena juga. Jadi, ini saya berharaplah. Minta maaf. Sukan ini untuk kita semualah. *[Disampuk]* Dan saya harap kalaulah yang dewasa ini agaknya tidak boleh harap, cuba beri tumpuan kepada sukan MSSM, sekolah-sekolah. Daripada umur 12 tahun, latih mereka supaya menjadi pemain profesional dalam lapangan bola sepak, badminton. Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan – cungkil bakat-bakat yang muda-muda ini. Yang sudah tua bangsa, cungkil dah tak guna lagi. *[Ketawa]* Benamkan sahaja.

Satu lagi saya hendak sentuh ini tentang pemain bola sepak. Baru 2 kali pergi Singapore, sekali pergi Singapore, sekali pergi ke Thailand, dah ada nama sikit, rambut dah mula panjang, pakai tocang. Dah ubah identiti asal. Konon dah nak jadi

orang rugged dan sebagainya. Kita sebenarnya tengok menyampah, bukan suka. Beritahu mereka.

Saya bercakap di Dewan yang mulia ini dengan perasaan tanggungjawab – jangan baru ada satu dua nama, satu dua pertandingan, rambut dah perang, hijau, hitam, lepas tu pertandingan akan datang menyepak bola depan gol satu sama satu pun tak masuk. Terima kasih. *[Ketawa]*

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, keluhan dan rintihan Yang Berhormat bagi Sri Gading itu tetap diberi perhatian *[Sorak]* dan saya jugalah hendak ucapkan terima kasih atas saranan beliau yang cuba hendak mempertahankan nama baik kementerian ini. Sedia maklumlah. Biasanya kalaulah terdapat prestasi yang buruk bagi mana-mana satu acara sukan, biasanya kementerian yang dapat kritikan. Itu memang biasa dan kami pun menyambut baik segala teguran yang ada kalau ianya berasas. Tetapi jarang-jarang kita kedengaran ada sanjungan, galakan dan sebagainya bila prestasi kita membanggakan. Itulah satu-satunya sifat manusia.

Itu tidak kisah sama ada dari parti lawan ataupun parti pemerintah. Itu memang biasa. Yang dapat, yang ada, yang wujud biasanya orang tidak nampak ataupun orang anggap ini sebagai sesuatu yang patut berlaku dan bukannya sesuatu yang patut diberi sanjungan ataupun galakan. Itu pun satu-satunya rintihan sayalah. *[Ketawa]*

Berbalik pada Pokok Sena tadi....

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kinabatangan.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Saranan demi saranan telah diluahkan. Apa yang kita kesal kebanyakan saranan ini akan diambil sebagai perhatian yang serius. Kita mahu kementerian ini bukan sahaja mengambil perhatian yang serius bahkan selepas sidang Dewan ini, panggil persatuan-persatuan sukan di negara kita ini, bawa mereka mesyuarat, ketengahkan pandangan-pandangan kita bahawa sudah tiba masanya mereka harus merubah pendirian-pendirian yang tidak menguntungkan negara kita dan masyarakat kita. *[Tepuk]*

Misal, contohnya, pemain-pemain bowling kita, mereka ini *world class ranking, world class standard*, dengan izin, tetapi disebabkan jurulatih yang tidak

kena, kemudian persatuan sukan ini pula bertegas dengan keputusan mereka. Biar negara kita rugi. Adakah begini? Kalau jurulatih tidak selari dengan pemain-pemain, apa nak simpan jurulatih? Ganti dengan jurulatih yang baru untuk memantapkan lagi kepentingan sukan negara kita. Ini

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pokok Sena sokong. *[Ketawa]*

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih. Ini yang kita mahu kerana sudah tiba masanya. Jangan kerana keegoan persatuan-persatuan sukan ini maka negara kita akan rugi. Mereka ini adalah bintang-bintang kilauan emas yang boleh mengilaukan negara kita di mata dunia. Kenapa kita tidak ambil satu tindakan yang tegas. Saya berkeyakinan dengan kementerian yang baru ini, dalam 3 bulan ini rasa saya dapat merubah untung nasib sukan negara kita untuk masa depan yang lebih cemerlang. Terima kasih. *[Tepuk]*

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, walaupun saya yakin baha wa saranan Yang Berhormat bagi Kinabatangan itu berniat baik demi kepentingan negara, nama baik negara dan sebagainya tetapi sukalah saya memaklumkan Yang Berhormat bahawa kementerian ini hanya boleh memberi nasihat kepada pihak yang berkenaan supaya mereka dapat menyelesaikan masalah yang timbul ataupun mengatasi kekangan yang sedia ada.

Dalam soal Malaysia Ten Pin Bowling Congress (MTBC) misalnya, perbalahan yang timbul beberapa ketika yang lalu ianya sebenarnya telah pun dapat diatasi secara harmonis dengan adanya daya usaha dari Yang Berhormat Menteri sendiri. Walaupun keadaan sedemikian biasanya bak kata pepatah ‘tarik rambut dalam tepung’ begitu sensitifnya, tetapi pihak kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri sendiri tidak bercadang hendak mengenakan ataupun imposed keputusan peribadinya walaupun beliau memang berhak, berkuasa berbuat demikian. Apa yang penting sebarang pergeseran ataupun perbalahan itu perlulah diatasi dengan musyawarah dan bukannya dengan kuasa.

Berbalik kepada Pokok Sena tadi, ni rakan sukan yang disebut-sebut. Sebenarnya dari apa yang dipercakapkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena saya dapat satu tanggapan bahawa pengertian Yang Berhormat terhadap rakan sukan ini adalah berbeza daripada apa yang ada di sini, apa yang digariskan oleh kementerian. Sebab rakan sukan ini sebenarnya merupakan peranan ataupun penglibatan pihak

korporat, pihak swasta dalam penajaan acara-acara sukan yang tertentu dan bukannya seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat. Apa yang diketengahkan oleh Yang Berhormat adalah sukan untuk rakyat sebenarnya. Sukalah saya memaklumkan Yang Berhormat bahawa acara sukan untuk rakyat selama ini memang dianjurkan sepanjang masa dan ianya sejajar dengan konsep Malaysia Cergas.

Umpamanya, KESUMA ataupun sukan untuk semua ini sememangnya dianjurkan setiap dua tahun. Kalau Yang Berhormat hendak buat bandingan dari segi peruntukan misalnya di antara peruntukan bagi acara sukan rakyat baik dari segi pengurusan dan juga penganjuran acara dengan peruntukan yang diberikan kepada Majlis Sukan Negara (MSN) itu, saya rasa itu tidak tepat, itu tidak kena pada tempatnya, Yang Berhormat. Sebab apa Yang Berhormat bangkitkan tempoh hari itu sebenarnya itu bukanlah sesuatu yang terangkum dalam Budget kali ini, sebab mengikut ataupun kalau Yang Berhormat memetik dari salinan laporan MSN, itu merupakan satu trust fund yang mencakupi kejurulatihan dan sebagainya dan bukan ianya menafikan usaha ataupun tumpuan kerajaan terhadap rakan sukan. Itu tidak bercanggah, Yang Berhormat.

Berhubung dengan prasarana misalnya, prasarana untuk sukan rakyat ini sukalah saya mengingatkan Yang Berhormat bahawa peruntukan yang diberikan kepada kementerian ini hanya merupakan sebahagian sahaja, sebahagian daripada apa yang terlibat dalam penyediaan tapak-tapak, kemudahan bagi sukan rakyat. Sebenarnya terdapat juga peruntukan yang disalurkan melalui majlis-majlis tempatan dan juga kementerian yang lain untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kesukanan di peringkat akar umbi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Datuk Ong Tee Keat: Ada lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kita sambung petang ini nampaknya, Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Ya, boleh sambung kemudian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila sambung.

2.30 ptg.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk melanjutkan jawapan saya yang agak panjang ini. Walaupun pagi tadi saya terpaksa memberi laluan kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang tunjuk minat dalam urusan program-program di bawah kementerian saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat panjang lagikah ucapan?

Datuk Ong Tee Keat: Ada sedikit-sedikit lagilah tetapi saya cuba hendak lanjutkan tanpa gangguan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih, go ahead.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli mengenai IKTBN Sepang. Sukalah saya memaklumkan Yang Berhormat yang berkenaan bahawa kejayaan IKTBN Sepang ini adalah menghasilkan tenaga mahir dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan elektronik di peringkat sijil tinggi dan diploma. Majoriti pengeluaran IKTBN Sepang berjaya mendapat pekerjaan di sektor industri pembuatan sebagai supervisor khususnya. Pelatih-pelatih keluaran IKTBN Sepang pada keseluruhannya tidak ramai yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Lebih kurang dalam lima hingga 10% sahaja. Purata keluaran IKTBN Sepang setahun adalah berkisar 80 orang dan kapasiti semasa adalah 200 orang.

Yang Berhormat bagi Jeli juga membangkitkan tentang IKBN di Kelantan. Untuk makluman Yang Berhormat yang berkenaan, IKBN yang berkenaan dijangka

akan siap pada pertengahan tahun 2001 dan sekiranya tidak terdapat rintangan yang tidak diduga, IKBN yang berkenaan akan mula beroperasi pada Julai tahun 2001.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat bagi Jeli mengenai peruntukan bagi Kontigen Malaysia ke Sukan Olimpik Sydney tahun ini, sukalah saya memaklumkan bahawa bagi Sukan Olimpik Sydney tahun ini peruntukan sebanyak RM300,000 ini adalah untuk membiayai tiket kapal terbang, pakaian dan peralatan pertandingan, elaun dobi, pengangkutan dalaman dan perbelanjaan urus setia di mana ke semua ini adalah di atas negara peserta. Tuan rumah Sukan Olimpik Sydney 2000 menyediakan makan, penginapan dan pengangkutan ke tempat pertandingan selaras dengan peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Olimpik Antarabangsa.

Bagi Sydney 2000, dijangka seramai 70 atlet atau pegawai yang terdiri daripada 42 atlet dari tujuh jenis sukan akan melayakkan diri dan diuruskan oleh 28 orang pengurus, jurulatih, pegawai-pegawai urus setia dan perubatan. Sebagai perbandingan pada tahun 1996, kerajaan telah membiayai sebanyak RM247,145 bagi menghantar 51 orang atlet dan pegawai untuk menyertai Sukan Olimpik di Atlanta tahun itu.

Tuan Pengerusi, beralih kepada beberapa permasalahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Lumut, inginlah saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan terhadap keprihatinan beliau tentang peri pentingnya kemudahan yang perlu untuk masyarakat setempat di Lumut. Kementerian Belia dan Sukan sedang berada dalam peringkat perancangan Penyeliaan Pelan Pembangunan Kemudahan Sukan dari segi jangka masa panjang dan jangka masa pendek iaitu dalam lingkungan lima tahun.

Pelan jangka masa pendek iaitu dari tahun 2001 hingga 2005 sedang dirancangan. Rancangan Malaysia Kelapan yang melibatkan penyediaan kemudahan-kemudahan hingga ke peringkat mukim dan daerah ataupun pada keseluruhannya peringkat akar umbi termasuk daerah Lumut dan Sitiawan tetap diambil kira.

Beralih kepada Yang Berhormat bagi Tanjong yang membangkitkan beberapa permasalahan antara lain termasuk promosi Kompleks Sukan Negara. Sukalah saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini walaupun kedengaran cadangan-cadangan dan juga rintihan-rintihan dari pihak yang tertentu khususnya

mengenai kadar sewa tetapi setahu saya response ataupun sambutan daripada kalangan orang ramai setakat ini amatlah menggalakkan, walaupun ianya tidak semestinya mencapai 100% occupancy rate ataupun kadar penggunaannya.

Menjurus kepada usaha-usaha mempromosikan Kompleks Sukan Negara ini, Perbadanan Stadium Merdeka 'tengah' berusaha mencari jalan untuk meningkatkan lagi penggunaan Kompleks Sukan Negara melalui usaha promosi yang lebih intensif di dalam dan di luar negeri. Ini termasuk pemasaran secara langsung dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta, pemasaran melalui media cetak dan elektronik dan juga melalui website untuk memasarkan Kompleks Sukan Negara ini dengan lebih giat lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tanjong juga, red tapes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebenarnya tidak timbul sama sekali. Yang penting itu adalah setakat mana orang ramai mengetahui cara pengurusanannya dan setakat mana orang ramai dapat menggunakannya secara berkesan dan bermakna dan itulah tertakluk kepada setakat mana usaha yang diambil oleh Perbadanan Stadium Merdeka untuk mempromosikannya khususnya di kalangan rakyat sendiri.

Yang Berhormat bagi Tanjong juga mempertikaikan tentang *Millennium Jump* yang pernah saya berulang kali menjelaskannya dalam Dewan yang mulia ini. *Millennium Jump* ataupun Penerjunan Alaf Baru yang pernah membangkitkan kesangsian dan juga pertikaian sebenarnya telah pun ditangani dengan seelok mungkin oleh kementerian. Walaupun kementerian tidak sekali-kali menjadi penganjur *Millennium Jump* yang berkenaan.

Saya ingin ambil kesempatan ini untuk memaklumkan Yang Berhormat bagi Tanjong bahawa konsep 'Malaysia Boleh' sebenarnya bukan sekadar slogan semata-mata. Ianya memberikan kita keyakinan diri terhadap cabaran-cabaran dan risiko-risiko yang kita kena tanggung dari masa ke semasa dan ekspedisi seperti ini sebenarnya menguji ketabahan dan juga kesanggupan kita untuk menanggung risiko di kalangan orang-orang Malaysia, khususnya yang mengenai cabaran alam sekitar dan kekecohan ataupun permasalahan yang timbul, yang berbangkit ekoran *Millennium Jump* itu tidak sepatutnya dijadikan satu penghalang untuk discredit ataupun mematahkan semangat kita untuk menganjurkan lebih banyak lagi ekspedisi yang bermakna pada masa yang akan datang. Sebaliknya apa yang telah kita alami

kebelakangan ini patutlah dijadikan satu pengajaran, satu iktibar supaya kita dapat memperwajakan lagi semangat 'Malaysia Boleh' pada masa yang akan datang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini berhubung dengan pinjaman sebanyak USD200,000 itu seperti mana yang pernah saya jawab di Dewan yang mulia ini ianya bukanlah satu pemberian oleh Kementerian Belia dan Sukan, sebaliknya ianya adalah satu pinjaman yang terpaksa dihulurkan untuk menyelamatkan penerjun-penerjun yang terdiri daripada anggota-anggota polis yang pada ketika itu tersepit dalam keadaan yang terdesak. Oleh kerana memandangkan bahawa tarikh pengembalian wang pinjaman itu jatuh pada 28 Mac ini, maka sebelum tamatnya tarikh yang berkenaan, Kementerian Belia dan Sukan telah, sedang dan akan terus untuk mendapatkan kembali wang pinjaman yang dimaksudkan.

Beralih kepada satu, dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli yang bersabit dengan Pusat Latihan Dataran Tinggi Lodging, Gua Musang, Kelantan. Adalah dimaklumkan bahawa pusat latihan dataran tinggi yang berkenaan dicadangkan bertujuan bagi membolehkan atlet negara menerima latihan menggunakan kaedah saintifik yang berasaskan tekanan altitude tinggi.

Keistimewaan Sistem Latihan Aras Tinggi mencakupi:

- (i) meningkatkan daya tahan kardiovaskular atlet;
- (ii) membolehkan sistem fisiologi tubuh badan atlet bekerja pada tahap maksimum; dan
- (iii) masa latihan dapat dipanjangkan hingga lapan jam sehari.

Skop kemudahan yang dicadangkan bagi pusat ini akan mengandungi padang latihan, asrama yang berkapasiti 150 orang, gymnasium dan trek sintatik yang dianggarkan menelan belanja RM19 juta untuk dilaksanakan. Kawasan Lojing, Gua Musang dikenalpasti sesuai untuk projek ini kerana ianya mempunyai ketinggian 5,400 kaki dari paras laut. Pusat ini akan dapat menampung 150 atlet dalam satu masa dan dianggarkan 12 program latihan setahun dapat dijalankan di sini dalam bentuk berkumpulan mengikut acara sukan. Setiap sesi latihan dijangka akan mengambil masa dua hingga tiga minggu.

Dengan adanya pusat latihan ini kerajaan akan dapat menjimatkan kos penghantaran atlet untuk latihan attitude tinggi di luar negara, di samping pusat ini juga boleh ditawarkan sebagai satu pusat latihan kepada atlet-atlet dari luar negara.

Pada masa yang sama, pusat ini juga boleh membawa manfaat untuk tujuan program penyelidikan sukan ke arah meningkatkan prestasi atlet-atlet negara.

Yang Berhormat Jeli juga membangkitkan perkara-perkara yang bersabit dengan pusat pertandingan Rakan Muda. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini lapan buah pusat pertandingan Rakan Muda sedang dan akan dibina di Pagoh, Muar; Pendang, Kedah; Jasin, Melaka; Gerik, Perak; Kangar, Perlis; Dungun, Terengganu; Kota Bharu, Kelantan; Port Dickson, Negeri Sembilan dan program-program ataupun aktiviti-aktiviti yang dirancang merangkumi bola sepak, bola jaring, bola tampar, sepak takraw dan juga aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk dianjurkan dalam Dewan Serbaguna.

Beralih kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut, sukalah saya memaklumkan bahawa Sekolah Sukan Bukit Jalil sebenarnya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Tetapi Majlis Sukan Negara tetap memberi bantuan dari segi latihan atlet dengan menyediakan kepakaran khususnya dari segi kejurulatihan luar negara dan juga kemudahan-kemudahan lain dan peralatan.

Buat masa kini, ada sebuah lagi sekolah sukan yang terletak di bandar Perawan, Johor yang kurikulumnya agak sama seperti Sekolah Sukan Bukit Jalil.

Tuan Pengerusi, setakat ini kebanyakan soalan-soalan ataupun pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini telah pun saya cuba jawab dengan seelok mungkin dan sekiranya masih terdapat cadangan-cadangan ataupun pandangan-pandangan yang tercicir, saya tetap akan mengambil inisiatif untuk memberikan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan jawapan secara bertulis. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM100,892,800 untuk Maksud B.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM100,892,800 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM199,446,230 untuk Maksud P.17 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM199,446,230 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

Maksud B.18 [Jadual] -

Maksud P.18 [Anggaran Pembangunan 2000] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.18 dan Kepala Pembangunan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Mambong.

2.50 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada pembangunan perhutanan di negara kita dalam Maksud B.18 Butiran-butiran 02800 hingga 06100. Negara kita mempunyai hutan tropika asli seluas 20.4 milion hektar atau 61.8% daripada jumlah keluasan Malaysia; 6.5 milion hektar di Semenanjung Malaysia, 4.5 milion hektar di Sabah dan 9 milion hektar di Sarawak.

Sumber asli ini telah pun memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Nilai eksport produk-produk kayu pada tahun 1999 melebihi RM4 bilion bertambah kalau berbanding dengan nilai eksport tahun 1998 yang berjumlah RM4.3 bilion. Nilai ini menyumbang 2.5% kepada gross domestic product negara. Dengan demikian adalah penting bahawa sumber hutan negara diuruskan dengan sebaik-baiknya.

Pengurusan hutan di negara kita sekian lama dikendalikan berlandaskan kepada The Malayan Uniform System, dengan izin.

Yang pertama, sistem ini mengambil kira *annual allowable cut*, dengan izin, di mana had garis pusat pokok-pokok yang boleh dibalakkan bergantung kepada spesis kayu, lazimnya 60 sentimeter. Pokok-pokok di bawah had garis pusat ini tidak boleh ditebang semasa aktiviti pembalakan dijalankan. Justeru, isi padu kayu balak di sesuatu kawasan pembalakan dapat diketahui dan seterusnya pihak kerajaan boleh mentafsirkan nilai dan hasil hutan yang dibalakkan.

Yang kedua, The Malayan Uniform System mengambil kira *cutting cycle*, dengan izin, atau tempoh pusingan pembalakan. Satu pusingan pembalakan bagi hutan tropika di negara kita ialah di antara 25 hingga 50 tahun. Dalam tempoh ini, pokok-pokok di bawah had garis pusat akan terus membesar menjadi bakal pokok-pokok balak yang boleh ditebang di *cutting cycle* seterusnya.

Untuk memastikan pokok-pokok di bawah had garis pusat dapat membesar, satu sistem rawatan dinamakan sistem silvikultur dijalankan di kawasan hutan yang telah dibalakkan. Pokok-pokok yang dianggap tidak ada nilai komersial diracun dan dimusnahkan.

Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa pengurusan hutan di negara kita yang berlandaskan The Malayan Uniform System sekian lama tidak mapan atau unsustainable, dengan izin, kerana hanya mengambil kira kepentingan dan nilai kayu-kayu balak sahaja. Pemuliharaan alam sekitar dan kepelbagaian biologi tidak diberi tekanan.

Saya menyarankan bahawa negara kita seharusnya menerima pakai Sistem Pengurusan Hutan Tropika Mapan atau Sustainable Tropical Forest Management System, dengan izin, yang diciptakan oleh International Tropical Timber Organization atau ITTO nama singkatnya, dengan izin.

Sistem ini berlandaskan kepada ITTO Guidelines for Sustainable Management of Natural Forest dan Criteria for the Measurement of Sustainable Tropical Forest Management, dengan izin.

Negara-negara ahli ITTO termasuk Malaysia telah pun membuat perjanjian bahawa hutan tropika mereka haruslah mencapai taraf pengurusan mapan pada tahun 2000. Ini adalah maksud ITTO Target 2000, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Perusahaan Utama, bolehkah dan setakat manakah negara kita mencapai pengurusan hutan mapan mengikut ITTO Target 2000. Sustainable Forest Management (SFM), dengan izin, memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Di negara kita jumlah perbelanjaan bagi melaksanakan SFM dalam tempoh lima tahun dianggarkan RM2.8 bilion yang meliputi kerja pengurusan fizikal, human resources development, dengan izin, dan penyelidikan. Tidak mungkin anggaran pada tahun 2000 berjumlah RM31,142,000 mencukupi.

Tuan Pengerusi, kalau negara kita tidak dapat mencapai taraf pengurusan hutan mapan, negara akan mengalami kesulitan bagi memasarkan produk-produk kayu umpamanya di pasaran Eropah.

Oleh yang demikian, saya menyarankan supaya kerajaan menerima pakai ITTO Guidelines and Criteria. ITTO Guidelines and Criteria, dengan izin, meliputi kaedah Timber Certification, dengan izin, atau Persijilan Kayu. Ini bermakna setiap produk kayu yang dipasarkan haruslah ada sijil yang menyatakan bahawa produk tersebut datangnya daripada hutan bertaraf pengurusan mapan.

Saya difahamkan bahawa negara kita telah pun menubuhkan satu badan persijilan kayu yang dinamakan National Timber Certification Council (NTCC), dengan izin. Saya menyokong sepenuhnya usaha kerajaan dalam perkara ini dan menyarankan supaya kerajaan meramalkan seterusnya timber certification kerana perkara ini, yang pertama, mendapat pasaran yang lebih baik dan luas dan mendapat premium, dengan izin, iaitu harga lebih tinggi.

Yang kedua, menunjukkan independent audit, dengan izin, bagi pengurusan hutan negara. Dengan ini Jabatan Perhutanan boleh memperkukuhkan lagi sistem pengurusan hutan negara.

Yang ketiga, meninggikan imej negara di kalangan antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah kemajuan usaha Timber Certification dilaksanakan setakat ini dan adakah sistem Timber Certification negara dapat akreditasi daripada negara-negara yang membeli kayu kita, umpamanya Eropah dan negara Jepun.

Saya juga ingin minta penjelasan dari pihak kementerian, sama ada NTCC bekerjasama dengan badan Timber Certification yang lain di peringkat antarabangsa seperti Forest Stewardship Council. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teluk Intan.

3.00 ptg.

Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 11100 dan 11101 di bawah Maksud B.18 Kementerian Perusahaan Utama. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Perusahaan Utama ke atas usahanya untuk mengatasi masalah

kemerosotan pendapatan pekebun kecil. Seperti yang dimaklum harga minyak kelapa sawit telah turun daripada RM2,000 setan metrik pada awal tahun lepas kepada RM1,000 sahaja. Kementerian Perusahaan Utama telah mengambil banyak langkah untuk meningkatkan eksport minyak kelapa sawit dan memperkukuhkan harga minyak kelapa sawit. Tetapi saya masih agak pessimist, dengan izin, dan khuatir terhadap harga kelapa sawit jangka panjang di atas dua sebab.

Yang pertama, ke luasan tanah yang ditanami dengan kelapa sawit bertambah dengan begitu cepat di negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Papua New Guinea. Oleh itu kita akan menghadapi persaingan yang lebih hebat daripada pengeluar minyak sawit negara lain.

Yang kedua, akibat usaha dan kejayaan dasar yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, ekonomi negara kita sedang memulih. Dengan adanya kadar pertukaran ringgit Malaysia dengan dollar Amerika ditetapkan iaitu RM3.80 banyak pakar ekonomi merasa bahawa ringgit Malaysia dinilai terlalu rendah. Sekiranya ringgit kita di 'repeg', dengan izin, dan diletak di tahap yang lebih tinggi, misalnya 20%, ini bermakna secara gus harga minyak kelapa sawit akan jatuh 20%. Sekiranya apa yang disuarakan oleh pakar-pakar adalah betul iaitu nilai ringgit Malaysia adalah terlalu rendah, maka pengeksport dan penanam kelapa sawit patut sedar bahawa ada kemungkinan besar harga kelapa sawit akan jatuh lebih teruk apabila ringgit tidak lagi di 'peg'. Jika nilai ringgit hari ini adalah RM2.50 seperti tiga tahun dahulu berbanding dengan US\$1 ini bermakna harga satu tan metrik kelapa sawit hari ini adalah RM650 sahaja. Mungkin estet besar masih boleh cover cost tetapi pekebun kecil tentu akan rugi. Inilah yang saya khuatiri iaitu masa depan pekebun-pekebun kecil. Bolehkah pekebun kecil kita bersaing dengan negara jiran. Saya ingin menanya Kementerian Perusahaan Utama apakah langkah yang diambil supaya pekebun kecil kita masih dapat cari makan pada tahun yang akan datang.

Saya menyeru kementerian supaya mengambil tindakan meningkatkan kempen menggalakkan pekebun kecil mengambil langkah menurunkan kos dengan menggunakan mesin yang canggih, menjadi lebih berinovatif dan juga pekebun-pekebun kecil diberi pengetahuan yang lebih terhadap high yielding seedling.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kluang bangun.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada rakan bagi Teluk Intan. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Teluk Intan yang mengambil begitu serius tentang masalah yang mungkin dihadapi oleh pekebun kecil. Sama ada Yang Berhormat setuju dengan saya, selain daripada meminta kerajaan mengambil langkah untuk membantu pekebun kecil khususnya pekebun kecil kelapa sawit, satu perkara lagi yang harus diambil kira iaitu tentang duty ataupun cukai import bahan racun dan bahan baja kelapa sawit. Saya difahamkan dahulunya cukai import adalah RM44 satu metrik tan dan sekarang sudah sampai RM120 satu metrik tan. Jadi, adakah Yang Berhormat Teluk Intan bersetuju dengan saya supaya meminta kerajaan kaji semula tentang cukai import ini supaya baja dan racun ini dalam satu harga yang lebih rendah untuk mengurangkan beban pekebun kecil supaya dapat membantu mereka untuk mengatasi masalah mereka.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih pandangan dari rakan saya bagi Kluang dan saya juga bersetuju kerana duti ke atas chemical ini, pada masa kini adalah terlalu tinggilah, mungkin ada munasabah apabila harga satu tan kelapa sawit adalah RM2,000 setan seperti tahun dahulu tetapi sekarang harga telah terjunam, saya juga setuju bahawa import duti ini dapat dikurangkan untuk menolong terutamanya pekebun-pekebun kecil.

Saya menyambung ucapan saya. Tadi saya harap pekebun-pekebun kecil diberi pengetahuan yang lebih terutamanya tentang high yielding seedling dari PORIM, dengan izin, atau benih-benih yang akan mengeluarkan lebih banyak buah sebab banyak pekebun kecil masih ke belakang dari segi teknologi ini.

Cadangan saya yang kedua adalah supaya kementerian mengambil langkah untuk menubuhkan lebih banyak persatuan pekebun kecil yang diiktirafkan oleh kementerian di semua daerah. Ini boleh menjadi satu saluran untuk mengedar pengetahuan dan bantuan kepada pekebun-pekebun kecil. Lagipun pekebun-pekebun kecil dapat bekerjasama untuk mendapat harga-harga FFB yang lebih tinggi jika mereka dapat berunding dengan kilang-kilang kelapa sawit secara sepakatan.

Tuan Pengerusi, untuk menghadapi pengeluaran minyak kelapa sawit yang semakin bertambah dari negara jiran dan juga kejatuhan harga apabila nilai ringgit diperkukuhkan, saya harap lebih langkah akan diambil supaya meningkatkan daya persaingan pekebun-pekebun kecil untuk memastikan satu masa depan untuk mereka.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setiu.

3.16 ptg.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil peluang untuk bersama-sama membincangkan di bawah B.18 Butiran 020000, 00501, 040000, 10400.

Tuan Pengerusi, kita dapati bahawa kementerian perlulah mempunyai satu fokus yang jelas dalam satu-satu projek tanaman bagi memastikan supaya rakyat dapat mengikuti perkembangan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan dibuat secara teliti dan dibuat satu kajian yang menyeluruh.

Contohnya ialah apabila berlakunya isu kayu getah di mana kayu getah dijadikan sebagai perabot dan pada ketika itu dibimbangi kalau-kalau kayu getah akan mengalami kekurangan dan kita dapati bahawa pihak kementerian pada masa itu telah mengesyorkan supaya dibuat tanaman 'arkasia' – sejenis tanaman yang dianggap akan mempunyai kualiti yang sama dengan kayu getah dan banyak tempat dibuka ladang-ladang arkasia dan kita dapati bahawa pokok arkasia ini ditanam di sepanjang jalan dan sekarang kita dapati pokok-pokok tersebut bukan sahaja tidak digunakan untuk membuat perabot tetapi dibayar dan diberi secara percuma kepada sesiapa sahaja yang ingin mengambilnya.

Jadi, kami ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian bagaimana kedudukan sebenarnya tentang projek tanaman arkasia tersebut dan juga kemudian sekarang ini diperkenal pula tanaman sentang sebagai tanaman untuk dibuat kayu perabot yang dianggap sebagai mempunyai mutu yang tinggi. Jadi, kita minta pihak kementerian supaya dapat memberi penjelasan sebab ladang-ladang yang terdapat di Terengganu, di Kelantan dan beberapa buah negeri didapati bahawa pokok ini menjadi semak-samun sekarang dan di sepanjang jalan sekarang ini telah mula dipotong dan digunakan, dibuat kayu api dan dibuang begitu sahaja. Jadi, banyak manakah belanja telah dikeluarkan oleh pihak kementerian dan kita minta supaya pihak kementerian harus berhemat dalam persoalan ini.

Kemudian yang keduanya, saya ingin menyentuh soal BCIC iaitu masyarakat perdagangan perindustrian bumiputera dalam industri perabot. Kita dapati Malaysia

telah menjadi pengeksport utama perabot sekarang ini dan difahamkan bahawa eksport negara dalam industri perabot ini melebihi RM4 bilion setahun. Sebelum berlakunya kegawatan ekonomi, ekuiti bumiputera ataupun penyertaan bumiputera di dalam industri perabot ini terutama dalam eksport market ialah sekitar 4.3% dan sekarang telah menurun sehingga 2%. Ini tidak mencerminkan dasar ekonomi baru yang ingin melahirkan 30% sekurang-kurangnya bumiputera yang terlibat dalam BCIC dan kita minta supaya satu program yang khusus dan walaupun kita tahu pihak kementerian telah mengadakan kawasan industri perabot umpamanya tetapi didapati bahawa hampir semua kawasan industri perabot ini telah mengalami kegagalan.

Jadi, kita minta supaya pihak kementerian mengkaji balik dan melihat secara serius supaya penyertaan bumiputera dalam industri perabot yang dianggap mempunyai potensi besar ini dapat dilaksanakan dan mempunyai satu program yang tersusun dan mempunyai time-frame, dengan izin, mempunyai jangka masa dan tempoh masa tertentu bagi membolehkan pengusaha-pengusaha bumiputera yang terlibat dalam industri perabot ini dapat menyertai sama program yang dilaksanakan.

Saya ingin memberi contoh satu kawasan industri perabot yang terdapat di kawasan saya iaitu Setiu, Terengganu. Kawasannya cukup cantik, lebih daripada 100 ekar, mempunyai pelbagai kemudahan dan sekarang ini pengusaha-pengusaha mengalami keadaan yang cukup menderita, tekanan daripada bank dan hutangnya terlalu banyak dan produk yang dikeluarkan tidak mampu mencapai tahap eksport market dan sekarang, insya-Allah, pihak kerajaan negeri cuba untuk membantu dan mengambil alih tanggungjawab tersebut tetapi kita minta supaya pihak kementerian konsisten dan memberi kepada pihak kerajaan negeri satu pertolongan bagi membolehkan kita sama-sama iaitu di pihak Kerajaan Negeri Terengganu dan juga dengan pihak kementerian untuk membantu dan membina kembali perusahaan tersebut. Jadi, kita tak nak jadi macam Rompinlah, kita boleh kerjasama dengan kementerian, insya-Allah.

Kemudian berhubung dengan Jabatan Kaji Bumi. Ini lebih daripada RM20juta diperuntukkan peruntukan untuk kajian kaji bumi dan kajian ini meliputi pelbagai kajian iaitu termasuklah pembebasan mineral, air tanah, kajian struktur dan pelbagai kajian telah dibuat. Persoalannya ialah kajian – peruntukan diminta kepada pihak Dewan untuk meluluskannya ataupun mempertimbangkan kelulusannya tetapi

hasil kajian yang telah dibuat selama ini oleh pihak Jabatan Kaji Bumi terutamanya perlulah disebar luaskan kepada pelbagai institusi dan kepada orang awam terutamanya kerana kita dapati bahawa hasil kajian tersebut nampaknya tidak digunakan sepenuhnya di dalam pembinaan projek-projek yang dilaksanakan. Apatah lagi apabila dalam suasana sekarang ini apabila satu projek dilaksanakan dasarnya ialah untuk cepat dan untung besar terutama apabila dilaksanakan oleh pihak swasta di bawah turnkey project, BOC dan sebagainya dan atas dasar itu kadangkala kajian terperinci berhubung dengan hasil yang telah dibuat oleh pihak kaji bumi diketepikan begitu sahaja dan akhirnya apabila berlaku tragedi sahaja barulah dilihat kembali apakah kedudukan kajian sesuatu kawasan tersebut. Saya, oleh kerana terlibat secara langsung, umpamanya dalam tragedi Highlands Towers, apabila kita pergi ke tapak tragedi tersebut.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin, bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan. Terlibat secara peribadi itu – hempap dek bangunankah? Tolong.....itu saya tak faham, sebagai juruterakah? Saya kurang jelas, minta penjelasan daripada Yang Berhormat sikit. *[Ketawa]*

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih kepada Rompin – bekas AJK UMNO Bahagian Setiu dan Geologist my profession.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Saya terlibat di dalam usaha untuk

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung, masa sudah suntuk.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Dia kacau!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat berikan laluan.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Rompin kacau. Saya gulung sikit ya. Begitu juga dengan kajian berhubung dengan sumber asli. Saya ingin tekankan sekali lagi, umpamanya di kawasan Tasek Kenyir dan kawasan empangan-empangan yang dibina. Kebanyakan bijih yang terendap di dasar empangan ataupun dasar tasek tersebut tidak dapat dieksploit ataupun dimanfaatkan kerana apabila projek dibuat,

kajian yang dibuat sebelum itu tidak dilihat dan akhirnya khazanah negara terendap di bawah ratusan kaki di bawah paras air.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, gulunglah ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Che ng]: Baik.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Berhubung dengan pembangunan sumber mineral. Saya ingin sebutkan soal batu dimensi iaitu yang dikatakan batuan granite. Sebenarnya Malaysia adalah antara pengeluar granite ataupun batu dimensi yang terbaik dan mempunyai mutu yang cukup berkualiti. Jadi, kita minta supaya kerajaan memberi tumpuan di dalam soal ini kerana sekarang kita dapati kita masih lagi mengimport batuan dimensi daripada luar supaya industri tempatan ini dapat kita bina dan batu dimensi ini mempunyai nilai yang cukup berkualiti, cantik dan kalau kita boleh syorkan kepada jabatan kerajaan, kepada taman-taman dan kepada tempat-tempat yang agak terdedah menggunakan batuan dimensi ini, ianya dari sudut maintenance ialah dianggap sebagai free maintenance, dengan izin, dan juga kita kalau boleh maknanya dengan bantuan pihak kerajaan supaya harga kita lebih kompetitif supaya dalam tahun 2003 apabila AFTA dilaksanakan kita mampu untuk bersaing dengan pengeluar-pengeluar dari China dan juga dari India. Jadi, kita minta supaya pihak kementerian melihat secara strategik dalam soal ini kerana Malaysia antara pengeluar batu dimensi yang terbaik di rantau ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang.

3.15 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh Butiran 02800 – Rancangan Pembangunan Pengurusan Hutan. Tuan Pengerusi, satu laporan yang menyatakan bahawa dalam tempoh tahun 1988 hingga 1998, dalam tempoh 10 tahun ini kawasan hijau di Lembah Klang telah dikurangkan sebanyak 21% kerana kawasan hijau ini telah dimajukan termasuklah hutan simpan dibuka untuk pembangunan. Dengan demikian itu, saya rasa ambil serius terhadap kawasan hijau yang sentiasa merosot begitu banyak akan menjadikan alam sekitar terjejas.

Umpamanya, hutan simpan Air Hitam, seluasnya 3,066 hektar, telah dibuka untuk pembangunan. Dengan adanya keluasan begitu banyak dibuka untuk pembangunan mungkin terjejas alam sekitar kawasannya. Dengan demikian, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, adakah rancangan daripada kerajaan

untuk mengganti balik dengan kawasan yang lain, yang lebih kurang sama keluasan yang telah dimansuhkan supaya hutan simpan ini dapat balik dengan keluasan yang telah dimansuhkan itu.

Ini penting kerana kalau dasar kerajaan untuk memelihara hutan simpan yang penting untuk kepentingan ekonomi dan juga alam sekitarnya maka gantian ini patutnya dijalankan. Dan saya minta satu perkara lagi, kawasan hutan simpan kekal, berapa luasnya masih belum diwartakan di Malaysia ini. Apa sebabnya hutan simpan kekal yang masih belum diwartakan, apa sebabnya lambat diwartakan? Dan juga, kejadian pencerobohan hutan dan juga pembalakan haram sentiasa berlaku di satu-satu kawasan pedalaman. Apa langkah yang akan diambil daripada pihak kerajaan dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk mencegah kejadian berlaku supaya pencerobohan hutan dapat dihentikan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana pencerobohan hutan ini menjadi serius berlaku satu ketika, sama ada pada kini ini pencerobohan hutan dan pembalakan haram ini masih terjadi. Mintalah penjelasan dari pihak kerajaan untuk memahami kedudukan sebenarnya berlaku pemeliharaan hutan sepanjang masa ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 00300 – Rancangan Penanaman Semula Nanas. Sepanjang masa ini saya tidak tahu berapa luasnya kawasan untuk menanam nanas di negara kita inisama ada hasil daripada tanaman nanas ini akan memberi sumbangan kepada ekonomi negara yang tinggi. Kalau begitu, apa langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan lagi banyak kawasan-kawasan untuk menanam nanas supaya menghasilkan, menambahkan ekonomi negara kita ini.

Satu perkara lagi, Butiran 09500 – Pembangunan Tanah Lombong. Harga bijih timah merosot sedunia maka terjejasnya kegiatan lombong di negara kita. Pada waktu ini berapa luas kawasan lagi lombong sedang dijalankan aktivitinya untuk mendapat hasil dan apa langkah yang diambil kerajaan untuk kestabilan harga bijih timah antarabangsa supaya tidak akan jejas lagi kegiatan lombong di negara kita.

Tuan Pengerusi, satu ketika hasil bijih timah adalah memberi sumbangan besar kepada ekonomi kita. Jadi, aktiviti ini sama ada telah diambil berat lagi oleh kerajaan supaya untuk mengaktif semula kegiatan lombong supaya sumbangan ini dapat diteruskan dan juga akan memberi kepentingan kepada pekerja lombong ini. Dan juga ini sebab satu aktiviti ekonomi ini yang begitu penting dan harap dapat

berilah penjelasan kaitan kegiatan lombong pada masa-masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

3.20 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.18, Kementerian Perusahaan Utama secara khusus Butiran 020100 – Dasar dan Pengurusan Perhutanan; dan 020200 – Pengurusan Sumber Hutan.

Hutan selain dari punca ekonomi juga amat penting untuk kelangsungan kehidupan manusia dari banyak segi. Satu darinya ialah hutan menjadi pembekal udara bersih yang kaya oksigen dan penampan suhu dan ekologi. Malangnya, negara kita mengalami kesusutan tanah berhutan terus-menerus. Dan saya akan membawakan beberapa statistik untuk menunjukkan bahawa keluasan perhutanan negara kita telah merosot. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dalam perjalanan, kerana dua-tiga hari yang lepas Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa kita mengamalkan dasar perhutanan yang penebangan yang berkekalan. Tetapi daripada statistik ini, saya hanya ambil pada tahun 1990 dan 1996, bagi negeri Johor umpamanya keluasan tanah berhutan daripada keseluruhan keluasan tanah kalau Yang Berhormat Serdang sebut Hutan Simpan Air Hitam telah diteroka.

Pada tahun 1990, keluasan tanah berhutan di Johor ialah 25.5%, Kedah (36.4%), Kelantan (59.9%) – yang paling tinggi di Semenanjung untuk makluman Yang Berhormat Rompin. Melaka (5.16%) – yang paling rendah di Malaysia ialah Melaka - 5.16% daripada keseluruhan keluasan Melaka masih lagi berhutan on paper. Negeri Sembilan (27.37%), Pahang (58.%), Perak (50.9%), Perlis (14%), Pulau Pinang (7.03%), Selangor (31.6%), Terengganu (51.9%), W. Persekutuan (0.25%).

Pada tahun 1996, keluasan hutan kita tidak meningkat bahkan menurun. Keluasan tanah berhutan bagi negeri Johor ialah 21.8%, Kedah (36.7%), Kelantan (59.8%) – turun hanya 0.1% untuk makluman Yang Berhormat Rompin. Ini dapat daripada laporan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kenapa hendak hanya untuk makluman Rompin. *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya. Ya. Pasal Rompin tidak baca Laporan Jabatan Perhutanan [*Ketawa*] Saya ada laporan-laporan di sini, kalau dia tidak percaya boleh pergi ke Perpustakaan Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rompin bangun, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya habiskan dulu, saya akan beri peluang. Bagi tahun 1996. Melaka (5.15%) – makin turun. Negeri Sembilan juga makin turun. Pahang (54.4%), Perak (50.8%).

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tumpat bangun.

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: Minta penjelasan. Melaka sampai 5% sahaja hutan, adakah ini bermakna Yang Berhormat bahawa di Melaka ini selain daripada pegawai bank, peguam, kontraktor yang anti UMNO, pegawai hutan pun anti UMNO [*Ketawa*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya akan jawab semua persoalan ini. Ini satu tajuk yang serius pada saya. Perak, keluasan tanah berhutan ialah 50.8%, Perlis (14.2%), Pulau Pinang (7.03%), Selangor (32.5%), Terengganu (51.5%), W. Persekutuan (0.25%).

Pada masa yang sama di Johor, pembalakan masih berlaku. Pada tahun 1995, 24,000 hektar lagi telah dilulus untuk pembalakan. 1996 – 30,000 hektar, 1997 – 24,000 hektar. Sudah tengah hutan sudah tinggal sikit tu, dia potong lagi. Daripada angka-angka ini dan juga daripada keseluruhan angka di Persekutuan telah turun pada tahun 1989 keluasan tanah di Semenanjung ialah 6.3 juta hektar. Pada tahun 1998 turun menjadi 5.8 juta hektar, penurunan sebanyak 481,000 hektar dalam tempoh 10 tahun. Dan sudah tentu berdasarkan trend ini, kawasan hutan kita akan terus susut pada masa-masa yang akan datang.

Dan walaupun belum ada satu kajian saintifik apakah hubungan di antara hutan dengan suhu negeri kita. Saya suka menarik perhatian semua bahawa suhu negara kita di semua stesyen pada 30 tahun yang lalu telah meningkat dengan ketara. Sebagai satu contoh, dalam masa yang singkat ini, saya hanya merujuk kepada rekod suhu paling tinggi tahunan, record of highest maximum temperature (annual)

Stesen	Suhu (°C)	
	1968	1998
Kuantan	34.4	37.8
Alor Setar	36.7	39.1
Bayan Lepas	34.7	35.4

Senai, Johor. Senai di Johor kan, Senai di Johor.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kawasan saya. *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Senai, pasal Johor ini hutan dia sudah tinggal sikit, suhu dia naik atau tidak? Kita boleh agak, suhu di Senai pada tahun 1975 – 33.9 ? . Yang sedihnya Senai, catatan suhu Jabatan Cuaca hanya bermula pada tahun 1975 telah naik kepada 37.2 ? pada tahun 1998, perbezaan dalam masa beberapa tahun, 13 tahun ialah 3.3 ? . Di Melaka, Melaka pasal hutan dia sudah tinggal kecil, Yang Berhormat bagi Tumpat tanya, pada tahun 1968 - 34.4 ? , pada tahun 1998 - 38? , kenaikan 3.6 ? . Kenaikan yang paling tinggi di seluruh Semenanjung.

Di Kuala Terengganu, rekod suhu paling tinggi ialah pada tahun 1985 - 33.6 ? , naik 2.2 ? menjadi 35.8 ? pada tahun 1998. Begitu juga di Subang dan juga di Ipoh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rom pin bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Di Kelantan, mungkin Yang Berhormat bagi Rompin bangun ni

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order 55(2), ini minta supaya Yang Berhormat terus kepada perkara di sini sebab saya tidak nampak perhubungan suhu dengan – kalau balik kepada isunya , di Jawatankuasa ini minta Yang Berhormat bahas kepada isu yang dibangkitkan dalam Jawatankuasa, bukan dasar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat rujuk kepada

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hak suhu naik ini oleh kerana the warming up of the world, dunia ini makin panas, bukan negara kita sahaja. Itu perbahasan yang lain, boleh kita bincang. Ini tentang isu hutan ini, cerita hal hutan ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Okaylah. Akhir sekali Tuan Pengerusi, bagi Kelantan – mungkin orang hendak tahulah rekod suhu tertinggi Kelantan, pada tahun 1968 ialah 34.5 ? , pada tahun 1981, yang tertinggi dalam masa 30 tahun - 36.1 ?

telah menurun pada tahun 1998 menjadi 35.8 ? . Ini rekod bukan saya buat, rekod Jabatan Kaji Cuaca, ya. Ini adalah suatu perkara yang saya rasa adalah berkaitan dengan kepentingan kita semua.

Kita dalam masa empat-lima tahun ni boleh hidup dengan selesa lagi, tetapi cucu-cicit Yang Berhormat daripada Rompin [*Disampuk*][*Ketawa*] Saya rasa

Seorang ahli: Kepanasan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Walaupun saya gelak dalam tajuk ini tetapi saya rasa ini adalah satu tajuk yang sangat serius yang perlu diberikan perhatian oleh kita semua dan satu kajian dapat dilakukan bagi membolehkan kita melihat pertalian di antara penurunan keluasan kawasan hutan dan peningkatan suhu di seluruh negara

Dan pada masa yang sama kita ada satu dilema iaitu kalau kita tidak tebang hutan, beberapa negeri akan kehilangan hasil, Pahang, Kelantan, Terengganu, Perak. Kalau kita tebang hutan, bererti kita akan menjadi macam Johor dan Melaka iaitu keluasan hutan sangat minimum. Dengan itu, sumbangan negeri-negeri ini kepada keluasan keseluruhan hutan di Semenanjung ini akan menjadi amat kecil.

Oleh sebab itu saya rasa kita memerlukan satu kajian supaya satu pampasan dapat diberikan daripada satu tabung tertentu, daripada sumber-sumber negara kita supaya negeri-negeri yang menyimpan hutannya yang ada simpanan hutan kekal. Yang Berhormat bagi Serdang bertanya tadi ada rekod daripada tiap-tiap tahun yang dikeluarkan oleh Perangkaan Perhutanan Semenanjung Malaysia, bagaimana hutan simpan kekal kita juga telah berkurangan dan pada masa yang sama ada beberapa negeri yang masih belum menggazetkan kawasan yang sepatutnya diwartakan untuk menjadi kawasan hutan simpanan kekal umpamanya Johor, 38,000 hektar yang telah diluluskan oleh MMK tetapi belum diwartakan sehingga 1998 dan Kedah 35,000 hektar, Selangor 11,000 hektar, Terengganu 56,000 hektar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, berkenaan dengan kelapa sawit, tidakkah boleh dikatakan sebagai hutan ataupun mengambil tempat sebagai hutan yang mana daunnya itu pun dah.....

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Ketawa*] Saya tertarik dengan pandangan Tun.

Tuan Pengerusi: Ya, ini bukan pandangan saya...

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, sebab itu kajian dapat dilakukan adakah kelapa sawit ini dapat menggantikan hutan tropikal kita secara sepenuhnya dari segi ekologi, dari segi...., dari segala segi. Yang Berhormat bagi Rompin kalau dia dapat idea ni, tentu dia dah bangun dah. *[Ketawa]*

Saya beralih kepada satu tajuk yang lain iaitu tentang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rompin dalam masa dalam sidang ini iaitu Kelantan, mengikut Laporan Audit 1997 telah mengeluarkan satu jumlah 77,334 hektar hutan tanpa melalui tender terbuka. Saya telah mendapatkan maklumat-maklumat yang terperinci. Daripada maklumat yang saya perolehi, apa yang dimaksudkan dalam laporan Jabatan Audit berkenaan dengan kawasan pemberian meliputi lima perkara.

Pertama ialah kawasan perjanjian, kawasan konsesi. Kawasan konsesi ialah kawasan yang telah diberikan perjanjian dalam tempoh jangka masa panjang dan sejumlah 220,000 hektar kawasan konsesi telah diberikan sebelum 1990 iaitu sebelum Kerajaan PAS mengambil alih tetapi mesti dihormati kerana lengkap dengan perjanjian-perjanjian dan ini termasuk sebahagian daripada keluasan, apa yang dikatakan kawasan pemberian.

Yang kedua ialah kawasan yang bertindan dengan perlombongan iaitu pelombong-pelombong kadang-kadang memohon untuk mendapatkan kawasan pembalakan di atas tanah perlombongan mereka.

Yang ketiga ialah Skim Perkilangan Kayu Bumiputera yang telah diberikan berasaskan kelayakan tiap-tiap kilang pada tiap-tiap tahun.

Yang keempat ialah tanah-tanah ataupun hutan-hutan yang ada di atas tanah-tanah orang-orang kampung yang telah menjadi kebun dan sebagainya dan yang kelima ialah permohonan saki baki berjumlah 24,458 yang dikeluarkan oleh beberapa sebab.

Di antaranya ialah kawasan ini telah pun ditebang sebanyak satu ataupun lebih daripada satu kali yang menyebabkan adalah sukar untuk ditender kerana penender-pender tidak berhasrat mendapatkan kawasan-kawasan yang kurang ekonomik ini.

Pada masa yang sama, dalam masa yang singkat ini saya beralih kepada tajuk yang ketiga. Yang Berhormat Menteri tak ada, saya berhasrat untuk tahu. Kita telah ada MTIB, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dalam buku laporan ini, buku

Anggaran Belanjawan kita ini telah diberikan peruntukan di bawah Kepala B.18, minta maaf Tun, di bawah Kepala B.18, muka surat 153, Butiran 100000 - sebanyak RM1.5 juta dan kita semua tahu apakah fungsi Majlis ataupun Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) ini tetapi pada masa yang sama di bawah Kementerian Perusahaan Utama ada MTC - Majlis Perindustrian Kayu Malaysia, *Malaysian Timber Council* yang...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, mintalah gulunglah ya Yang Berhormat

....

Tuan Husam bin Haji Musa: Gulung?kadang-kala mengambil tempat Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan saya nak tahu banyak manakah peruntukan yang telah diberikan oleh kementerian ini kepada MTC setiap tahun dan apakah tujuan MTC diwujudkan kerana ia bertindan dari segi fungsi dengan MTIB.

Yang akhir sekali ialah saya memohon satu jawapan bertulis, penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama berkenaan dengan Jawatankuasa Perhutanan Negeri-negeri. Saya difahamkan Negeri Sembilan umpamanya dan negeri Perak umpamanya tidak mempunyai Jawatankuasa Perhutanan dan semua kelulusan perhutanan ialah melalui Menteri Besar. Tentulah Yang Berhormat Menteri akan kata jawatankuasa ini wujud, sebab itu saya juga memohon supaya satu senarai mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa ini untuk sepuluh tahun yang lalu dapat dibekalkan dan tarikh tiap-tiap mesyuarat, anggota-anggota yang menghadiri mesyuarat, agenda-agenda dan kelulusan-kelulusan yang mereka lakukan.

Ini ialah untuk membolehkan kita dapat mengemudikan perhutanan negara kita dengan lebih telus, dengan lebih ekonomik untuk faedah jangka panjang walaupun ada satu dua perkara yang saya, akhir sekali Tun, *granite* yang disebut oleh wakil daripada Setiu. Saya hendak tahu pembinaan KLIA dan Putrajaya. Berapa peratus *granite* yang digunakan untuk pembinaan kedua-dua projek ini menggunakan *granite* tempatan dan adakah sepanjang kontrak ini dibuka, syarikat-syarikat tempatan yang nak menggunakan *granite* Malaysia masuk dalam tender ini dan adakah mereka berjaya dan kalau mereka tidak berjaya daripada manakah *granite* kita diperolehi dan berapakah jumlah import yang telah kita tanggung daripada *granite* ini. Boleh saya sambung lagi?

Tuan Pengerusi: Cukup, cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Cukup dah? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Rompin.

3.36 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut bangun untuk menyertai perbincangan dalam Perkara 010200 - Kemajuan Industri Komoditi, Perancangan dan Perhubungan Antarabangsa dan perkara yang kedua, sedikit saya tak berhajat untuk menyentuhnya pada peringkat awal kerana rakan saya membawa isu hutan di Kelantan, saya patut juga memberi sedikit pandangan walaupun saya bukan daripada Kelantan iaitu Perkara 020000 - Perhutanan.

Tuan Pengerusi, dewasa ini seperti yang dikatakan oleh Kluang, ya, Teluk Intan tentang harga kelapa sawit, Tun. Masyarakat di Malaysia ini di luar bandar yang terdiri daripada peneroka-peneroka, pekebun-pekebun kecil yang sekarang ini banyak bergantung sumber pendapatan mereka daripada kelapa sawit terutama macam di kawasan saya ini di Rompin, di kawasan-kawasan yang lain, banyak peneroka yang bergantung kepada tanaman kelapa sawit dan sekarang ini sudah banyak juga pekebun-pekebun kecil yang menukarkan tanaman getah kepada kelapa sawit sudah banyak, Tun. Di kampung-kampung tradisi pun juga banyak tanaman kelapa sawit.

Ini saya pun turut bersamalah dengan rakan-rakan tadi, tetapi belah sana, tengok tak ada sebut langsung supaya nak membela luar bandar ...nak politik saja. Yang tadi tentang global warming. Cerita tentang global warning, bukan nak membela masyarakat, membela politik dia untuk di Sanggang ni. Ini supaya kerajaan timbang dengan harga yang rendah ini bagaimana kerajaan boleh membantu dalam isu harga yang turun ini satu proses yang biasa dalam pasaran dunia ini, harga turun naik kelapa sawit atau komoditi-komoditi lain, Tun. Dulu harga amat tinggi sekali RM2000 kita ada satu bil kita bentang, kita kenakan harga premium dalam harga lebih RM2000 nak bayar surcaj. Levi surcaj RM2000, sekarang ni harga dah hampir RM1000 Tun, half, separuh.

Kita minta supaya kalau boleh pendekatan-pendekatan yang diambil supaya pendekatan-pendekatan diambil supaya dibantu harga ini atau keadaan pasaran ini

supaya harganya meningkat. Penting dalam harga ini ialah isu stok atau dalam minyak, satu ketika minyak di dunia ini stoknya amat tinggi bila pengeluaran-pengeluaran minyak bersatu menurunkan stok, harganya naik. Begitu juga kita lihat di negara kita ini, saya minta supaya kerajaan, pertama dalam pengurusan CPO stock ini.

Kalau dahulu dikenakan cukai untuk eksport CPO tapi kita minta kerajaan timbang mengapa tidak eksport kelapa sawit ini, CPO ini supaya duty free, tak payah dikenakan duty. Ini perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, di Sabah. Di Sabah ini untuk masyarakat Malaysia yang di Sabah yang melibatkan diri juga dalam pertanian kelapa sawit ini dikenakan *levy sales tax* dengan izin, Tuan Pengerusi, RM50 satu tan CPO, dikenakan levi. Mengapa tidak dalam suasana harga yang rendah ini kita ketepikan dulu levi ini buat sementara supaya dapat membantu kepada peneroka-peneroka ataupun pekebun-pekebun kecil peneroka ini. Ini tauke Sarawak pun ada ni, wakil Kota Samarahan, Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, alhamdulillah, ya. Alhamdulillah. Yang Berhormat Ketua Menteri sebelum saya cakap sudah bersetuju dah. Di Sarawak pun kita tidak ada lagi *sales tax* ya, sudah diberhentikan, after 2000 telah diberhentikan.

Inilah cara Kerajaan Barisan Nasional menguruskan Kerajaan Sarawak dengan baik. Mungkin Kelantan hendak belajar daripada Sarawak. Macam mana Yang Berhormat Ketua Menteri, kalau Kelantan hendak datang ke Sarawak belajar macam mana Yang Berhormat Ketua Menteri menguruskan Sarawak, boleh ya! Cuba belajar sebab syarikat rugi, semua di Kelantan bukan menguruskan dengan baik, cakap sahaja.

Ini perkara yang satu lagi, Tuan Pengerusi, ia tak bangun - memang betul. Hutan, saya cakap hutan lepas ini. Ada Ini tentang harga[*Disampuk*]

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Dia bangun dah, Yang Berhormat, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau dia bersetuju dengar sebab apa yang saya cakap ini bertujuan untuk membela peneroka-peneroka, orang luar bandar yang bergantung kepada kelapa sawit. Kalau Yang Berhormat bersetuju Yang Berhormat kena duduk, kalau Yang Berhormat bangun maknanya

Yang Berhormat tidak bersetuju. Saya boleh cakap ini di Sanggang nanti bahawa tengok, apa PAS bercakap sahaja, sebenarnya tidak membela orang luar bandar.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Biarlah saya teruskan, Tuan Pengerusi..

Tuan Pengerusi: Hendak bagi jalan ke tidak?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak teruskan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hujung saya akan beri kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Pasal apa Tuan Pengerusi? Pasal apa dia tidak bagi jalan tu?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh, saya bagi. Kalau tidak masuk sini, kita jumpa di Sanggang.

Ini perkara yang satu lagi, Tuan Pengerusi, ini ada ses ni. Kerajaan melalui PORIM, Tuan Pengerusi, mengenakan ses RM7.25 sen untuk tiap-tiap metrik tan, untuk eksport *crude palm oil* dengan izin, atau *crude palm kernel*. Maknanya dikenakan ses. Ini maklumat yang saya dapat. PORIM ada satu kumpulan wang yang banyak kira-kira RM80 juta dia punya wang yang ada. Mengapa perlu dikutip lagi ses ini? Mengapa tidak ditangguh sementara kumpulan wang dalam PORIM pun sudah tinggi, RM80 juta, sudah banyak wangnya, guna wang yang ada dahulu. Tangguh sementara dari segi mengenakan caj ses ini supaya sekurang-kurangnya wang yang ada ini - ses tadi boleh dipulangkan kepada rakyat Malaysia, peneroka-peneroka, pekebun-pekebun kecil di luar bandar.

Ini satu perkara lagi yang ingin saya bawa sedikit, Tuan Pengerusi, ini untuk orang Sabah. Juga, bahawa di Sa bah pun kadang-kadang bila tanah yang diletakkan kilang itu, di sana bukan kadang-kadang yang sebenarnya dikenakan satu *charge conversion*. Kilang di sana mesti ditukarkan titlanya daripada agriculture kepada industrial. Mengapa tidak ikut yang sana, bagaimana kilang itu dalam ladang mengapa tidak perlu lagilah kita kenakan supaya ditukarkan tanah itu daripada agriculture kepada industry.

Perkara satu lagi, Tuan Pengerusi,[*Disampuk*]

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Minta satu penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Di bandar bukan ada kelapa sawit. Bagilah saya habis. Tidak ada kelapa sawit. Kalau Yang Berhormat ada kelapa sawit saya bagi.

Tuan Lim Hock Seng: Ini berkenaan dengan kelapa sawit.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Mana ada kelapa sawit?

Tuan Lim Hock Seng: Berkenaan dengan kelapa sawit.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagilah saya habis dahulu, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat DAP hendak memperjuangkan tentang luar bandar barulah - mungkin belajar diarahkan oleh PAS mungkin.

Ini satu lagi, Tuan Pengerusi, ini ada satu perkara. Kita selalu bercakap tentang *invisible trade imbalance*, Tuan Pengerusi. Saya terkejut juga mendapat statistik, bahawa minyak-minyak kelapa sawit yang dieksport hanya 10% sahaja melalui kapal kita sendiri. 90% daripada kapal bukan kepunyaan kita. Inilah antara sebabnya bahawa banyak kita punya *imbalance dan services trade* kita. So, minta juga kerajaan mungkin MISC ini menjadikan satu tumpuan mengapa tidak perbanyakkan kapal-kapal mereka - kalau PAS dan DAP hendak tumpang bolehlah kita eksportnya sekali. Kuala Kedah macam mana, hendak ikut?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila teruskan. Ada dua minit lagi, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia menjeling kepada saya, itu saya tanya dia.

Tuan Pengerusi: Biarlah. Jeling tidak apalah. [*Ketawa*] Dia berkenanlah itu, ya. [*Ketawa*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi, satu perkara lagi, ini tentang dalam mana-mana ladang memang ia menggunakan baja, *fertiliser*. Sekarang ini dikenakan tax 15%. Bajanya kebanyakan diimport. Mengapa tidak dalam suasana harga yang rendah ini tangguh sementara cukai untuk baja-baja

ini supaya kos untuk menguruskan ladang ini turun, boleh dapat *margin* ataupun sumbangan yang lebih besar untuk pendapatan petani-petani dan peneroka-peneroka di luar bandar.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, ini tentang persaingan di luar negara ini. Kita dengar baru-baru ini Kerajaan India menaikkan import dutinya daripada 16% hingga ke-27% dan ada ura-ura hendak meningkatkan 50%. Ini kalau dilakukan amat susah kelapa-kelapa sawit kita untuk dieksport ke negara India. Mungkin kementerian, mungkin melalui hubungan kerajaan dengan kerajaan untuk berbincang dengan mereka bagaimana dapat kita elakkan supaya diturunkan, kalau bolehlah jangan terus dinaikkan, kalau boleh diturunkan import duti kepada minyak-minyak oliens yang dieksport kepada mereka.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang terakhir iaitu tentang hutan tadi. Saya tertariklah dengan pandangan bekas Setiausaha Politik kepada Menteri Besar - bekas Setiausaha Politik atau masih Setiausaha Politik lagi, kadang-kadang dia ada dua jawatan. Ia memang mempertahankan kerajaan di bawah bossnya. Tetapi saya hendak bertanya kalau benar-benarlah kita mahukan transperansi, kita mahu tunjukkan cara pengurusan kerajaan yang baik, mengapa tidak tender semua seperti kita di kerajaan negeri dan kita tender. Ini Kerajaan Kelantan saya difahamkan salah satu sumber untuk membiayai Kerajaan Kelantan pilihan rayalah melalui sumber hutan, saya difahamkan. Ya tak?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Inilah wang untuk dia

.....

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun Yang Berhormat, ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini adalah tuduhan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia rujuk

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya difahamkan.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia rujuk nama saya tadi. Saya berhak beri penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tak bagi jalan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Penakut, Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan takut. Ini

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya difahamkan.

Kalau tidak benar, duduk sahajalah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau dia berani, saya tak duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya kata, saya difahamkan. Orang bagi tahu saya. Baru ini saya pergi ke Kelantan, dia orang bagi tahu saya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia suka dengar khabar angin, Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia kata banyak poster-poster itu dibiayai oleh mereka yang dapat balak Kerajaan Negeri Kelantan. Itu kata mereka.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak payah. Saya bacakan dalam laporan audit berkaitan dengan Kerajaan Pahang. Hasil premium hutan RM23 juta.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kubang Kerian, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia tidak bagi jalan?

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak mengata. Jangan bimbang Yang Berhormat

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, duduk. Rompin sila teruskan, ya. Yang Berhormat ada seminit sahaja lagi, ya. Sila, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia kena tarik tuduhan.

Tuan Pengerusi: Tuduhan apa itu? Tuduh tadi apa?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Ketawa]* Tak tahu tuduh apa?

Tuan Pengerusi: Dia tidak tahu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kerajaan Kelantan dia kata ambil duit balak.

Tuan Pengerusi: Itu tidak apalah. Ya, sila teruskan. Seminit lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, saya akan beritahu kepada Menteri Besar Kelantan bahawa Yang Berhormat tetap membela beliau. Jangan bimbang.

Ini yang terakhir, Yang Berhormat, saya dari segi - itu yang bersetuju sedikit saya boleh setuju *global warming*. Memanglah *global warming* ini satu perkara yang penting untuk masa depan kita semua. Isu *global warming* ini dari segi

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bagan, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya rasa itu kita boleh bersetuju. Yang mengatakan kelapa sawit pun boleh menjadi satu - uruskan dengan baiklah, *sustainable*, menguruskan hutan kita secara yang terus atau *sustainable management of forestry*. Ini satu unsur perkara yang baik dan saya minta supaya kementerian jadikan ini sebagai satu natijah atau agenda pengurusan hutan di negara kita. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Ini yang dekat ini.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Bachok.

Tuan Pengerusi: Ya.

3.50 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Sukacita saya merujuk kepada butiran 060000 iaitu mengenai Lembaga Tembakau Negara di bawah Maksud B.18 Kementerian Perusahaan Utama. Juga saya merujuk kepada projek Pembangunan di bawah LTN (Lembaga Tembakau Negara) di bawah butiran 00401 yang memperuntukkan anggaran Belanjawan 2000 ini RM3,789,740.

Sebagaimana yang telah pun diketahui umum objektif kepada Kementerian Perusahaan Utama ini untuk mempertingkatkan pengeluaran komoditi negara termasuklah tembakau yang akan saya sebutkan ini. Sokongan kepada objektif itu kita dapati kementerian khususnya telah menetapkan beberapa strategi dan di bawah Lembaga Tembakau Negara sebanyak RM5,555,200 bagi maksud mengurus bagi

tempoh Belanjawan 2000 iaitu satu peruntukan yang telah pun melibatkan kenaikan 12% daripada sebelumnya tahun 1999. Pada tahun 1998 mengikut rekod yang terkini dikemukakan oleh pihak kementerian terdapat 23,576 orang penanam tembakau yang perlu pembelaan lebih lagi daripada pihak kementerian, khususnya LTN sendiri.

Jadi dalam isu ini saya hendak membangkitkan pembelaan-pembelaan yang harus diberi perhatian oleh pihak kementerian kepada penanam-penanam tembakau sendiri kerana daripada jumlah pengawet yang berdaftar 350 buah semuanya, 352 syarikat di samping ada suatu lagi bidang yang diberi oleh pihak LTN ialah memperuntukkan program penanam pengawet iaitu sejumlah 1,312 yang bertaraf usahawan kecil golongan penanam. Daripada statistik yang disebutkan juga kita dapati sumbangan penanaman ini untuk negara mengikut nilai yang dibuat oleh pihak kementerian, daun kering yang disumbangkan ialah 148,190,000 kilogram.

Sebenarnya untuk tujuan perkara ini dibangkitkan, industri tembakau satu perkara yang kita harus lihat menghadapi cabaran. Cabaran pertama, kerana dasar penanaman tembakau itu sendiri bercanggah dengan dasar kesihatan negara kerana kita tahu kesan daripadanya menimbulkan satu kontradiksi di antara kepentingan nilai ekonomi komoditi dengan pendapatan rakyat itu sendiri di samping untuk kita melihat rakyat negara kita sihat daripada ancaman akibat daripada ketagihan rokok ataupun tembakau.

Oleh kerana itulah merujuk kepada industri tembakau ini, LTN sepatutnya bertanggungjawab untuk mengambil perhatian bagi memastikan perkara-perkara kepentingan penanam tembakau ini dibela untuk kepentingan rakyat itu sendiri, tidak kepada mengaut hasil untuk kepentingan agensi-agensi seperti LTN sahaja.

Kita ketahui bahawa penanaman tembakau meluas di Kelantan dan Terengganu. Dan sebagaimana juga kita ketahui perkara ini telah menjadi fokus dalam beberapa isu-isu politik dalam negara tetapi untuk tujuan pada sidang jawatankuasa ini, Tuan Pengerusi, saya mengambil perhatian iaitu walaupun pengeluaran tembakau adalah terbesar di Kelantan dan Terengganu tidak ada satu pun syarikat multinational rokok dibina di Kelantan atau Terengganu sebaliknya berpusat di Lembah Klang. Ini suatu keadaan yang rugi dari sudut tenaga kerja kepada rakyat dua buah negeri tersebut.

Ancaman kedua kepada dasar penanaman di bawah LTN ini, tembakau ini ialah persoalan musim itu sendiri yang perlu diberi perhatian. Musim hujan yang menjadi ancaman kepada penanam tembakau ini kita dapati telah membawa satu kesan yang berat dari sudut ekonominya kerana pengawet-pengawet dan juga penanam-penanam yang telah pun diarah oleh pihak LTN untuk mengeluarkan penanaman pada musim tempoh hujan berlaku iaitu di antara Januari hingga Mac ataupun April sedangkan dalam tempoh itu kita dapati suatu langkah yang lebih spesifik pihak LTN untuk menangani kemungkinan-kemungkinan banjir ataupun tanaman ditenggalami air itu tidak dibuat secara lebih kemas kini oleh pihak LTN. Oleh kerana itulah pengalaman penanam ini sepuluh tahun kebelakangan ini didapati setiap tahun penanam dan juga pengawet mengalami kerugian dan ini sendiri telah diakui oleh pihak persatuan pengawet-pengawet tembakau ini sendiri.

Oleh yang demikian menerusi budget atau belanjawan yang dikemukakan, pihak perancang korporat LTN seharusnya mengambil satu langkah rancangan jangka panjang bagi mengambil kira ancaman dan cabaran yang dilalui ini supaya tanaman tembakau itu sendiri boleh memberi suatu keselamatan dari sudut ancaman banjir dan seumpamanya. Oleh sebab itu, dicadangkan supaya jadual penanaman ataupun pihak LTN seharusnya mengambil perhatian jadual penanaman tembakau boleh diubah dan tidak ada satu masalah di sini bagi pandangan pihak saya ialah kerana pengalaman semasa sebelum ini, sebelum LTN mengambil tanggungjawab sepenuhnya, penanamannya boleh dibuat di luar daripada musim hujan iaitu boleh diubah daripada Januari kepada bulan Mei ataupun bulan Jun yang pada masa itu kita dapati ancaman kerana hujan lebat ataupun banjir tidak mungkin ataupun dengan kuasa, dengan izin Allah s.w.t adatnya tidak berlaku. Oleh kerana itu kerugian beribu-ribu ringgit atau malah berjuta ringgit dapat dihalangi daripada berlaku.

Tuan Pengerusi, pihak LTN sepatutnya juga mengambil beberapa langkah lain yang lebih praktikal, suatu cadangan baru yang dikemukakan oleh pihak LTN ialah mengemukakan penanaman dalam bulan Januari sebanyak 70% peruntukan kuota yang diberi dan 30% lagi diselesaikan pada bulan April. Sebenarnya kenyataan LTN itu sebagaimana diumumkan oleh pihak Pengarah LTN sendiri kita dapati kurang praktikal kerana walaupun 70% kuota itu ditanam pada bulan Januari ancaman tetap berlaku iaitu kebanjiran tetap berlaku dan risiko kerugian tetap berlaku. Demikian

juga langkah-langkah yang telah dibuat sebagaimana diumumkan iaitu dengan kerjasama pihak JPS mempertingkatkan lagi saluran-saliran ataupun saluran untuk pengairan hujan kerana hujan lebat ini sebagaimana telah diperuntukkan oleh pihak JPS sendiri sebanyak RM16 juta bagi tujuan tersebut dan sebagaimana juga yang telah pun diumumkan oleh pihak LTN untuk tempoh tahun ini telah dihabiskan RM450,000 bagi mengairkan air-air yang kebanjiran tadi dari kawasan penanaman. Sebenarnya tidak menyelesaikan masalah kerana pada bulan lepasnya hujan tiga hari sahaja telah cukup untuk menghapuskan semua tanaman dan merugikan petani dan pengawet. Kesan daripada itulah saya mempertegaskan sekali lagi pihak LTN seharusnya kembali kepada suatu penjadualan penanaman semula yang lebih praktikal iaitu memulakan penanaman dengan kuota sepenuhnya 100% pada bulan Mei ataupun Jun.

Tuan Pengerusi, adalah sesuai benarlah bagi kita melihat keadaan ini dan satu perkara yang perlu diambil perhatian yang serius lagi oleh pihak LTN ialah kesan daripada kebanjiran kerana hujan lebat tadi menimbulkan kerosakan dan kerugian. Penanam terpaksa menanggung beberapa kos pengurusan penanaman itu yang melibatkan beribu-ribu ringgit bagi seorang penanam dan pengawet tidak kurang pula beratus ribu ringgit yang semua itu adalah memberi satu kesan yang tidak baik. Pihak pengawet sendiri terpaksa berhutang dengan pihak bank untuk memulakan usaha bagi tempoh penanaman bagi satu tahun tetapi LTN nampaknya begitu berlengah-lengah dalam menyelesaikan masalah ini.

Contohnya, dalam tempoh tahun lepas 1999 penanaman tembakau telah mengalami kebanjiran sekali lagi dan rugi dalam bulan Februari, Mac dan April yang kerugian itu lambat sekali diambil tindakan untuk mengeluarkan suatu peruntukan bantuan bencana alam kepada pihak penanam dan dilengah-lengahkan sehinggalah satu tempoh pembubaran Parlimen diumumkan barulah usaha itu dibuat kerana tekanan politik. Ini suatu perkara yang kita nampak keseriusan dan mungkin dalam peruntukan belanjawan yang diadakan tidak ada satu dana khas bagi LTN bagi menyumbangkan bantuan bencana tadi kepada penanam-penanam.

Demikian juga langkah peranan korporat LTN sepatutnya mengambil kira suara-suara yang disebut oleh pihak pengawet itu sendiri kerana pihak pengawet terpaksa menanggung beban hutang yang begitu banyak daripada bank setiap tahun kerana kuota yang diperuntukkan tidak dipenuhi, maka hasil untuk membayar balik

hutang-hutang bank tadi tidak berlaku. Oleh kerana itu kita nampak rungutan daripada pihak persatuan pengawet tembakau ini sekiranya tiada suatu langkah segera dan berkesan dari sudut perancangan korporatnya kita yakin pengawet-pengawet yang terdiri daripada sebahagian besarnya adalah bumiputera akan menghadapi suatu jalan lingkup dan usaha untuk mempertingkatkan komoditi yang pada LTN masih menguntungkan ini tidak berjaya.

Tuan Pengerusi, dalam pada itu LTN juga dalam tempoh masa depan sepatutnya mengambil beberapa rancangan yang lebih praktikal lagi dan saya suka mempersoalkan kepada pihak LTN, adakah dalam keadaan dasar komoditi tembakau ini diamalkan yang kita lihat ada unsur percanggahan di antara dasar kesihatan negara itu sendiri. Adakah usaha ini untuk diteruskan dalam tempoh tahun-tahun ke depan khususnya menjelang 2020 yang dibanggakan oleh Kerajaan Barisan Nasional itu. Mungkin kementerian boleh memikirkan suatu masa tertentu Lembaga Tembakau Negara mengambil suatu langkah bagi meneroka suatu tanaman komoditi ataupun usaha komoditi lain yang bersifat alternatif bagi memastikan kegiatan LTN atau pun kementerian ini bagi mewujudkan suatu usaha komoditi yang berkonsepkan mesra alam, mesra kesihatan rakyat, bagi memastikan lagi supaya kita terjamin dari sudut masa depannya dan tidaklah terancam dengan kerugian-kerugian sebagaimana yang disebutkan.

Mungkin LTN boleh berfikir untuk melihat dalam tempoh akan datang LTN tidak lagi dikenali sebagai Lembaga Tembakau Negara mungkin boleh dijadikan sebagai Lembaga Ternak Negara sebagai menyokong kepada usaha pihak kementerian sendiri untuk memajukan Dasar Pertanian Negara Ketiga kerana di bawah Dasar Pertanian Negara itu sendiri kita lihat usaha-usaha positif untuk menghasilkan bekalan makanan kepada rakyat yang mencukupi malah untuk menjurus kepada usaha pertanian secara komersial secara meluas maka kita yakin LTN boleh dijadikan suatu platform ke arah itu.

Oleh kerana itulah, bagi memastikan LTN ini menyahut cabaran supaya menerokai bidang komoditi yang bertaraf dunia seharusnya menerusi peluang-peluang dan perancangan-perancangan yang ada ini boleh pihak LTN merancang dengan lebih berkesan lagi berhubung dengan masa depan komoditi negara yang harus disumbangkan oleh LTN itu sendiri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Akhirnya sekali saya hendak mengulung, usaha ini dalam tempoh ini iaitu Lembaga Tembakau Negara mestilah bertindak lebih tegas dalam usaha untuk pertama, tempoh sementara yang ada memajukan tembakau dan membela petani-petani itu sendiri yang sebahagian besarnya berada di Kelantan dan Terengganu lebih daripada 20,000. Perkara ini perlu dibela dan LTN seharusnya mengambil langkah yang lebih prihatin. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuaran.

Tuan Pengerusi: Saya tidak nampak.

4.03 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 04500 iaitu untuk menyelenggara, mengurus dan mempromosi Penggunaan Kayu dan Produk Yang Bukan Berasaskan Kayu di Sarawak dan Butiran 05600 hingga 06100 iaitu pembangunan Perhutanan Sabah dalam B.18, Kementerian Perusahaan Utama.

Langkah kerajaan untuk melaksanakan program mempromosikan penggunaan produk bukan kayu di Sarawak amatlah dialu-alukan. Dalam kesempatan ini saya mohon agar pihak kementerian juga akan melaksanakan program seperti ini bagi negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu mulai tahun hadapan. Sebenarnya soal mempromosikan produk yang bukan kayu atau dengan izin, 'non timber forest product' adalah satu langkah yang sudah sekian lama ditunggu-tunggu oleh para pencinta alam dan juga masyarakat rimbaan ataupun 'foresters' dengan izin, 'it is a long over due program' dengan izin. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke atas beberapa kejayaan di Sarawak dalam soal ini seperti penyelidikan penggunaan pokok 'bintangor' dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, sumbangan sektor perhutanan pada Keluaran Negara Kasar sudah jauh menurun. Malah bagi negeri Sabah di mana pada satu ketika dahulu sektor perhutanan di Sabah adalah penyumbang utama kepada hasil pendapatan negeri dan sekali gus menjadi 'mainstay of the Sabah economy', dengan izin, pada hari ini sumbangan hasil hutan pada hasil pungutan negeri Sabah sudah jauh menjunam iaitu daripada lebih kurang RM500 juta kepada hanya lebih kurang RM200 juta setahun

pada masa ini dan di masa-masa akan datang pendapatan hasil daripada perhutanan negeri Sabah dijangka akan terus menurun.

Sebab itulah barangkali antara lain kerajaan negeri Sabah telah memperkenalkan sales tax terhadap pengeluaran kelapa sawit yang dipersoalkan oleh saudara saya bagi Rompin tadi. Sales tax untuk kelapa sawit bagi negeri Sabah ini adalah penting untuk menampung penurunan hasil pendapatan kerajaan negeri Sabah. Barangkali kalau Kerajaan Persekutuan menimbangkan untuk menghapuskan sales tax untuk keluaran atau 'manufacturing product' daripada Sabah barangkali negeri Sabah boleh mempertimbangkan soal sales tax terhadap pengeluaran kelapa sawit. Jadi, kalau tidak ada sell tax untuk keluaran pembuatan di Sabah dan dengan sebab itu kita dapat menggalakkan pelabur-pelabur untuk memulakan perkilangan di negeri Sabah khususnya, barangkali dalam suatu masa yang akan datang persoalan Rompin tadi boleh dipertimbangkan.

Sebab itu Tuan Pengerusi, penggunaan hutan atau forest utilization, dengan izin, secara menyeluruh perlu dipertingkatkan. Setakat ini saya difahamkan kadar penggunaan daripada satu pokok adalah hanya lebih kurang 50% sebab hanya sebahagian daripada kayu balak yang digunakan. Malah ka dar recovery, dengan izin, daripada setiap kayu-kayu bergergaji juga masih boleh dipertingkatkan. Kita juga perlu pertingkatkan pengeluaran hasil hutan dalam bentuk fiber seperti kertas dan pulpa.

Dalam hal ini Tuan Pengerusi, kerajaan perlu mempertingkatkan penggunaan hasil-hasil hutan secara menyeluruh. Dengan lain perkataan produk bukan kayu atau 'non timber forest product', dengan izin, amat perlu dipertimbangkan. Penggunaan hasil hutan yang bukan kayu seperti air, ubat-ubatan, eko-pelancongan atau eco-tourism, buah-buahan hutan seperti Engkabang, Semangkuk dan sebagainya perlu dipertingkatkan bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di Sabah dan di Semenanjung. Kalau harga air mineral atau mineral water adalah jauh lebih mahal daripada harga petrol seunit, saya tidak nampak kenapa air termasuklah ground water, dengan izin, yang terdapat di hutan-hutan simpan tidak boleh diusahakan untuk dibetulkan dan dipasarkan.

Bioteknologi adalah di antara industri yang akan menjadi satu industri terpenting ekonomi baru atau new economy. Kita merasa kagum misalnya di

California, USA menjadi begitu kaya bukan hanya kerana industri teknologi maklumat tetapi juga industri bioteknologi, sedangkan sebahagian besar daripada negeri tersebut adalah tanah gurun. Bagi negara kita Malaysia potensi bioteknologi termasuklah dalam soal ubat-ubatan yang dibangunkan daripada produk hutan kita adalah amat cerah dan berpotensi. Sebab itu kita minta kerajaan supaya menumpukan perhatian yang serius dalam soal ini. Tetapi dalam membangunkan produk ini jangan pula lupa terhadap intellectual property right, dengan izin, anak-anak negeri atau indigenous people di Sabah dan Sarawak yang ternyata lebih dekat dengan sumber-sumber hutan seperti yang dibangkitkan oleh saudara saya bagi Mambong tempoh hari.

Satu perkara lagi yang saya ingin sentuh dalam butiran ini Tuan Pengerusi, ialah soal kajian yang perlu dijalankan ke atas fast growing tree species., Yang Berhormat bagi Setiu tadi juga mempersoalkan tentang species tanaman kayu seperti accacia Mangium. Accacia Mangium, sentang, jati dan sebagainya adalah di antara tumbuh-tumbuhan yang mempunyai tumbesaran yang cepat dan kita perlu menjalankan kajian yang lebih perbanyakkan lagi kajian. Dalam soal ini Tuan Pengerusi, adalah amat penting bagi Malaysia untuk mempelajari apa yang telah berlaku di negara Jepun di mana lebih kurang 500 tahun dahulu negara Jepun telah mengimport dua jenis pine, iaitu red pine dan black pine atau karamatsu dan akamatsu dengan begitu luas sehingga negara Jepun telah menjadi negara yang mempunyai ladang hutan yang terbesar di dunia.

Beberapa tahun yang lalu, ladang-ladang hutan Jepun ini telah dilanda satu penyakit ataupun yang dipanggil *forest blight*. Ini telah berlaku oleh kerana *in breeding* sebab benih yang telah diambil daripada luar negara Jepun hanya daripada satu baka atau *from the same mother tree*, dengan izin. Sebab itu bagi negara kita Malaysia, kita perlu memperbanyakkan *bank provenances* ataupun kita buat *provenance trial* yang lebih banyak terutama sekali bagi spesis-spesis yang kian mendapat sambutan seperti pokok sentang. Sebenarnya pokok sentang ini ada juga yang bersifat *indigenous* di beberapa negeri kita di Malaysia. Di Sabah, misalnya kita mempunyai pokok yang sama tetapi tidak dipanggil sentang, kita panggil dia ronggo. Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil perhatian kementerian terhadap masalah kebakaran hutan. Beberapa tahun yang lalu seluruh negara terutama sekali di Sabah

dan Sarawak, kita telah mengalami kerugian yang begitu besar akibat kebakaran hutan selain mengakibatkan masalah jerebu. Untuk ini sekali lagi kita harus belajar daripada negara-negara maju seperti Jepun.

Saya pernah berkursus di Jepun dalam soal ini dan saya merasa begitu kagum dengan cara-cara pihak berkuasa Jepun dalam soal pengurusan *forest fire*, dengan izin. Di Jepun, pihak berkuasa telah mengadakan satu jaringan organisasi iaitu di antara Jabatan Hutan, pihak bomba, pihak tentera, pihak polis, pihak kerajaan tempatan, pihak NGO serta orang-orang tempatan untuk menangani masalah *forest fire*. Dan jaringan organisasi ini adalah satu jaringan yang bersifat berterusan (permanent) dengan urusetia yang berterusan. Urusetia ini memastikan agar pihak berkuasa mempunyai kemudahan-kemudahan pemadam api hutan pada bila-bila.

Misalnya mereka dapat menggunakan khidmat helikopter daripada pihak tentera. Dalam soal ini, Kementerian Perusahaan Utama melalui Jabatan Hutan boleh mengendalikan urusetia tersebut dan pihak kementerian juga boleh mendapatkan sumbangan daripada pihak swasta untuk menjayakan urusetia tersebut. Bagi negara kita Malaysia, khususnya di Sabah, masyarakat kampung merasa *helpless*, dengan izin, apabila kebakaran hutan berlaku sebab yang mereka boleh hubungi setakat ini hanyalah pihak bomba dan polis. Dan biasanya pihak bomba tidak mampu, tidak berkemampuan untuk datang ke kawasan kampung dan orang-orang kampung tidak mempunyai alat-alat perhubungan untuk menghubungi pihak bomba dan polis apabila kebakaran hutan merebak.

Pihak Jabatan Hutan pula langsung tidak berkeupayaan untuk berbuat sesuatu. Orang-orang kampung telah bekerja sedaya-upaya memadam api ketika kebakaran hutan di Sabah beberapa tahun yang lalu, tetapi apabila api itu sudah begitu besar, tenaga manusia sahaja tidak mampu untuk memadam api. Ada beberapa kejadian di kawasan saya di Tuaran, khususnya di kawasan Kiulu semasa kebakaran hutan berlaku di mana pondok telah terjerat di ladang-ladang padi bukit....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ok. Mujurlah peladang padi bukti tidak terbakar.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya mohon mencadang kepada Kementerian Perusahaan utama melalui Butiran ini supaya memberi sokongan, bantuan dan apa

juga bentuk daripada Jabatan Hutan di negeri Sabah untuk memastikan kejayaan *sustainable forest management* seperti mana yang disentuh oleh saudara saya daripada Mambong tadi. Sebenarnya dasar yang diperkenalkan di Sabah iaitu Forest Management Unit (FMU) adalah satu langkah proaktif untuk memastikan Sabah akan dapat memenuhi kehendak-kehendak perundangan antarabangsa dalam soal pengurusan hutan.

Saya menaruh kepercayaan bahawa Kementerian Perusahaan Utama dapat memberi bantuan kepada Kerajaan Negeri Sabah dalam soal melaksanakan dasar FMU ini untuk mencapai kejayaan dan dasar ini juga akan dapat memastikan segala sumber hutan di negeri Sabah dapat diurus secara mampan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kepong. Lepas itu menteri menjawab ya.

4.06 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, halaman 152 mengenai Butiran 070000 - Lembaga Getah Malaysia dan juga mengenai kelapa sawit dan termasuk perhutanan. Tuan Pengerusi, tiga perkara.

Yang pertamanya, Tuan Pengerusi, pada ketika ini saya ada terima aduan daripada penanam-penanam getah terutamanya daripada getah *small holders*, pekebun kecil getah yang buat aduan mengenai tanaman semula dan juga harga walaupun *scrap rubber* itu sudah pun meningkat ke RM1.05 satu kilogram tetapi harga ini memang tidak dapat mengekalkan tanaman getah di negara ini sehingga pada satu ketika kita keluarkan setiap tahun 1.68 juta tan tetapi sekarang hanya 800,000 tan sahaja dan tiap-tiap tahun kita import sehingga 450,000 tan getah. Ini bermakna negara kita memang mengalami satu kemerosotan dari segi getah.

Walaupun saya setuju bahawa penyelidikan terhadap getah kita memang baik dan mutunya nampak ada turun sedikit sekarang, mungkin kerana tanaman getah itu berkurangan. Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sama ada menteri sudah pun menubuhkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada kementeriannya dan juga Kementerian Luar Bandar dan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi serta Kementerian Pertanian untuk membolehkan rangsangan ke atas getah. Memang kita perlukan kerana daripada 400,000 pekebun kecil getah, kita keluarkan jumlah sehingga 85% getah yang dikeluarkan di negara ini iaitu 800,000 tan ini – 85% daripada pekebun kecil.

Ini bermakna jawatankuasa yang tersebut mesti menumpu perhatian yang penuh kepada pekebun-pekebun kecil dan daripada sekarang kita nampak perhatian ini tidak cukup sebab Tuan Pengerusi, sebelum pilihan raya tahun lepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudahpun mengumumkan RM325 juta untuk memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil tetapi saya nampak tidak ramailah yang menerima bantuan ini.

Inilah saya berharap kementerian menjawab saya, mengapa kita tidak dapat memberi bantuan kepada pihak pekebun-pekebun kecil sehingga kita pun ada buat syak wasangka bahawa ini hanya untuk memancing undi sahaja. Dan sekarang pilihan raya pun sudah selesai, maka kita berharaplah peruntukan ini dapat digunakan dengan baik, dengan berkesan ke atas pekebun-pekebun kecil kita yang sedang mengalami kesusahan. Saya berharaplah Yang Berhormat dapat menjawab, apakah terjadi dengan RM325 juta sekarang ini?

Tuan Pengerusi, ada rancangan untuk menggalakkan para pekebun kecil untuk menanam sayur-sayuran dan tanaman-tanaman yang lain, apa yang disebutkan sebagai dasar mempelbagaikan tanaman bagi pekebun-pekebun kecil dan apakah terjadi dengan dasar mempelbagaikan tanaman bagi pekebun-pekebun kecil sekarang. Ini memang, walaupun kita tidak ada masa, saya berharap Yang Berhormat dapat memberi jawapan yang tepat kepada pihak kami.

Mengenai kelapa sawit, Tuan Pengerusi, saya nampak harga kelapa sawit ada kurang sedikit tetapi walau bagaimanapun, tabung bagi kelapa sawit sekarang meningkat lebih daripada RM400 juta. Ini bermakna pihak kementerian mempunyai tabung untuk memberi rangsangan kepada bidang kelapa sawit juga walaupun harganya tidak begitu tinggi.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya seringkali ada baca mengenai berita-berita penggunaan hampas ataupun pelepah ataupun daun kelapa sawit untuk misalnya, ada dua tahun yang lepas ada pengumuman bahawa pihak kementerian ada mendapati bahawa pelepah ataupun hampas boleh digunakan untuk makanan ternakan. Itu memang berita yang baik tetapi saya nampak susulan itu tidak nampak sangat, iaitu sama ada berita yang baik ini dapat dilaksanakan, dapat digunakan dengan baik, belum tahu lagi. Ini termasuk pada suatu ketika ada pengumuman bahawa kelapa

sawit boleh digunakan untuk membuat petroleum pula dan ini memang khabar baik tetapi daripada peringkat pelaksanaannya sangat kurang.

Tuan Pengerusi, biasanya tebu airnya ‘dimakan’, hampasnya dibuang tetapi dengan kelapa sawit kita nampak bukan begitu. Hampasnya boleh digunakan dengan baik. Misalnya, Tuan Pengerusi, daripada 200 buah kilang kelapa sawit di negara ini tiap-tiap jam 200 buah kilang ini boleh keluarkan lebih 8,000 tan hampas sejam dan daripada setiap harinya hampir 216,000 tan hampasnya dan hampas ini boleh digunakan untuk mempelbagaikan penggunaan dan saya pun seronok kerana ini boleh digunakan untuk plastik, untuk industri, untuk perabot dan sebagainya.

Pihak Proton pun nampaknya ada berminat juga pada peringkat inilah dan kalau tidak silap saya ada satu syarikat Sabutek (M) Sdn. Bhd. di Teluk Intan yang telah pun menunjukkan minat untuk menggunakan hampas bagi mempelbagaikan penggunaan kelapa sawit kita sekarang ini. Tetapi saya menyeru supaya pihak kementerian dapat menerangkan kepada kita setakat manakah mempelbagaikan penggunaan hampas dan juga kelapa sawit kita untuk masa hadapan.

Ini akhir sekali, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak perkara lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup dah?

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak sentuh mengenai INRO kerana kita ‘tubik’ daripada INRO sudah sekarang.....

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw:dan juga mengenai hutan sekaranglah.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Hutan sekarang ada satu Yang Berhormat tadi ada menyebutkan mengenai kemampuan kita untuk menyelesaikan kebakaran hutan kita. Bukan sahaja kita memberi bantuan kepada pihak Indonesia, bahkan juga kepada negara kita sendiri kerana Tuan Pengerusi, kalau kita nampak di Kuala Lumpur sekarang ini,

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw:walaupun pihak kerajaan kata tidak ada jerebulah sekarang ini tetapi nampak-nampaknya ada jerebu juga sekarang dan jerebu berpunca bukan sahaja daripada 'pihak' kebakaran hutan di Indonesia, bahkan juga kebakaran di negara kita sendiri dan adakah pihak kementerian mampu untuk mengatasi kebakaran-kebakaran yang berlaku dengan hutan di negara kita ini.

Tuan Moktar bin Radin: Itu jerebu di Kepong sahaja, lain tempat tidak ada.

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat,

Dr. Tan Seng Giaw: Berada di luar dari Dewan Rakyat pun ada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat itu out of order, Yang Berhormat. Bukan begitu cara kita bermesyuarat macam itu, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya pun hendak bagi dia nasihat sedikit. Bila keluar saya bagi nasihat macam mana kita dapat berlagak dengan betul.

Tuan Pengerusi: Saya rasa cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah cukup, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab ya.

4.37 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Utama.

Satu daripadanya ialah daripada Yang Berhormat bagi Mambong. Di antara soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Mambong ialah:

- (i) sistem pembalakan menggunakan kaedah Malayan Uniform System tidak lagi sesuai untuk memastikan sumber hutan diurus secara berkekalan atau mapan;
- (ii) membangkitkan dan menyarankan agar negara menerima pakai ITTO Guidelines dengan izin, dan ITTO Criteria and Indicators dalam mengurus sumber hutan negara agar ianya dapat terus dikekalkan;
- (iii) sejauh manakah ITTO Criteria and Indicators telah diterima pakai di negara ini dan sejauh mana pengurusan hutan secara

mapan dapat dicapai, dan soalan agak banyak daripada Mambong ini;

- (iv) kekhuatiran Yang Berhormat bahawa produk-produk kayu tidak dapat dieksport sekiranya sumber hutan tidak dapat diurus secara mapan;
- (v) langkah-langkah untuk mengadakan Skim Pensijilan Kayu-Kayan Negara; dan
- (vi) sejauh manakah peranan National Timbers Certification Council (NTCC) dalam menjayakan Skim Pensijilan Kayu ini.

Tuan Pengerusi, Kementerian Perusahaan Utama dari masa ke semasa berusaha untuk memperbaiki Sistem Pengusahahasilan Sumber Hutan Negara agar hutan dapat memenuhi pelbagai fungsinya, termasuk memelihara alam sekitar, perlindungan kepelbagai hayat dan sebagainya. Ini termasuk menerima pakai ITTO Guide lines dan ITTO Criteria and Indicators di mana satu set kriteria dan indikator dikenali sebagai Malaysian Criteria and Indicators telah digubal untuk diamalkan di negara ini dengan pengurusan hutan secara mapan dapat dicapai.

MCNI ini sebenarnya melibatkan amalan-amalan yang dilaksanakan di bawah Malayan Uniform System tetapi ianya telah diperbaiki untuk mencapai Sustainable Forest Management (SFM), dengan izin.

Malaysia memanglah komited untuk mencapai pengurusan hutan secara berkekalan menjelang tahun 2000 selaras dengan objektif International Tropical Timber Organization, dengan izin. Dengan itu, sebahagian daripada peruntukan wang levi eksport kayu-kayan diagih-agihkan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti mengikut kriteria dan petunjuk pengurusan hutan secara berkekalan di peringkat Persekutuan dan negeri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muha mad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Bagi maksud ini, sejumlah RM390 juta kutipan levi eksport kayu-kayan telah diperuntukkan untuk tempoh lima tahun iaitu daripada 1998 hingga 2002. Pengagihan peruntukan wang levi eksport kayu-kayan kepada kerajaan-kerajaan negeri adalah berdasarkan prinsip nisbah 5:1 iaitu bagi setiap RM6 yang dibelanjakan oleh kerajaan negeri dalam tempoh RMK-7, RM1 akan disumbangkan secara

reimbursement oleh Kerajaan Persekutuan. Bagi maksud ini sebuah Jawatankuasa Nasional Pengurusan Hutan secara berkekalan telah pun ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama.

Program ladang hutan adalah satu usaha penting kerajaan untuk menjamin pengeluaran berkekalan kayu-kayan pada masa hadapan, di samping mengurangkan tekanan bekalan dari kawasan-kawasan hutan asli. Sehingga kini, luas ladang yang dibangunkan oleh jabatan-jabatan perhutanan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak berjumlah 231,676 hektar. Daripada jumlah tersebut keluasan ladang hutan di Semenanjung ialah 73,746 hektar, Sabah ialah 145,033 hektar dan Sarawak 12,897 hektar yang ditanam dengan spesis cepat tumbuh terdiri daripada akasia, yamane, pine, jati, sentang dan getah.

Bagi meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam aktiviti ini, Kerajaan Persekutuan telah pun memperkenalkan dua bentuk insentif iaitu, yang pertama, status perintis. Status perintis ini diberikan sehingga sepuluh tahun bagi syarikat-syarikat yang terlibat dalam perladangan hutan berbanding hanya lima tahun bagi sektor-sektor lain dalam tempoh berkenaan. Dalam tempoh berkenaan 100% hasil pendapatan yang diperolehi dikecualikan dari cukai berbanding dengan 70% untuk sektor lain.

Kedua, pelepasan cukai pelaburan. Perbelanjaan yang dibuat dalam tempoh lima tahun berikutan penubuhan dan pengurusan ladang hutan adalah layak ditolak 100% daripada cukai. Pelepasan cukai ini hanya 60% sahaja bagi sektor-sektor yang lain. Walau bagaimanapun, galakan-galakan tersebut masih belum mencukupi untuk menarik penyertaan swasta di dalam aktiviti ini. Beberapa bentuk insentif sama ada di peringkat Persekutuan ataupun negeri telah pun dicadangkan sebagai kertas pertimbangan di dalam persidangan Majlis Perhutanan Negara yang akan datang.

Untuk jawapan yang seterusnya, pelaksanaan Malaysian Criteria And Indicator (MCNI) ini masih di peringkat awal, tetapi kesan positifnya ke atas pemulihan alam sekitar adalah ketara. Pelaksanaannya akan diperluaskan ke seluruh negara.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, Rompin berdiri.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri dengan jawapan yang sungguh baik tadi bagi pihak kerajaan.

Saya hendak bertanya sedikit Datuk, dari segi pengusaha ataupun produk-produk daripada hutan ini yang mana kita cuba mengeksportkan ke negara Barat tetapi Barat cuba menghalangnya bukan sahaja dari segi tarifnya tetapi dewasa ini juga dengan menggunakan satu standard ISO yang mana kalau tidak disahkan bahawa bahan hutan itu daripada satu kawasan yang sustainable, dengan izin, perhutanan tidak dibenarkan barang-barang perabot ini untuk diimport di negara mereka. Bagaimana pandangan kerajaan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri usaha-usaha Barat ini yang cuba menghalang kita, apakah pandangan kerajaan tentang perkara ini. Saya minta pandangan Yang Berhormat sedikit.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat dari Rompin. Memanglah pada suatu ketika dahulu saya sendiri telah pun mengadakan perbincangan dengan Minister of Forestry dari Australia yang mengajak kita supaya satu standard diadakan dan dikekalkan dan apa yang saya bangkitkan pada mesyuarat itu bahawa saya agak terkilang kerana Australia ialah sebuah negara yang mempunyai temperate timber dan kita adalah tropical timber. Maka saya katakan bahawa adalah tidak wajar atau tidaklah patut bagi Australia untuk mengajar kita cara macam mana standard yang harus dikemukakan. Oleh itu, saya perjelaskan juga dengan Minister for Forestry Australia bahawa ada di antara kaunsel-kaunsel di Australia yang tidak menerima kayu-kayuan kita oleh kerana mereka berpendapat ianya tidak didapati daripada sustainable forest area yang telah pun dikatakan.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, bahawa kita sedang berusaha agar National Timber Certification Council dapat melaksanakan tanggungjawabnya supaya semua produk-produk kita dapat diterima diperingkat antarabangsa. Kita juga sedang bergiat dan berbincang dengan Forest Stewardship Council dan juga kita telah pun mengadakan satu pilot study dengan Netherlands supaya standard kita ataupun produk-produk kita dapat diterima diperingkat antarabangsa.

Beralih kepada yang saya katakan tadi, itulah Yang Berhormat bahawa usaha untuk menjayakan skim persijilan kayu sedang giat dijalankan dan National Timber Certification Council sedang mengadakan perbincangan dengan pihak tertentu

termasuk yang saya katakan Forest Stewardship Council tadi bagi memastikan skim ini dapat diterima oleh masyarakat dunia.

Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan juga telah pun membangkitkan masalah kejatuhan harga minyak sawit dan keluasan yang semakin meningkat di Indonesia dan akan sedikit sebanyak menjejaskan kedudukan Malaysia dalam pengeluaran kelapa sawit dan bagaimanakah peningkatan daya saing pekebun kecil kelapa sawit.

Tuan Pengerusi, kementerian memang sedar bahawa terdapat penurunan harga minyak sawit daripada purata RM2,000 setahun pada awal tahun lepas kepada kira-kira RM1,050 pada tahun ini. Kemerosotan harga ini adalah kerana pengeluaran minyak sawit negara meningkat daripada 8.3 juta tan pada tahun 1998 kepada 10.5 juta tan pada tahun 1999 iaitu peningkatan sebanyak 26.5% atau 2.2 juta tan dan dianggarkan juga bahawa pengeluaran pada tahun 2000 ini akan meningkat lagi daripada tahun 1999.

Pada tahun 1999, pengeluaran minyak sawit dan minyak sayuran dunia telah bertambah kepada 108.3 juta tan berbanding 102.5 juta tan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini juga telah menyebabkan berlakunya persaingan harga antara minyak sawit dan minyak sayuran di pasaran dunia.

Tentang kebimbangan kita di mana ada juga syarikat-syarikat Malaysia yang telah pun melabur dan membangunkan sektor perladangan kelapa sawit di Indonesia, memang kita akui di Indonesia akan meningkat pengeluaran minyak sawit dan akan mengatasi negara kita pada suatu masa nanti. Namun begitu, sebahagian besar daripada pengeluaran tersebut akan digunakan bagi menampung keperluan tempatan memandangkan bilangan penduduk negara tersebut yang begitu tinggi dan besar.

Dari segi pengeksportannya pula, Malaysia akan terus menjadi pengeluar utama bagi minyak kelapa sawit dan bagi meningkatkan daya saing pekebun kecil, kementerian saya menggalakkan pekebun-pekebun kecil yang mempunyai saiz ladang yang tidak ekonomik menyatukan tanah-tanah mereka kepada saiz ladang bagi menjimatkan kos pengurusan. Di samping itu, Institut Penyelidikan Minyak Sawit (PORIM) bersedia memberikan khidmat nasihat kepada pekebun kecil dan segi amalan agronomi penggunaan bahan tanaman terbaik dan penggunaan baja yang efisien supaya pekebun kecil ini dapat meningkatkan produktiviti mereka.

Satu skim pinjaman mudah juga telah dicadangkan oleh kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil menanam semula pokok kelapa sawit yang telah tua. Untuk makluman, kementerian saya sentiasa bekerjasama dengan persatuan pekebun-pekebun kecil dan berbincang bagi meningkatkan taraf hidup golongan mereka.

Kementerian ini juga telah pun mencadangkan satu skim pinjaman mudah ataupun softloan bagi penanaman semula kelapa sawit pekebun kecil. Bagi industri kelapa sawit, sektor estet swasta, Felda dan Felcra serta skim kerajaan yang lain merangkumi lebih daripada 90% daripada keseluruhan kawasan kelapa sawit yang ada telah mempunyai tabung masing-masing bagi melaksanakan program tanaman semula kelapa sawit.

Buat masa ini hanya pekebun-pekebun kecil individu sahaja yang tidak mempunyai skim pembiayaan yang dirancang khusus bagi penanaman semula. Jadi, oleh itu yang saya katakan tadi bahawa satu cadangan skim pinjaman mudah atau softloan bagi penanaman semula kelapa sawit pekebun kecil iaitu satu kertas kerja Kabinet sedang disediakan oleh kementerian ini berhubung pewujudan satu skim pinjaman mudah bagi membiayai penanaman semula kelapa sawit pekebun kecil.

Hasil dari satu mesyuarat yang telah diadakan dengan agensi-agensi Kerajaan Pusat termasuk EPU, Kementerian Kewangan, Bank Negara serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar mencadangkan untuk mewujudkan skim pinjaman mudah bagi membiayai penanaman semula kelapa sawit bagi pekebun-pekebun kecil individu ini telah mendapat sokongan.

Antara kaedah yang sedang dipertimbangkan ialah penubuhan tabung baru bagi maksud ini ataupun menggunakan peruntukan daripada Tabung 3F (Fund For Food). Kini Tabung 3F tidak termasuk kelapa sawit. Kementerian juga akan mencadangkan supaya kelapa sawit dimasukkan dalam senarai tanaman yang layak menerima peruntukan 3F. Syarat-syarat pinjaman perlu diubahsuai dan dilonggarkan supaya bersesuaian dengan keperluan tanaman sawit yang mempunyai tempoh masa atau tempoh matang selama empat tahun berbanding dengan tanaman makanan yang lain. Kementerian ini kini sedang memperkemaskinikan kertas berkenaan sebelum ianya dikemukakan kepada Jemaah Menteri dan MTEN untuk kelulusan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Setiu telah pun membangkitkan tentang pembebasan mineral tidak dibuat dahulu sebelum projek pembangunan dijalankan, akibatnya mineral yang terkandung menjadi membazir. Lazimnya pihak Jabatan Penyiasatan Kaji Bumi dan Jabatan Galian menerima notis yang singkat daripada kerajaan negeri, oleh itu tidak sempat menjalankan kajian terperinci bagi maksud pembebasan mineral tersebut. Isu-isu yang berkaitan dengan sektor mineral untuk makluman Yang Berhormat ialah penerimaan negeri-negeri terhadap Enakmen Mineral Negeri. Kesemua kerajaan negeri kecuali Sabah masih dalam proses untuk menerima pakai Enakmen Mineral Negeri bagi membolehkan Dasar Mineral Negara dilaksanakan sepenuhnya, adalah penting enakmen ini diterima pakai oleh negeri-negeri.

Satu lagi perundangan yang berkaitan iaitu Akta Pembangunan Mineral 1984 yang telah diluluskan oleh Parlimen dan berkuat kuasa pada 1 Ogos 1998. Namun demikian, ianya belum dapat dikuatkuasakan sehingga Enakmen Mineral Negeri diterima pakai oleh negeri-negeri. Isu-isu yang berkaitan juga adalah pelaburan yang lembap dalam aktiviti-aktiviti eksplorasi dan perlombongan kerana beberapa faktor di antaranya dasar yang tidak kompetitif, saingan guna tanah, saingan untuk pelaburan dan sebagainya.

Dasar Mineral Negara telah digubal khususnya untuk memperbaiki iklim pelaburan dalam sektor mineral dan untuk menangani masalah-masalah dalam sektor ini secara berkesan. Dengan itu sekiranya kerajaan-kerajaan negeri menerima pakai Enakmen Mineral Negeri secepat mungkin, ini akan menyumbang sedikit sebanyak terhadap memperbaiki suasana pelaburan dalam sektor mineral.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Boleh penjelasan?

Datuk Anifah Aman: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Setiu ya.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Yang Berhormat. Satu perkara yang saya ingin mendapat penjelasan ialah berhubung dengan pembebasan mineral ataupun kajian mineral clearance yang mana saya difahamkan bahawa hampir seluruh negara telah dijalankan kajian tersebut dan setakat manakah hasil kajian tersebut digunakan secara bersepadu di dalam merancang sesuatu projek pembangunan. Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Ya, kajian yang terperinci yang telah pun dijalankan dan diterima pakai oleh kerajaan-kerajaan negeri memanglah satu-satunya langkah yang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan pengeluaran sektor mineral ini. Walau bagaimanapun, apa yang saya katakan tadi bahawa selain daripada Sabah, banyak lagi negeri-negeri yang belum menerima pakai enakmen tersebut dan sekiranya negeri-negeri tersebut menerima pakai dan kajian sepenuhnya kita jalankan dan saya akan membuat pengumuman atau laporan kepada Yang Berhormat akan hasil keberkesanannya tentang pembebasan pengkajian mineral ini.

Beralih pula kepada usaha yang diambil iaitu pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Setiu juga, akan usaha yang telah diambil untuk menggalakkan penanaman akasia dan sentang bagi menyokong industri perabot. Langkah-langkah untuk menggalakan penubuhan ladang hutan, antaranya ialah pemberian status printis dan juga pelepasan cukai pelaburan, meminta kerjasama kerajaan-kerajaan negeri memberi pengecualian permohonan tanah atau sewa tanah, pengecualian bagi royalti atau stampage dan pemberian pajakan tanah sekurang-kurangnya dua pusingan tanaman.

Yang Berhormat bagi Setiau dan Kubang Kerian iaitu membangkitkan....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Setiau bangkit lagi Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Boleh saya habiskan?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia hendak habiskan.

Datuk Anifah Aman: Oleh kerana masa dah singkat. Nanti Menteri marah dengan saya kalau saya tidak habiskan pada hari ini, dia terpaksa datang pada hari esok.

Jadi, batu dimensi atau granit negara mempunyai iizab baru dan berkualiti baik tetapi kita masih mengimport batu dimensi ini. Kementerian menyedari bahawa negara mempunyai potensi untuk mengeluarkan batu dimensi. Namun begitu, tahap permintaannya masih rendah, ini kerana melibatkan faktor cita rasa para pengguna yang sememangnya berkemampuan. Kementerian akan terus berusaha untuk mempertingkatkan pengeluaran batu dimensi tempatan bagi maksud gntian eksport

dan ini akan kita usahakan supaya kita dapat membangunkan industri batu dimensi ini bagi meningkatkan lagi hasil daripada galian.

Ya, satu lagi soalan daripada Yang Berhormat bagi Setiu tadi iaitu hasil kajian Jabatan Penyiasatan Kaji Bumi tidak disebarikan secara meluas dan sering diketepikan dalam perancangan projek-projek pembangunan. Yang Berhormat, sebenarnya hasil kajian kaji bumi dalam bentuk laporan dan peta boleh dibeli di pejabat-pejabat pencetakan Kaji Bumi di Ipoh, Kuala Lumpur dan di seluruh negara. Input geologi sering kali diketepikan dalam perancangan projek kerana kurang kesedaran tentang kepentingan-kepentingannya. Lazimnya, input geologi yang dijadualkan diberikan oleh pihak-pihak yang kurang mempunyai minat untuk melaksakan. Ekoran daripada itu, kementerian bercadang menggubal akta pendaftaran ahli-ahli geologi bagi mengurus, mengawal profesional tersebut.

Yang Berhormat bagi Setiu juga membangkitkan tentang program kemerosotan pengusaha perabot bumiputera. Kementerian mempunyai program yang lengkap untuk mengatasi masalah kegagalan pengusaha perabot terutama sekali bumiputera dan khususnya pengusaha di Setiu. Ya, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan bilangan keupayaan dan kualiti pengusaha perabot bumiputera adalah seperti berikut:

Pertama, menubuhkan taman industri perabot selaras dengan Program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC), Dasar Pembangunan Negara dan Pelan Induk Perindustrian. Setakat ini, lima taman industri perabot berkonsepkan integrated telah diwujudkan dalam kerjasama kerajaan-kerajaan negeri Pahang, Terengganu, Perak, Kedah dan Selangor kecuali Taman Industri Bukit Selambu, Sungai Petani, Kedah, taman-taman industri perabot yang lain telah mula beroperasi sejak dalam tahun 1996. Daripada 56 kilang bumiputera dilancarkan.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik juga soalan yang dibangkitkan oleh Setiu bahawa beliau hendak membela usahawan bumiputera. Kalau dahulu Kerajaan Persekutuan menunjukkan kita tetap membela usahawan bumiputera dan mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Terengganu, tetapi dengan kerajaan baru ini bagaimana. Mungkin Setiu juga akan balik supaya

buat surat kepada Menteri Besar dia supaya meneruskan usahasama dengan Kerajaan Persekutuan, saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hendak tunjukkan komitmen Setiu, hanya tunjuk di sini, di Dewan ini sahaja atau tunjuk yang sebenarnya. Minta penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Memanglah kita mengharapkan bahawa Yang Berhormat bagi Setiu akan mengemukakan masalah ini kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan saya berharap bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Dewan ini bukanlah sahaja untuk melepaskan batuk di tangga dan tidak mungkin Kerajaan Pusat dapat melaksanakan tanggungjawab secara berkesan kalau kerajaan-kerajaan negeri seperti Terengganu tidak bekerjasama dengan kita dan oleh itu saya bercakap di sini dan saya mengambil kira dan mengambil kepastian bahawa Kerajaan Negeri Terengganu akan bekerjasama dengan kita untuk membantu dan menyelesaikan masalah-masalah peniaga-peniaga bumiputera dan oleh itu

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setiu berdiri, ya.

Datuk Anifah Aman: Minta maaf ya, biar saya habiskan dulu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak : Pasal soalan saya tu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar habiskan dulu.

Datuk Anifah Aman: Tidak apa, bagi peluang.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak : Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih kepada kanda saya daripada Rompin yang nampaknya prihatin kepada nasib usahawan bumiputera. Persoalan yang saya cuba timbulkan ialah kalau sebelum gawat kita mempunyai lebih kurang dalam 4% sahaja daripada jumlah bumiputera yang terlibat terutama dalam eksport market ataupun dalam pasaran terbuka atau pasaran luar negara. Isunya sekarang ialah selepas daripada kegawatan berlaku, saya difahamkan golongan bumiputera yang terlibat dalam industri perabot ini telah berkurang sehingga 2% sedangkan hasrat kita untuk capai 30%.

Apakah kementerian mempunyai i satu dasar yang jelas, saya tidak hendak jadi macam Yang Berhormat bagi Rompin – maknanya dalam Dewan ini bercakap soal membela bumiputera tetapi di luar sana kita dapati tidak ada sumbangan pun. Jadi, kita hendak supaya pihak kementerian mempunyai dasar yang tegas, mempunyai satu komitmen bahawa dalam tempoh yang terdekat ini kita capai 30%, bagaimana

caranya. Dan saya tahu di perkampungan industri perabot yang terdapat di lima tempat disebut tadi hampir semuanya gagal. Jadi kita hendak supaya Yang Berhormat yang baru ini, insya-Allah, kita mampu membuat sesuatu, kena ada *political will*, dengan izin. Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Dan, insya-Allah, langkah-langkah yang kementerian ambil dari apa yang – kementerian dan kita sedar dan saya sendiri sedar bahawa yang saya memohon daripada Yang Berhormat Menteri saya, supaya saya dapat membuat satu fokus kepada pekebun-pekebun kecil dan pengusaha-pengusaha bumiputera yang mendapat masalah dan terutama sekali daripada pengusaha perabot di Setiu di mana saya dapati salah satu daripada faktor utama kegagalan ialah oleh kerana hutang yang tidak dapat diselesaikan iaitu pinjaman dalam kegawatan ekonomi dan juga yang paling penting sekali bahawa kualiti pengeluaran perabot itu tidak dapat diterima dalam pasaran antarabangsa. Pertama

Ini adalah sebab-sebab pertama dan kedua yang menjadi punca utama kegagalan Setiu itu dan oleh itu kementerian kita telahpun mengambil beberapa langkah. Langkah tujuan utama yang saya katakan tadi penubuhan industri perabot ini di antaranya ialah menggalakkan pengkhususan produk, *to specialize*, dengan izin, dan menggalakkan perolehan bahan mentah dan peralatan bagi mengurangkan kos pengeluaran supaya perbelanjaan kos kita tidak melebihi daripada *selling price* kita, supaya kita *competitive* dengan pengusaha-pengusaha bukan bumiputera.

Dan ketiga, menggalakkan pemindahan teknologi menerusi integrasi rapat antara pengusaha perabot bumiputera atau di kalangan ini kita anggap mereka sebagai *vendor* dengan syarikat induk. Dan meningkatkan keyakinan dan kemahiran pengusaha bumiputera dalam menceburi pengeluaran dan pemasaran perabot.

Ini satu daripada cadangan yang akan saya kemukakan supaya pengusaha-pengusaha bumiputera ini dapat melihat di mana kita baru-baru ini mengadakan satu *Malaysian International Furniture Fair*, di mana perabot-perabot yang telah diusahakan oleh pengusaha-pengusaha bumiputera begitu tinggi sekali mutu pengeluaran mereka. Ini haruslah menjadi satu contoh kepada pengusaha-pengusaha bumiputera dan mengenai masalah-masalah mereka itu, kementerian dan juga kerajaan negeri akan berusaha untuk mengatasinya dan membantu mereka cara

macam mana kita dapat meneruskan dan menggalakkan mereka supaya mereka juga dapat bersaing dengan pengusaha-pengusaha yang bukan bumiputera.

Juga Yang Berhormat, kita meningkatkan program latihan dalam bidang teknologi reka bentuk dan pemasaran. Sebanyak 10 program latihan untuk bumiputera dicadangkan diadakan pada tahun yang akan datang dan kita akan teruskan program-program seumpama ini supaya mereka dapat manfaat hasil daripada program ini dan yang saya katakan awal-awal tadi, saya di dalam Kementerian Perusahaan Utama akan menitikberatkan tentang program seumpama ini supaya pengusaha-pengusaha bumiputera dapat melibatkan diri dan mengambil bahagian dalam program-program yang telah dan akan disediakan oleh kementerian.

Dan juga kita akan membina kemudahan gunasama seperti loji pengilang kayu, pusat 'kemas siapan' dan bilik pameran bertujuan meningkatkan mutu pengeluaran dan juga jualan dengan melibatkan kos yang minimum daripada pengusaha bumiputera, selalu masalah yang saya katakan tadi ialah kita tidak dapat memperdekatkan di antara kos pengeluaran dengan harga penjualan.

Di antara usaha-usaha yang diambil bagi memastikan pengusaha bumiputera ini dapat merebut peluang pasaran di luar negeri ialah melantik syarikat yang teguh dari segi jaringan pemasaran sebagai syarikat induk dan menggalakkan pengusaha-pengusaha bumiputera turut serta dalam misi perdagangan dan pameran tempatan dan luar negeri. Ini yang saya katakan tadi bahawa pengusaha-pengusaha bumiputera harus mengikuti misi-misi seumpama ini dan sekiranya ada misi seumpama itu saya juga akan jemput pengusaha-pengusaha daripada Setiu dan mana-mana tempat dan dalam kementerian saya, Yang Berhormat. Kita dalam mempertingkatkan ekonomi bumiputera, kita tidak lihat sama ada kawasan-kawasan atau pengusaha-pengusaha itu dalam kawasan pembangkang atau sebaliknya. Itu jaminan yang boleh saya berikan daripada Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tambun berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Ya, silakan.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya sebentar sahaja, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat ada menyentuh mengenai dengan isu kos dan hasil jualan melibatkan usahawan bumiputera. Saya difahamkan sekarang ini

usahawan bumiputera dalam bidang perabot banyak yang mendapat pasaran ekspot dan saya dapati bahawa margin yang didapati begitu kecil.

Datuk Anifah Aman: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memang satu kenyataan dan oleh kerana berdasarkan kepada Yang Berhormat katakan tadi, based on economic scale, memang pengusaha-pengusaha bumiputera ini akan mendapati bahawa kos mereka akan meningkat dan sekiranya mata wang ringgit juga akan naik maka kemungkinan mereka tidak dapat meneruskan perniagaan mereka dan bersaing dengan pengusaha-pengusaha yang lain.

Oleh itu, Yang Berhormat, kita juga akan membuat cadangan supaya pengusaha-pengusaha bumiputera ini dapat menubuhkan satu persatuan ataupun kerjasama di antara pengusaha-pengusaha bumiputera supaya mereka boleh bergabung dan untuk khusus ataupun specialized dalam pengeluaran produk-produk mereka. Kementerian telah pun berusaha supaya kita jalankan program yang memungkinkan satu syarikat itu mengeluarkan parts of the perabot yang dibuat itu tetapi malangnya usaha itu gagal dan kita akan mengambil usaha yang lain di mana kita berharap bahawa pengusaha-pengusaha bumiputera ini atau perabot bumiputera ni Yang Berhormat katakan tadi dapat mengatasi atau dapat bersaing dengan pengusaha-pengusaha yang lain.

Secara ikhlas saya katakan bahawa dalam suasana yang begitu baik sekali di mana industri perabot ini dalam tahun ini, kalau tidak silap, ialah dianggarkan sebanyak RM4 bilion tetapi pengusaha-pengusaha bumiputera tidak nampak atau tidak kelihatan begitu menyerlah sekali dan apatah lagi yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa apakah kemungkinan mereka ini tidak akan lenyap sama sekali sekiranya masalah itu Yang Berhormat bangkitkan tadi. Saya akan membawa permasalahan di atas kepada perhatian pegawai-pegawai dalam kementerian saya supaya merancang satu dasar demi untuk menyediakan mereka atau membekalkan mereka sekiranya perkara yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu akan berlaku. Terima kasih, Yang Berhormat.

Satu soalan daripada Yang Berhormat bagi Serdang di mana minta penjelasan adakah rancangan untuk menggantikan kawasan hijau di Lembah Klang yang telah dimajukan untuk pembangunan dan kedua, berapakah keluasan kawasan hutan simpan

kekal yang belum diwartakan dan apakah sebab ianya lewat diwartakan. Yang ketiga, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah pembalakan haram berleluasa di kawasan pedalaman hutan simpan kekal.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kerajaan berhasrat untuk mengekalkan sebanyak kawasan hijau yang mungkin yang boleh terutama sekali di kawasan bandar seperti di Lembah Klang. Perkara ini mungkin di bawah bidang kuasa jabatan yang lain.

Jawapan yang kedua, berapakah keluasan kawasan hutan, saya mohon notis untuk mendapatkan maklumat mengenai peng wartaan kawasan hutan dan saya akan sampaikan secara bertulis, Yang Berhormat.

Dan ketiga, langkah untuk mencegah pembalakan haram antaranya ialah:

- (i) pindaan kepada Akta Perhutanan Negara untuk mengenakan denda yang tinggi untuk mencegah pembalakan haram;
- (ii) menggunakan khidmat polis dan angkatan tentera untuk meningkatkan rondaan udara; dan
- (iii) menggunakan teknologi 'satellite remote sensing' bagi membuat pengawalan untuk tidak ada pembalakan ataupun kegiatan haram yang dilakukan.

Yang Berhormat bagi Serdang juga telah membangkitkan adakah hasil tanaman nanas memberi sumbangan kepada pekebun-pekebun kecil nanas dari segi penempatan. Untuk butiran 00300 Rancangan Penanaman Semula Nanas, Kementerian Perusahaan Utama telah melaksanakan pe lbagai program dan projek meliputi menyediakan kemudahan infrastuktur penanaman nanas yang teratur melalui pembinaan stesen nanas baru di negeri Kedah, Negeri Sembilan, Terengganu dan Johor. Di samping itu, kementerian juga memberi khidmat pengembangan seperti mempertingkatkan kefahaman teknik-teknik terkini, mengadakan program-program pembangunan usahawan serta memberi bantuan RM1,400 seekar dalam bentuk input pertanian untuk meningkatkan tahap produktiviti dan pendapatan mereka dan usaha ini akan diteruskan setiap tahun.

Yang Berhormat bagi Rompin telah membangkitkan beberapa isu, Yang Berhormat dah pulang? Tetapi tak apalah, saya akan terangkan di sini bahawa berhubung masalah duti minyak sawit yang dikenakan, kementerian akan mengatur

satu lawatan ke India yang akan diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sendiri pada bulan hadapan bagi mengadakan perbincangan dengan kerajaan India supaya mengkaji semula duti import ke atas minyak sawit bagi membolehkan minyak sawit bersaing dengan minyak sayuran lain di pasaran India. Pengurangan duti import tersebut akan memberikan banyak faedah kepada rakyat India sendiri kerana dapat mengurangkan harga minyak sawit di pasaran tersebut.

Dan kutipan ses PORIM pula adalah untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan R&D. Usaha ini perlu dijalankan secara berterusan dan dana yang mencukupi perlu disediakan walaupun PORIM kini dikatakan mempunyai dana simpanan yang agak tinggi, simpanan ini terbit daripada langkah berjimat cermat dan amalan belanja berhemat yang telah diambil. Namun begitu, berdasarkan pelan tindakan jangka panjang PORIM, aktiviti-aktiviti R&D yang akan dipergiatkan lagi akan menentukan industri ini terus berdaya saing. Ini sudah tentu memerlukan dana yang mencukupi pada setiap masa. Oleh itu, kutipan ses PORIM perlu diteruskan.

Satu lagi, sales tax di Sabah dan Sarawak....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Dah balik? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia mari, dia mari..
[Ketawa] Dia ada ilmu tak nampak.

Datuk Anifah Aman: Saya nak belajar ilmu dia supaya apa bila saya berucap, dia tak nampak, dia tak soal saya. Silakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya, kalau seorang daripada sana pergi Sanggang, saya pun ikut pergi Sanggang. Oleh kerana mereka ada, saya tetap ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalan tak? Sila, sila penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Ketawa]* Ini ses ini saya takut jawapan Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri baca tadi takut dituliskan oleh pegawai PORIM. Tetapi kerajaan sendiri sebab dia dah ada RM80

juta dah Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri, ya? Sedangkan masa yang sementara ini, saya bersetuju kalau yakin semua ahli Parlimen di dalam Dewan ini bersetuju supaya kita perlukan dana untuk menguruskan kajian kita, research kita, market development kita. Tapi pada masa sekarang ini, sementara ini, mungkin orang kata suspend the collection untuk setahun ke, tapi lepas itu bila harganya meningkat kembali, restore back untuk pengenalan ses ini. Itu saya minta kalau boleh kita tak mahu Datuk mengatakan bersetuju tapi kalau sanggup timbang pun dah cukuplah. Macam mana pandangan Datuk Timbalan Menteri?

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Ya, sebenarnya cadangan dari Yang Berhormat itu memanglah baik demi dalam keadaan yang sekarang ini dan walau bagaimanapun kita mengira jangka masa panjang supaya apabila dana kita menurun, kemungkinan kita tidak dapat membuat satu kaji selidik ataupun yang begitu terperinci dan ini berkemungkinan kita akan mundur dan kita kluatir juga bahawa perladangan di Indonesia begitu meningkat dan juga di lain-lain tempat. Maka apabila kita hendak membuat kajian seterusnya ataupun mendalam dan apabila dana kita sudah berkurangan, apabila masih dalam kegawatan juga apakah kemungkinan bahawa peladang-peladang ini akan menerima ses yang kita akan kenakan itu. Oleh itu, walaupun cadangan itu baik dan mengambil kira keadaan peladang-peladang ataupun pengeluar-pengeluar kelapa sawit terutama sekali pekebun-pekebun kecil, walau bagaimanapun saya berpendapat bahawa kita akan teruskan kutipan itu demi untuk kebaikan jangka masa panjang. Terima kasih, Yang Berhormat.

Berhubung dengan sales tax di Sabah dan Sarawak. Berhubung dengan sales tax di Sabah, kementerian saya telah pun menghubungi kerajaan negeri Sabah untuk memohon jasa baiknya supaya cukai ini dimansuhkan untuk membantu industri minyak sawit. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa kita di Sabah ini oleh kerana saya sudah pun mengada kan perbincangan secara brief dengan Ketua Menteri kita bahawa kalaulah kita mansuhkan sales tax ini maka negeri Sabah itu tidak mendapat manfaat daripada hasil keluaran ladang yang begitu besar dan saya ingat di Sabah ini tidak berapa lama lagi, kalau tidak silap, kita adalah di antara pengeluar yang terbesar terutama sekali koko. Jadi, kalau kerajaan negeri tidak mengenakan sales tax itu maka kerajaan negeri tidak akan dapat manfaat secara langsung. Jadi,

oleh itu saya berpendapat sales tax yang dikenakan kemungkinan kerajaan negeri akan meneruskan juga.

Mengenai duti free untuk CPO, kementerian bersedia mengkaji cadangan Yang Berhormat bagi Rompin supaya CPO dikecualikan daripada...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gaya berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Yong Teck Lee: Saya minta penjelasan sama ada menteri sedar bahawa sales tax yang dikenakan CPO di Sabah itu menggunakan satu *threshold*. Kalau ya, lebih daripada RM1,000 baru dia dikenakan sales tax dan kalau harga CPO turun, sampai tidak lagi viable bagi peladang maka tidak lagi dikenakan sales tax. Dibandingkan dengan Sarawak, saya difahamkan menggunakan peratus, tidak kira apa harganya CPO, tidak kira ada *threshold* tidak. Tetapi di Sabah ia ada *threshold*. Kalau ia turun ke satu harga yang tidak lagi viable, tidak kena sales tax

Jadi dalam keadaan itu, saya rasa kerajaan negeri dapat hasil daripada sales tax apabila peladang dan industri kelapa sawit harga yang begitu baik seperti dalam 23 tahun ini dan kalau ia turun tidak kena sales tax. Jadi, saya anggap ini *win-win* bagi pihak peladang dan palm oil industry bersama dengan kerajaan negeri. Kalau tidak, adakah menteri sedar bahawa kalaulah pihak Kerajaan Pusat meminta supaya sales tax ini dimansuhkan, ini bermakna walaupun pada ketika dulu syarikat-syarikat kelapa sawit untung beratus juta ringgit setahun tetapi tidak kena bayar satu sen pun kepada kerajaan negeri. Ini sales tax dikenakan bukan pada masa sayalah, selepas masa saya. Cuma saya sokong sahaja apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Datuk Anifah bin Aman: Terima kasih. Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya baru hendak bertanya dengan bekas Ketua Menteri Sabah sama ada sales tax ini dikenakan waktu masa Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat bagi Gaya juga setuju. Manakala yang dikatakan *the threshold* di mana mengadakan *win-win situation* iaitu sekiranya harga pasaran melebihi RM1,000 maka sales tax itu dikuatkuasakan.

Yang Berhormat bagi Rompin, rupa-rupanya Kerajaan Negeri Sabah telah mengambil kira tentang masalah yang berbangkit dan oleh itu sales tax yang dikenakan itu ialah mengambil kira semua faktor yang telah pun diambil kira oleh

kerajaan negeri. Kementerian yang saya katakan tadi minta duty free untuk CPO dan kalau tidak silap saya Yang Berhormat bagi Rompin bahawa ada beberapa syarikat yang telah pun dikecualikan daripada import duti iaitu daripada FELDA, FELCRA dan lain-lainnya. Walau bagaimanapun, kita akan terus mengkaji sama ada apakah keberkesanan ataupun apakah manfaat yang boleh didapati oleh kerajaan dan juga pengusaha-pengusaha seperti itu.

Yang Berhormat bagi Rompin dan Kubang Kerian, membangkitkan masalah *global warming* dan kenaikan suhu dalam negeri. Kementerian sedar mengenai peranan hutan serta tanaman-tanaman pertanian seperti kelapa sawit, getah dan sebagainya sebagai ejen penyerap carbondioxide yang banyak menyumbangkan kepada kenaikan suhu dan *global warming*. Oleh kerana itu, kementerian menekankan kepada pengurusan hutan secara berkekalan agar gejala ini dapat ditangani atau diminimumkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mambong ya, Mambong berdiri.

Tuan James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Anifah bin Aman: Saya belum beri

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya belum bagi dia lagi. Saya beritahu dia berdiri sahaja. Terpulang kepada Menteri hendak bagi ataupun tidak.

Datuk Anifah bin Aman: Saya hendak tahu jam berapa, 5.30 petang?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kita habis hari ini 5.30 petang.

Datuk Anifah bin Aman: Saya kira kalau dapat diteruskan saya boleh bagi laluan dengan Yang Berhormat bagi Mambong, tidak apalah, bolehlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Tuan James Dawos Mamit: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin penjelasan, suhu meningkat disebabkan beberapa faktor termasuk peningkatan, pengeluaran *green house creatures* oleh industri. Kini mana-mana pihak boleh membuat perdagangan karbon atau *carbon trading* di Bursa Saham Carbon di Sydney ataupun Sydney Carbon Futures Exchange di mana mana-mana pihak boleh memelihara hutan mereka dan dibayar satu harga oleh pihak-pihak

industri yang boleh terus mengeluarkan karbon dalam tempoh yang dipersetujui. Ini adalah satu kaedah bagi memelihara hutan. Soalan saya ialah bolehkah negara kita melibatkan dalam *carbon trading* ini? Terima kasih.

Datuk Anifah bin Aman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Sebenarnya saya belum bersedia untuk menjawab sama ada boleh atau tidak tetapi seelok-eloknya kalau Yang Berhormat mempunyai kepakaran ataupun pertalian di antara syarikat-syarikat yang dikatakan barangkali Yang Berhormat boleh majukan satu cadangan kepada kementerian supaya kita boleh mengkaji dan apakah bahawa ini boleh juga diusahakan sebagai satu industri untuk peniaga-peniaga kita terutama sekali peniaga-peniaga yang besar-besaran.

Beralih kepada Yang Berhormat bagi Bachok tadi, dasar penanaman tembakau bercanggah dengan dasar pembangunan negara khususnya mengenai kesihatan dan Lembaga Tembakau Negara akan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah dan kerugian yang dialami oleh penanam dan pengawet akibat banjir.

Ketiga, Lembaga Tembakau Negara patut buat rancangan jangka masa panjang untuk mencari tanaman alternatif.

Jadi Yang Berhormat, kementerian sedang berusaha bersama dengan Kementerian Pertanian dan setakat ini belum lagi menerima cadangan tanaman alternatif yang boleh memberi hasil yang sama sebagai tanaman tembakau. Lembaga Tembakau Negara juga memang prihatin menyelesaikan masalah yang dihadapi akibat banjir di mana di bawah Program Perairan dan Perparitan sejumlah RM3.8 juta telah diperuntukkan manakala di bawah Program Pemulihan Kawasan sejumlah RM3 juta telah disediakan untuk pembinaan saluran *territory* di kawasan tanaman tembakau.

Selain daripada apa yang disebutkan tadi, mengenai peruntukan yang telah diberi untuk menggalakkan pertanian bersepadu, apa yang telah saya difahamkan bahawa kemungkinan pengilang akan memberi sedikit pampasan bukan secara langsung iaitu baja akan diberikan kepada pengusaha-pengusaha ataupun penanam-penanam untuk menanam semula tembakau-tembakau mereka yang telah pun musnah dan pengilang-pengilang juga akan menawarkan sebanyak RM1,400 sehektar untuk sejumlah 4,000 hektar yang terlibat dalam masalah banjir. Ini ada kemungkinannya

dan akan kita pastikan dan sekiranya kita mendapat kepastian akan kita maklumkan kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga bertanya apakah tujuan MTIB dan MTC ditubuhkan dan berapakah peruntukan diberikan kepada MTIB dan MTC.

Sebenarnya MTIB dan MTC mempunyai fungsi yang berbeza. MTIB ditubuhkan untuk mengatur, mengawal dan memajukan perusahaan.

Fungsi utama MTC pula adalah untuk memantau kempen anti-kayu tropika. Aktiviti-aktiviti lainnya dijalankan oleh kerana memandangkan kegiatan anti-kayu tropika telah pun berkurangan. MTC telah pun menjalankan fungsi galakan pemasaran dan pelaburan dalam industri kayu-kayan. Dalam melaksanakan fungsinya MTIB mendapat peruntukan daripada dua sumber iaitu pertama ialah 10% daripada wang levi ataupun ses yang dikutip daripada eksport kayu-kayan dan bagi pembangunan pula mendapatkan sumber daripada kerajaan kita.

Bagi MTC pula bagi peruntukan yang diberi adalah dari faedah yang diterima daripada peruntukan dana *endowment yang* diagih-agihkan daripada wang levi kayu.

Akhir sekali iaitu isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, isu penggunaan minyak sawit sebagai

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: : Ya, Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya rasa ada banyak perkara yang saya bangkitkan yang belum dapat jawapan dan saya kurang jelas apa beza fungsi di antara MTIB dan MTC dan saya juga belum dapat kepastian berapa jumlah peruntukan yang diberikan oleh kementerian ini kepada MTIB. Kalau tidak dapat beri hari ini, kalau dapat dibekalkan jawapan bertulis, saya amat menghargai. Dan saya juga telah membangkitkan senarai jawatankuasa perhutanan negeri-negeri dan sama ada Negeri Sembilan dan juga Perak mempunyai jawatankuasa perhutanan dan tarikh mesyuarat tiap-tiap jawatankuasa perhutanan untuk sepuluh tahun yang lalu.

Saya rasa satu perkara yang belum disentuh ialah tentang granite, adakah KLIA, KLCC dan Putrajaya mendapat bekalan granite tempatan ataupun diimport. Kalau diimport itu berapa jumlah yang telah diimport dan syarikat yang telah

menawarkan granite tempatan tetapi ditolak tawaran-tawaran mereka dan jumlah tawaran-tawaran yang telah dikemukakan.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Ya, apa yang telah disarankan Yang Berhormat tadi oleh kerana saya ingat jawapan-jawapan tidak dapat disenaraikan maka kita akan memberi apa yang diperlukan oleh Yang Berhormat tadi termasuk dari segi penggunaan granite yang telah pun dilaksanakan di KLIA. Saya ingat pada masa kini kita tidak dapat daripada segi statistiknya dan sama ada alternatif ataupun granite yang telah digunakan di KLIA itu boleh didapatkan dalam negeri. Jadi kita akan majukan secara bertulis apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat tadi.

Sebelum saya pergi ke Kepong, saya pergi ke Tuaran dahulu. Yang Berhormat bagi Tuaran telah pun bertanya apakah program mempromosikan keluaran kayu di Sabah, hasil hutan di Sabah telah menurun daripada RM500 juta kepada RM200 juta. Recovery rate perlu dipertingkatkan, pengsesuaian hasil hutan yang menyeluruh perlu digalakkan, membangunkan industri bio-teknologi, kajian ke atas fast growing timber species dan kebakaran hutan serta peranan kementerian dalam menangani soal kebakaran hutan. Yang Berhormat, kementerian daripada masa ke semasa menganjurkan misi galakan kayu-kayan ke luar negeri. Pihak industri di Sabah turut dijemput untuk menyertai misi galakan seumpama ini.

Untuk membangunkan industri bio-teknologi ini, satu unit khas telah pun ditubuhkan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia ataupun FRIM untuk memajukan industri ubat-ubatan berasaskan hasil hutan. FRIM juga telah pun mewujudkan kerjasama dengan Massachusetts Institute of Technology atau MIT dan beberapa pihak lain untuk menjalankan kajian ke atas potensi beberapa hasil hutan dalam pengeluaran ubat-ubatan. Ini termasuklah, Yang Berhormat, Tongkat Ali. Saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat telah pun pernah menggunakan Tongkat Ali. Jadi walau bagaimanapun, usaha-usaha yang dijalankan masih di peringkat awal lagi dan namun penerimaan amat memberangsangkan dan kementerian percaya negara akan berjaya untuk memajukan industri di masa-masa akan datang. Kita sentiasa memberi perhatian serius kepada soal intellectual property right dalam program kerjasama dengan pihak-pihak asing agar negara tidak mengalami kerugian.

Mengenai kegiatan ke atas fast growing timber species ini, dengan izin, kajian-kajian masih terus dijalankan bagi memastikan spesies-spesies ini cepat tumbuh dapat memberi hasil yang dapat memenuhi kehendak pasaran.

Mengenai kebakaran hutan pula, soal kebakaran hutan pada masa ini ditangani oleh Majlis Gerakan Negara atau MGN di bawah Kementerian Penerangan. Kementerian ini turut terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak MGN. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian tidak mempunyai kakitangan terlatih satu pelengkap ataupun serta kelengkapan yang mencukupi untuk menangani soal kebakaran hutan secara bersendirian. Walau bagaimanapun, kementerian dan jabatan-jabatan perhutanan sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak MGN supaya kita sedikit sebanyak dapat membantu mereka untuk mengatasi masalah kebakaran ini.

Yang Berhormat bagi Kepong tadi isu penggunaan minyak sawit sebagai...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat bagi Bandau.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengulas sedikit tentang pemprosesan kayu di peringkat negeri Sabah. Saya hanya sekadar minta penjelasan dari pihak kementerian khususnya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tentang dasar di peringkat negeri dan apakah pandangan kementerian di mana pada masa yang sama pihak kerajaan masih membenarkan pengeksportan kayu balak sebagai satu dasar untuk mendapatkan harga balak yang premium, dengan izin. Dan pada masa yang sama pemprosesan itu yang masih sekadar begitu sahaja tidak ada kemajuan dalam kedua-dua sektor. Kita galakkan untuk mengeksport tetapi sambutan begitu sejuk sekali, tahun 1998 dua sahaja shipment. Pemprosesan pada masa yang sama tidak ada kemajuan juga kerana dasar yang bercanggah. Jadi ke mana kita pergi dan apa pendirian pihak kementerian dalam perkara ini. Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandau. Ya, ini adalah dasar kerajaan negeri dan kita daripada persekutuan kita dimaklumkan dan memanglah kerajaan negeri juga mengambil kira tentang industri tempatan dan apa yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa biarpun kita membuat kelonggaran untuk mereka mengeksport kayu-kayu mereka tetapi nyata sekali bahawa

mereka cuma Yang Berhormat katakan tadi mengeksport dua shipment. Dan ini jelas menunjukkan bahawa kayu-kayu itu digunakan dalam industri-industri tempatan kita dalam usaha-usaha itu. Walau bagaimanapun, kita akan berbincang dengan kerajaan negeri sama ada keperluan-keperluan itu hendak diteruskan atau kita menitikberatkan tentang penggunaan industri-industri tempatan supaya kita dapat daripada added value itu lebih tinggi daripada apa yang kita luluskan daripada pengeksportan itu.

Yang Berhormat Kepong tadi isu penggunaan minyak sawit sebagai minyak diesel. Suka saya menjelaskan bahawa bahan sisa atau suntingan pokok sawit seperti pelepah, batang dan tandan kosong mempunyai potensi untuk menghasilkan pelbagai produk, di antaranya ialah MDF atau Medium Density Fireboard, pulpa dan kertas serta sebagai bahan makanan ternakan. Teknologi penghasilan produk tersebut telah pun disediakan untuk dikomersialkan oleh pihak industri.

Berhubung dengan penggunaan minyak sawit sebagai diesel. Kajian tersebut telah pun selesai dan hasilnya menunjukkan bahawa minyak sawit memang sesuai digunakan sebagai bahan bakar alternatif secara teknikalnya. Namun begitu, penggunaan minyak sawit sebagai diesel masih tidak ekonomikal buat masa ini dan di masa-masa yang akan datang akan digalakkan pula pada masa depan sebagai sumber tenaga yang renewable atau mesra alam.

Tuan Pengerusi, itu sahaja yang dapat saya jawab kepada pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat pada petang ini dan oleh itu sekiranya ada soalan-soalan yang belum dapat dijelaskan atau barangkali Yang Berhormat bagi Kepong memang selalu apa jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat daripada Barisan Nasional memang dia tidak puas hati. Walau bagaimanapun, saya ingat selama saya duduk dalam Dewan ini belum ada pernah saya melihat Yang Berhormat bagi Kepong menerima penjelasan atau jawapan kita dengan terbuka. Walau bagaimanapun, di masa-masa akan datang saya cuba akan memberi jawapan yang terperinci yang memenuhi citarasa Yang Berhormat bagi Kepong. Dan juga saya berharap di masa-masa akan datang supaya Yang Berhormat bagi Kepong mengemukakan soalan itu dengan tepat oleh kerana banyak berdolak-dalik saya pun tidak faham dengan soalan-soalan yang dikemukakan, mana yang soalan, mana yang pertanyaan, mana yang penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datuk Anifah Aman: Minta maaf, saya masa...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Tidak bagi. Masa sudah sampai, Tuan Pengerusi. Jadi sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan isu-isu yang telah pun membabitkan Kementerian Perusahaan Utama dan kepada jawapan-jawapan yang memerlukan secara bertulis, insya-Allah, kita akan kemukakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM129,375,700 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM129,375,700 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM94,525,950 untuk Maksud P.18 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM94,525,950 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A., S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Ch ang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Ga ndum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)

- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Ko ta Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)

- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)

Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan
Alias bin Md. Nor

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Jilid II Bil. 21 Rabu 22 Mac 2000

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

Jawatankuasa:

Jadual –

Maksud B.17

(Halaman 23)

Maksud B.18

(Halaman 65)

USUL

Anggaran Pembangunan 2000

Jawatankuasa:

Maksud P.17

(Halaman 23)

Maksud P.18

(Halaman 65)